

Bil. 20

**Rabu
23 Ogos 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995

Jawatankuasa -

Jadual:

Maksud B.34

(Ruangan 18)

Maksud B.39

(Ruangan 35)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil) 1995

Jawatankuasa -

Maksud P.46

(Ruangan 53)

Maksud P.47

(Ruangan 62)

Maksud P.49

(Ruangan 65)

Maksud P.54

(Ruangan 68)

Waktu Mesyuarat dan Urusan yg dibebaskan
daripada Peraturan Mesyuarat

(Ruangan 52)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kegagalan Menepati Piagam Pelanggan

- Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)

(Ruangan 79)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

- Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- " TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- " TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- " TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).

Yang Berhormat TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).

- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " Tuan Lim Si Cheng (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- " DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).
- " TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- " DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

- " DR. TAN YEW KOW (Kelang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji
Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K.

Ketua Penolong, Setiausaha : Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd Yusop,
P.P.N.
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

- Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 23hb Ogos, 1995

Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis.

(Soalan No. 1 – Y.B. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis tidak hadir)

**USAHAWAN KECIL TEMPATAN
MEMBUAT PINJAMAN BANK —
MELONGGARKAN SYARAT**

2. Tuan Hashim bin Ismail minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan syarat-syarat pinjaman bank kepada usahawan-usahawan tempatan khususnya usahawan-usahawan kecil yang dikatakan lebih longgar hasil daripada persetujuan yang dicapai oleh Yang Berhormat Menteri dengan bank-bank tempatan baru-baru ini, dalam usaha mengelakkan para usahawan daripada terus bergantung kepada ceti.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan (Tuan Idris bin Jusoh):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengadakan dialog dengan pihak bank dan usahawan pada 10hb Julai 1995.

Dalam dialog berkenaan, bank-bank dan institusi-institusi kewangan telah diminta lebih bersimpati dengan keperluan usahawan-usahawan kecil dan sederhana dan mencari jalan bagi mengatasi masalah proses memperolehi pinjaman yang memakan masa terlalu lama. Pihak bank memberi jaminan bahawa kelulusan bagi satu-satu pinjaman lebih berasaskan viabiliti projek dan tidak terlalu bersandar kepada cagaran. Pihak kementerian juga telah membangkitkan sikap pegawai bank di peringkat cawangan yang kurang memahami dasar bank di peringkat ibu pejabat.

Pihak kementerian telah meminta jasa baik Persatuan Bank-bank Malaysia untuk mengambil kira pandangan-pandangan ini. Pada pandangan kementerian, perkara-perkara ini perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak bank dan institusi kewangan bagi membendung gejala-gejala yang tidak sihat, terutamanya pergantungan usahawan-usahawan kecil kepada ceti haram atau 'along' untuk mendapatkan pinjaman segera.

Pihak kementerian juga telah meminta jasa baik Persatuan Bank-bank Malaysia mengadakan siri dialog dari semasa ke semasa dengan usahawan-usahawan kecil dan sederhana bagi mendalami masalah

sebenarnya mereka. Di peringkat Kementerian Pembangunan Usahawan, saya bercadang untuk mengadakan majlis dialog ini setiap 3 atau 4 bulan untuk mengikuti perkembangan isu-isu yang telah dibangkitkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek perintis Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) di Pulau Pinang yang telah dikendalikan oleh Pusat Penyelidikan Dasar (CPR), Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC) adalah juga merupakan usaha kerajaan untuk membolehkan usahawan-usahawan kecil mendapat laluan yang lebih mudah (easier access) untuk mendapatkan pinjaman.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebut bahawa ada pegawai bank pada peringkat cawangan yang masih tidak memahami dasar bank. Apakah usaha yang dibuat bagi menjamin supaya pegawai-pegawai bank pada peringkat cawangan ini dapat memahami sebenar-benarnya dasar bank supaya usahawan-usahawan kita dapat dibantu pada kadar yang segera?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, kita cuba mengadakan dialog dengan pihak-pihak bank setiap 3 bulan atau 4 bulan sekali untuk memastikan supaya mereka lebih memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil dan juga dengan harapan dasar bank ini dapat di'filter'kan, dengan izin, kepada pegawai-pegawai di peringkat cawangan.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Saya dapati banyak bank terutama di peringkat cawangan yang menyatakan pinjaman dalam bentuk CGC untuk usahawan-usahawan kecil telah habis. Adakah ini benar atau pun sengaja diada-adakan.

Perkara kedua, mengenai dengan pinjaman kepada usahawan-usahawan kecil. Terdapat skim-skim pinjaman kepada usahawan kecil di mana ia perlukan jaminan daripada persatuan penjaja kecil, tetapi ada maklumat menyatakan bahawa persatuan penjaja kecil ini menyeleweng. Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh kementerian?

Tuan Idris bin Jusoh: Yang Berhormat dari Tambun, berkenaan dengan pinjaman CGC habis, ini perlu dikaji kes demi kes.

Untuk soalan yang kedua, memang pada peringkat awalnya pinjaman CGC ini dijamin oleh persatuan penjaja kecil tetapi cara ini sudah tidak dipraktikkan sekarang kerana ianya lebih kepada viabiliti projek, sebagaimana yang saya telah katakan tadi.

KERETA PROTON — AMALAN PILIH KASIH DAN RASUAH

3. **Tuan Ho Cheng Sing** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada pihak kementerian sedar bahawa sistem pendaftaran senarai menunggu untuk membeli kereta Proton yang sedia ada, membolehkan berlakunya amalan pilih kasih dan rasuah di kalangan jurujual dan merugikan pihak pembeli. Apakah tindakan pihak kementerian?

28.8.95

31. **Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna menyatakan adakah ia sedar bahawa ada pembeli-pembeli Proton Satria telah memesan kereta itu melalui pengedar-pengedar Proton dengan membayar deposit sehingga RM4,000 pada akhir tahun 1994 sehingga Julai 1995 belum lagi mendapat pesannya sedangkan mereka yang membuat pesanan tidak melalui pengedar Proton yang sah telah mendapat pesanan mereka tidak sampai dua (2) bulan dari tarikh pesanan dibuat kerana pembeli telah membayar wang sogokan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan ini bersama dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih yang dijadualkan pada 28hb Ogos 1995 kerana perkara yang dibangkitkan adalah sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sambutan bagi kereta nasional adalah sungguh menggalakkan sehingga permintaan melebihi pengeluaran. Keadaan ini telah menyebabkan pembeli-pembeli terpaksa menunggu giliran untuk suatu tempoh yang tertentu. Dalam pemeriksaan yang dijalankan, didapati sistem yang diamalkan adalah memuaskan, iaitu berdasarkan giliran dalam senarai menunggu di mana yang dahulu didahulukan. Walau bagaimanapun, senarai menunggu ini juga tertakluk kepada beberapa faktor lain seperti faktor lain seperti jenis, model dan warna yang ditempatkan.

Bilangan pembeli yang membuat tempahan di sesuatu premis pengedar juga boleh menentukan jangka masa

pembekalan kerana jika ramai pembeli membuat tempahan, maka akan lebih panjanglah senarai menunggu. Faktor-faktor ini boleh menyebabkan kelewatan yang tidak disengajakan.

Di dalam konteks urusniaga kenderaan bermotor ini, jika pembeli-pembeli mengesyaki ada penyelewengan atau rasuah dilakukan oleh syarikat pengeluar kereta, pengedar atau jurujual maka perkara ini eloklah diadukan dengan bukti-bukti kepada pihak yang berkuasa termasuk Badan Pencegah Rasuah supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Tuan Ho Cheong Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jumlah kes aduan mengenai pembelian kereta nasional setakat ini, adakah kes aduan dapat diselesaikan?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dari tempoh bulan Januari hingga bulan Julai 1995 kes aduan mengenai pembelian kereta nasional adalah seperti berikut; Proton 24 aduan, Proton Satria 52 aduan dan Perodua Kancil 14 aduan. Jumlah kes ialah 90 aduan.

Oleh kerana pembeli-pembeli yang membuat aduan hanya lebih berminat untuk kementerian membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi daripada meneruskan tindakan undang-undang, kes aduan yang diterima pun diselesaikan melalui perbincangan antara syarikat EON dan penguatkuasa kementerian saya.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, inilah kali pertama soalan tambahan dijawab secara bermutu. *(Disampuk)* Mungkin nampaknya ada bakat sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan.

Tuan Tan Kok Wai: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar pada hakikatnya bahawa daripada kalangan pembeli-pembeli kereta Proton terdapat agak ramai daripada mereka bukan pembeli tulen dan adalah disyaki ada sindiket atau peniaga-peniaga kereta terpakai misalnya yang mendaftarkan sebagai pembeli untuk tujuan mengaut keuntungan yang lebih tinggi daripada jualan asal. Kadangkala beberapa ribu ringgit hingga RM10,000 pun ada. (Disampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai: Adakah Yang Berhormat sedar dan apakah siasatan pernah diambil terhadap perkara ini dan apakah tindakan juga untuk mencegah kegiatan ini?

Soalan yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar juga ada banyak aduan yang dikemukakan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa soalan itu mempunyai tiga bahagian, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Tiga bahagian dalam soalan pertama. Bagi soalan kedua, bahagian pertama, adakah Yang Berhormat sedar ada banyak aduan yang ditujukan kepada kementerian; bukan sahaja kementerian, kepada rakan saya Yang Berhormat dari Kota Melaka pun ada, beliau pun pernah terima, bahawa ada banyak pembeli kereta Proton atau Satria, pembeli-pembeli dipaksa mengambil pinjaman membeli kereta untuk selama lima tahun. Kalau tiga tahun, mereka tidak akan diberikan kereta dan memaksa pembeli-pembeli terpaksa mengambil

pinjaman selama lima tahun dan bukan tiga tahun yang mereka berhasrat. Apakah pendirian kementerian dan tindakan yang telah diambil untuk menangani masalah ini? Harap memberi jawapan yang bermutu.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama berkenaan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Cheras, saya minta bukti-bukti yang spesifik diberi kepada kementerian saya (*Tepuk*), supaya kementerian saya akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Untuk menjawab soalan yang kedua, saya telah menyatakan bahawa pembeli-pembeli kereta Proton boleh memilih syarikat kewangan yang mana boleh menawarkan kadar faedah pinjaman atau tempoh yang pendek dan sesuai. Jadi, di sini kementerian saya tidak terima apa-apa aduan. Kalau Yang Berhormat dari Cheras boleh mengemukakan butir-butir berkenaan yang dibangkitkan, kementerian saya akan mengambil tindakan. (*Tepuk*)

PERKESO — PROSES BAYARAN PAMPASAN

4. **Tuan Joseph Mauh anak Ikeh** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sama ada kerajaan sedar atas masalah kelewatan proses bagi para pekerja atau wakil simati untuk menerima pembayaran pampasan dan tuntutan dari SOCSO;
- (b) untuk mengatasi kerumitan dan masalah tersebut adakah kerajaan bercadang untuk meminda Akta SOCSO supaya perlindungan pekerja dan tuntutan pampasan dapat ditingkatkan lagi; dan

- (c) jumlah pejabat SOCSO di Sarawak dan apakah masalah yang dihadapi oleh pegawai dan kakitangan mereka, jika ada.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa ada kadangkala terdapat kelewatan mengenai proses meluluskan pembayaran faedah tetapi ianya bukan disengajakan. Urusan memproses sesuatu tuntutan itu mengambil sedikit masa. Ini tidak dapat dielakkan kerana ia bertujuan memastikan setiap tuntutan itu adalah sah dan teratur serta untuk menjaga kepentingan caruman ahli-ahli PERKESO yang terdiri daripada pekerja dan majikan. Kementerian Sumber Manusia amat peka dan prihatin berhubung kes-kes yang dikendalikan oleh PERKESO kerana semua kes membabitkan bencana kepada pekerja baik ringan, berat ataupun maut. Oleh itu, kementerian sentiasa mengkaji mempertingkatkan perkhidmatan PERKESO terutamanya untuk menyelesaikan kes-kes secepat mungkin. Pada tahun 1994, satu kajian yang meliputi semua penerima faedah telah dijalankan dengan persampelan secara rambang bagi tempoh 3 bulan dan hasilnya adalah seperti berikut:

Soalan selidik Bil. Responden

Masa yang diambil:

Cepat	240
Memuaskan	469
Lambat	136
Tiada Jawapan	50

Soalan selidik Bil. Responden

Layanan Perkhidmatan

Sangat baik	171
Baik	363
Memuaskan	275
Tidak Memuaskan	39
Tiada Jawapan	47

- (b) Adalah tidak perlu meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 semata-mata kerana berlakunya beberapa insiden, kerumitan dan masalah pembayaran faedah PERKESO. Dalam hubungan ini, PERKESO senantiasanya mengkaji prosedur-prosedur sedia ada bagi melicinkan lagi proses, di samping menjalankan latihan-latihan untuk anggota-anggotanya. Majikan dan pekerja juga tidak ketinggalan diberi penerangan mengenai prosedur-prosedur berkenaan. Lazimnya, PERKESO boleh membayar tuntutan faedah di antara 15 hingga 90 hari bergantung kepada jenis faedah yang dituntut, misalnya bayaran tuntutan faedah pengurusan mayat boleh dibayar dalam tempoh 15 hari, faedah hilang upaya sementara dalam 30 hari, dan bayaran pertama faedah hilang upaya kekal, faedah orang tanggungan, faedah pencen ilat dan faedah pencen penakat dalam 90 hari. Walau bagaimanapun, tempoh masa yang ditetapkan itu adalah tertakluk bahawa PERKESO menerima lengkap semua maklumat/dokumen yang diperlukan.
- (c) PERKESO mempunyai 7 buah pejabat kecil di Sarawak bertempat di Kuching, Sri Aman, Bintulu, Sibu, Kapit, Sarikei dan Miri. PERKESO mendapati masalah yang

dihadapi adalah masalah routine dan senang diatasi melalui kerjasama dan kefahaman semua pihak termasuk daripada pegawai dan kakitangan PERKESO sendiri.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah kes-kes yang dibawa kepada pihak SOCSO tiap-tiap tahun di negeri Sarawak dan sama ada peratusan kes itu telah meningkat atau menurun sekarang?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis untuk menjawab soalan tersebut.

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sedar ada pekerja yang tidak mempunyai kad pengenalan, bekerja dengan kompeni kayu balak dan mengalami kemalangan ataupun kematian? Selalunya mereka tidak diberi sebarang keistimewaan termasuk PERKESO ataupun SOCSO. Siapakah yang harus dipertanggungjawabkan dalam perkara ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, coverage PERKESO adalah hanya diberi kepada rakyat Malaysia. Pihak kerajaan sedang pun memikirkan bagaimana kita dapat juga memberi coverage kepada pekerja-pekerja yang bukan rakyat Malaysia khususnya pekerja-pekerja dari luar negeri, mungkin dengan mengadakan satu sistem insurans. Ini masih dalam peringkat kajian dan insya Allah ianya dapat diputuskan dalam masa yang paling singkat.

Tuan Md Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebut

kebanyakan kes dapat diselesaikan di antara tempoh 15 hingga 90 hari. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia. Namun begitu, didapati ada beberapa kes yang terlewat diselesaikan. Apakah puncanya yang dapat dikesan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah nyatakan kadangkalanya tuntutan perlulah dibuat oleh majikan dan kadangkadangkadangkang majikan pula mengemukakan borang-borang permohonan mereka itu tanpa butir-butir yang lengkap dan terpaksa pula pihak pegawai menghantar surat untuk memberi butir-butir tambahan. Ini adalah salah satu perkara yang paling besar yang telah melambatkan proses tersebut. Itulah sebabnya, maka di antara langkah-langkah yang diambil adalah untuk memberi penerangan kepada majikan-majikan bagaimana hendak membuat tuntutan dalam sesuatu kes.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Philip Yong Chew Lip.

(Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Philip Yong Chew Lip tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Radin Malleh.

(Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Radin Malleh tidak hadir).

KEMALANGAN JALAN RAYA — MENGURANGKAN KADAR

7. Tuan Yunus bin Rahmat minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) sejauh manakah Jabatan Pengangkutan Jalan dapat

mencapai objektif Jabatan bagi melahirkan pemandu yang berhemat ke arah mengurangkan kadar kemalangan maut ke tahap 30% menjelang tahun 2000;

- (b) apakah matlamat "sifar aduan" telah tercapai dan berapakah jumlah kes aduan mengenai perilaku kakitangan dan perkhidmatan kaunter di JPJ mengikut negeri diterima dan berapa jumlah kes yang telah diselesaikan untuk tahun 1993 hingga Jun 1995; dan
- (c) sejauh manakah JPJ telah menyediakan dan melaksanakan Kurikulum Baru Lesen Vokasional ke arah menyediakan pemandu-pemandu kereta Perkhidmatan Awam untuk membantu kejayaan kempen Tahun Melawat Malaysia dan persiapan Sukan Komanwel 1998 (SUKOM).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian:

- (a) adalah sukar setakat ini untuk mengukur sejauhmanakah tahap pencapaian objektif melahirkan pemandu-pemandu berhemat. Ini adalah kerana untuk mencapai objektif tersebut saluran yang digunakan ialah Kurikulum Baru Sekolah Memandu ataupun dikenali sebagai KBSM dan ianya dimulakan semenjak tahun 1991. Daripada seramai 7.2 juta pemandu aktif, hanya 22.2% sahaja yang menjalani ujian memandu di bawah KBSM.
- (b) Aduan sifar adalah bertujuan untuk mewujudkan satu peralihan paradigma bagi meningkatkan imej Jabatan

Pengangkutan Jalan serta menjadi motivasi utama di dalam usaha dan program yang dirancang dan dilaksanakan oleh JPJ. Di samping itu, ianya bertujuan untuk menjadikan JPJ sebagai sebuah organisasi kerajaan bersih dari segala tuduhan dan tohmahan serta aduan orang ramai. JPJ akan berikhtiar untuk mencapai matlamat aduan sifar ini melalui langkah-langkah dan program untuk mengatasi kelemahan dalam semua peringkat organisasi termasuk penipuan sifar, kecacatan sifar, kelewatan sifar dan pembaziran sifar. JPJ percaya melalui slogan Aduan Sifar dan dengan pembaikan serta peningkatan kecekapan dan produktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan wawasan murni JPJ akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan slogan Aduan Sifar hanya mula dilancarkan pada awal tahun 1995, adalah terlalu awal untuk menilai sama ada matlamatnya telah dicapai ataupun tidak. Walau bagaimanapun, berhubung dengan aduan mengenai perilaku kakitangan perkhidmatan kaunter JPJ sejak tahun 1993 hingga Jun 1995 perangkaannya adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	
	Bil Aduan	Kes Selesai
1993	207	79
1994	185	116
1995	38	15

(sehingga Jun)

Baki kes yang belum selesai masih lagi dalam siasatan pihak JPJ.

- (c) Setakat ini kerajaan masih dalam peringkat menyediakan kurikulum baru pengujian dan pelesenan pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang usaha pihak kementerian untuk mengurangkan kadar kemalangan sama ada yang mengorbankan nyawa atau tidak. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan jumlah yang dibelanjakan oleh pihak kementerian ke arah kemalangan sifar kalau ini boleh dikatakan tujuannya? Pada masa yang sama jumlah atau bilangan kemalangan adakah benar ia sudah naik kalau berbanding dengan tahun lepas dan perbelanjaan yang bertambah-tambah ini tidak membawa apa-apa kesan langsung, lebih merupakan satu pembaziran.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tentang aduan sifar yang menjadi matlamat pihak kementerian. Adakah di antara masalah yang timbul ialah tentang kelewatan khususnya dalam sistem pengkomputeran yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di mana dalam proses penyenaikhitamkan pemandu-pemandu yang masih belum menjelaskan kompaun mereka ia masih belum on-line dengan izin? Ini membawa masalah di mana kalau seseorang mendapat saman daripada pihak polis untuk sesuatu kenderaan, mungkin dikenakan, dikeluarkan bukan masa dia memiliki kereta itu. Tetapi apabila perkara ini diselesaikan oleh pihak polis, ia tidak dimasukkan dengan serta-merta atau on-line dengan pihak JPJ dan pemandu atau yang hendak memperbaharui cukai jalan atau lesen mereka kena tunggu satu

minggu atau dua minggu sebelum dia boleh berbuat demikian. Kalau begitu, saya hendak bertanya apakah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng:.....apakah gunanya sistem pengkomputeran ini kalau ia masih boleh dilambatkan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab dua soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, ingin saya menegaskan di sini bahawa buat masa ini, seperti saya terangkan dalam jawapan saya tadi, terdapat RM7.2 juta pemandu aktif yang boleh mengawal kenderaan di jalan-jalan raya di dalam negara kita. Saya memang tidak setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka jika beliau mengatakan selepas jumlah besar peruntukan telah dibelanjakan, tetapi jumlah kes-kes kemalangan yang mengakibatkan kematian masih begitu tinggi. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya kementerian melalui JPJ telah memperkenalkan beberapa langkah untuk mengurangkan kemalangan dan salah satu usaha yang baru dijalankan oleh JPJ dan Kementerian Pengangkutan ialah penekanan tentang 3P iaitu Penguatkuasaan, Pengejuteraan dan Pendidikan. Oleh yang demikian, memang sukar sedikit kalau hendak tahu jumlah kes kemalangan yang membawa maut atau kematian sama ada kurang atau lebih jika dibandingkan dengan tahun-tahun kebelakangan ini kerana terlalu awal untuk membuat perhitungan.

Saya percaya kalau kita dapat menunggu lama sedikit, mungkin setahun atau dua tahun, kita akan

dapat melihat dengan jelas kesan usaha-usaha kerajaan, iaitu Kementerian Pengangkutan dan JPJ.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sehingga bulan Jun, jumlah kes-kes kemalangan yang mengakibatkan kematian nampaknya telah kurang lebih kurang 10%, jika dibandingkan dengan tahun yang lepas. Saya percaya ini adalah satu gambaran yang amat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian (b) mengikut aduan sifar, saya telah terangkan tadi. Usaha-usaha telah diambil oleh pihak kerajaan iaitu Kementerian Pengangkutan dan JPJ bermula pada awal tahun ini. Memang pada peringkat permulaan, dari segi urusan-urusan di JPJ melalui proses pengkomputeran telah membawa sedikit-sebanyak masalah iaitu kelewatan. Tetapi semenjak proses pengkomputeran ini dijalankan dengan lancar, kes-kes kelewatan sekarang telah menjadi semakin kurang dan usaha ini masih dijalankan lagi, dan bukan selepas pelancaran matlamat aduan sifar maka usaha kerajaan berhenti di situ. Kedudukan matlamat ini kerana adanya pengawalan pada tiap-tiap hari di bawah kementerian saya sendiri.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai aduan sifar, apakah isu atau kes yang banyak sekali yang menjadi aduan-aduan dan telah diterima oleh pihak Kementerian Pengangkutan?

Tuan Chor Chee Heung: Selama ini Tuan Yang di-Pertua, kes-kes ataupun aduan-aduan yang diterima oleh JPJ adalah merangkumi dua jenis iaitu:

- (a) kes-kes kelewatan seperti yang memindah milik Pendaftaran kereta sejak dua tahun kebelakangan ini; dan

- (b) Kes-kes melibatkan soal perilaku pegawai dan kakitangan JPJ.

Saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini tadi, pada tahun 1995 hingga Jun hanya terdapat 38 kes aduan dan 15 telah pun diselesaikan. Selain daripada aduan kelewatan, Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga kes aduan yang melibatkan kakitangan JPJ iaitu dari segi soal perilaku dan sopan-santun, tetapi kes yang serupa ini tidak begitu banyak. Kursus sentiasa dijalankan oleh JPJ supaya menggalakkan semua pegawai dan kakitangan JPJ mempunyai attitude ataupun sikap yang lebih sederhana sebab kita sentiasa menekankan bahawa dari revenue ataupun hasil kepada kerajaan JPJ adalah dalam kedudukan yang ketiga tinggi jika dibandingkan dengan semua jabatan atau agensi-agensi kerajaan.

GURU-GURU LEPASAN MAKTAB PERGURUAN — MENAIKKAN TARAF AKADEMIK

8. Mokhtaruddin bin Wan Yusoff minta Menteri Pendidikan menyatakan perancangan dan langkah-langkah yang akan diambil untuk menaikkan taraf akademik guru-guru lepasan Maktab Perguruan dalam perkhidmatan setelah semua pengambilan baru ke Maktab-maktab Perguruan hanya ditawarkan kursus peringkat diploma.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil untuk menaikkan taraf akademik guru-guru lepasan Maktab Perguruan ialah Kementerian Pendidikan akan melaksanakan Program Diploma Perguruan bagi guru-guru yang lulus Sijil Perguruan.

Kementerian Pendidikan juga bercadang memberikan kursus peningkatan keilmuan atau topping up kepada guru-guru yang mempunyai pengalaman kurang dari 3 tahun bagi membolehkan mereka disamaratakan dengan kelayakan Diploma Perguruan. Manakala guru-guru yang mempunyai pengalaman lebih dari 3 tahun akan dipertimbangkan untuk pemindahan gaji secara automatik ke tangga gaji Diploma mengikut skil perpindahan yang akan dilaksanakan sekiranya dipersetujui oleh agensi pusat. Di samping itu guru-guru yang dalam perkhidmatan juga akan diberi peluang untuk mengikut Kursus Sijil Perguruan Lanjutan di peringkat Ijazah di universiti tempatan dan Kursus Bahasa Inggeris TESL peringkat Ijazah di universiti-universiti luar negeri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Lim Siang Chai.

(Soalan No. 9 Y.B. – Tuan Lim Siang Chai tidak hadir)

JALAN RAYA DARI BINTULU KE TUBAU — PEMBINAAN

10. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kerajaan sedang dan akan membina jalan raya dari Bintulu ke Tubau. Bilakah jalan raya ini dijangka siap.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tender bagi pembinaan jalan raya dari Bintulu ke Tubau telah pun dikeluarkan pada 28hb Jun, 1995 dan akan ditutup pada 23hb Ogos, 1995 (hari ini). Sekiranya kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan pada awal tahun 1996, ianya akan mengambil

masa selama 4 tahun dan dijangka siap pada tahun 1999.

Tuan Billy Abit Joo: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah sama ada kerajaan bercadang juga untuk membina jalan raya yang terturap dari Tubau ke Pasa Belaga dan dari Bakun ke Belaga, jika tidak harap Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan. Sebab anggapan pihak tempatan ialah dengan terlaksananya projek sebesar Bakun, mereka menganggap akan mendapat manfaat tersebut dengan pembinaan projek itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalan raya yang dimaksudkan ialah jalan-jalan dari Kilometer 51, Jalan Miri dan Bintulu ke Tubau, tetapi sebanyak 40 kilometer jalan raya ini juga adalah sebahagian dari projek jalan masuk ke empangan Hidroelektrik Bakun. Saya percaya ini adalah jelas kerana ada banyak juga projek-projek yang lain, saya tidak boleh menjelaskan di sini, oleh kerana ia tidak ada berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada akan membayar pampasan kepada para pekebun di mana kebun mereka akan ditolak untuk pembinaan jalan raya itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tugas Kementerian Kerja Raya iaitu untuk membina jalan raya sahaja. *(Ketawa)* Apabila tanah itu diambil alih oleh kerajaan, iaitu tanah-tanah di bahagian-bahagian atau di daerah-daerah melalui Kerajaan Negeri, selepas selesai bayaran pampasan dan juga masalah-masalah penduduk-penduduk atau setinggan-setinggan yang terlibat dengan pembinaan jalan itu, apabila kita dapat tanah, barulah projek mula dijalankan.

Kita tidak ada apa-apa hubungan atau kaitan dengan pembayaran ganti rugi kepada mereka.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tugas Kementerian Kerja Raya ialah untuk membina jalan raya sahaja. (*Ketawa*) Apabila kita dapat tanah, tanah itu diambil alih oleh kerajaan atau sitaan-sitaan tanah di kawasan-kawasan atau daerah-daerah melalui kerajaan negeri selepas mereka selesai pampasan dan juga masalah-masalah penduduk atau setinggan-setinggan di atas jalan itu dan akhirnya kita dapat tanah dan barulah kita memulakan pembinaan jalan. Kita tidak ada apa-apa hubungan atau kaitan dengan apa-apa pembayaran ganti-rugi kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

(*Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir*)

MALBATT — KEKUATAN KONTINJEN

12. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah askar Malaysia yang berkhidmat di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu di negara-negara asing (sila nyatakan nama-nama negara tersebut); dan
- (b) sama ada Malaysia akan meningkatkan atau mengurangkan jumlah anggota-anggota keselamatan yang berkhidmat di seberang laut di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu di masa akan datang.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua;

- (a) jumlah anggota Angkatan Tentera Malaysia kini yang bertugas di pelbagai misi Bangsa-Bangsa Bersatu ialah seramai 1,606 orang.

Pecahan mengikut negara adalah seperti berikut:

Pejabat Staff Setiausaha Agung PBB — 3 orang
 Bosnia-Herzegovina — 1,504 orang
 Angola — 20 orang
 Kuwait — 6 orang
 Sahara Barat — 15 orang
 Liberia — 8 orang

- (b) Kerajaan mempunyai dasar yang jelas mengenai jumlah anggota tentera dan aset ATM yang boleh disumbangkan bertugas di bawah PBB. Kekuatan anggota kontinjen Malaysia adalah bergantung kepada keperluan PBB, tugas yang dilakukan dan keperluan untuk menjaga keselamatan pasukan kita. Segala penambahan anggota kontinjen akan dibuat berasaskan prinsip-prinsip tersebut.

Bagi MALBATT Ke-III yang sedang bertugas di Bosnia-Herzegovina sekarang ini, kerajaan memang mempunyai rancangan untuk menambahkan kekuatannya.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri

mengenai gaji yang dibayar kepada anggota tentera negara kita yang berkhidmat di luar negeri. Gaji mereka adakah sama berbanding dengan peruntukan anggota tentera dari Amerika Syarikat. Adakah gaji mereka dibayar sama oleh PBB kepada semua negara-negara di mana anggota tenteranya berkhidmat dalam tentera PBB?

Dato' Dr. Abdullah Fazil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada gaji biasa yang diberi oleh kerajaan dari mana anggota-anggota itu datang, UN ataupun PBB menetapkan gaji sebagai satu elaun kepada mereka yang bertugas di PBB. Jumlahnya tertakluk kepada tugas, tanggungjawab di mana mereka ditetapkan. Dari segi jumlah kita dibandingkan dengan mereka daripada Amerika Syarikat dengan negara kita itu saya kurang pasti. Saya hanya tahu berkenaan tentera di negara kita dan saya kurang pasti berapakah bayaran ataupun elaun yang diberikan kepada anggota tentera Amerika Syarikat. Saya akan siasat dan saya akan beritahu kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat ketidakadilan dan diskriminasi di dalam beberapa keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menangani masalah-masalah antarabangsa, adakah dalam penghantaran tentera, kita memilih tempat-tempat yang munasabah sahaja ataupun kita menerima setiap keputusan yang dikeluarkan?

Dato' Dr. Abdullah Fadil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita ditempatkan di atas arahan dan keputusan yang dibuat oleh PBB sendiri tetapi kita, alhamdulillah,

bernasib baik kerana anggota kita kini, tempat-tempat mereka bertugas adalah tempat yang agak selamat dan tidak di barisan hadapan. Kita tidaklah memilih tetapi terpaksa menurut apa yang diperintahkan oleh PBB sendiri.

GERAI/BAZAR — RANCANGAN MARA/FELDA

13. Tuan Zainal Abidin bin Osman minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk membina gerai perniagaan di rancangan Felda;
- (b) sama ada pihak kementerian mempunyai rancangan untuk membangunkan semula bazar MARA di Mersing apabila ia dirobuhkan nanti untuk memberi laluan kepada satu projek penswastaan, dan
- (c) kalau ya, di manakah akan ditempatkan peniaga-peniaga yang kini menjalankan perniagaan di bazar semasa pembinaan bangunan baru dijalankan.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Usahawan Melalui MARA ada mempunyai rancangan untuk membina bazar di beberapa kawasan Felda bagi menyediakan kemudahan ruang niaga kepada peserta-peserta rancangan Felda menjalankan perniagaan;
- (b) Kerajaan Negeri Johor bercadang melaksanakan

projek pembangunan di kawasan seluas 6 ekar yang termasuk tapak bazar MARA Mersing, MARA akan membuat kajian dengan tujuan untuk membangunkan sebuah bangunan perniagaan MARA di tapak baru yang sesuai di Mersing.

- (c) Pihak MARA tidak membantu secara langsung menempatkan peniaga-peniaga di bazar MARA Mersing apabila ianya dirobuhkan nanti. Walau bagaimanapun, di dalam perundingan awal yang diadakan di antara pihak Kerajaan Negeri, syarikat swasta yang terlibat dan MARA telah dicadangkan supaya syarikat swasta yang berkaitan membina penempatan sementara bagi peniaga-peniaga yang sedia ada sementara pembinaan bangunan baru dijalankan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah yang dihadapi oleh usahawan kecil ialah tempat-tempat untuk berniaga yang begitu competitive dengan peniaga-peniaga yang sedia maju (established). Apakah kementerian bercadang untuk membina tempat-tempat perniagaan ataupun gerai-gerai di pekan-pekan kecil untuk membolehkan peluang yang lebih tinggi kepada peniaga-peniaga kecil atau usahawan-usahawan kecil mendapatkan pembahagian ruang untuk berniaga kepada mereka sama ada melalui MARA ataupun agensi-agensi lain di kawasan-kawasan tersebut?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak kementerian

memandang serius terhadap perlunya kepada premis perniagaan di pekan-pekan kecil untuk membantu usahawan-usahawan kecil dan sederhana dan usaha-usaha sedang dijalankan oleh MARA dan juga UDA untuk memastikan perkara ini dilaksanakan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada pihak kementerian bercadang untuk meminda konsep dan juga struktur pembinaan gerai berkenaan, kerana setakat hari ini kalau kita tengok dalam keadaan bangunan gerai MARA ini sudahlah tidak ada bilik, kecil pula tu! Jadi, kita sekarang ini hendaklah menggalakkan peniaga-peniaga duduk dan berniaga di situ. Apa yang berlaku sekarang, peniaga-peniaga ini hanya berniaga di siang hari dan malam dan selepas pukul 1.00 pagi dia akan balik rumah. Jadi, barang-barang dan harta-benda mereka tinggal. Saya ingin tahu, adakah cadangan kementerian untuk merubah sedikit-sebanyak struktur pelan bangunan berkenaan di masa-masa akan datang?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, pelan bangunan-bangunan MARA dibuat mengikut keperluan setempat dan jika ada rancangan-rancangan yang lebih spesifik untuk tempat-tempat yang spesifik, insya-Allah, kita akan mengambil kira.

TABIKA KEMAS - MASALAH SURVIVAL

14. Tuan Abdul Rahim bin Dato' Haji Mohd. Said minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk

mbaiki bangunan-bangunan KEMAS di seluruh negara memandangkan terdapat bangunan-bangunan KEMAS yang telah uzur dan tidak bersesuaian untuk dijadikan kelas pembelajaran kanak-kanak; dan

- (b) adakah menjadi dasar kementerian untuk menyewa bangunan yang sesuai untuk TBK KEMAS di kawasan-kawasan perumahan yang baru diwujudkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan yang di-Pertua,

- (a) KEMAS kini mempunyai sebanyak 7,064 kelas TBK di seluruh negara. Dari jumlah ini memang disedari terdapat sebahagiannya yang uzur. Pada dasarnya kerja-kerja membaiki bangunan tersebut adalah menjadi tanggungjawab masyarakat setempat seperti mana persefahaman yang dibuat oleh KEMAS dan penduduk setempat semasa membuka kelas TBK dahulu. Ini adalah kerana penubuhan TBK dilaksanakan sebagai projek 'community based'. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1994 kerajaan melalui KEMAS telah mengambil inisiatif untuk membantu masyarakat membaik-pulih bangunan-bangunan tersebut dan usaha ini masih diteruskan dengan peruntukan seperti berikut:

1994 — RM4.7 juta

1995 — RM4.6 juta

Dengan penyediaan peruntukan ini, usaha-usaha sedang dibuat untuk mengatasi masalah bangunan-bangunan yang daif.

- (b) Dasar Kementerian di dalam penubuhan dan pelaksanaan TBK tidak melibatkan pembayaran sewa bangunan-bangunan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa kelas TBK yang dijalankan oleh pihak KEMAS, bukan kepunyaan KEMAS. Malah kebanyakannya adalah merupakan dewan orang ramai yang fungsinya multipurpose, dengan izin, untuk masyarakat setempat. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk mengadakan bangunan KEMAS sendiri supaya tidak berlakunya tindih guna di masa yang sama.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian sedar. Tetapi saya harap Yang Berhormat juga memahami dasar atas penubuhan TBK tadi, iaitu ia ditubuh atas persefahaman, kerjasama di antara masyarakat dengan KEMAS. Maka adalah di beberapa tempat, oleh kerana tidak ada bangunan sendiri, TBK terpaksa menggunakan Dewan dari masyarakat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan tambahan. Saya hendak tahu yang sebenarnya KEMAS ini kepunyaan siapa? Kepunyaan kerajaankah atau kepunyaan parti UMNO atau Barisan Nasional? Sebab kita lihat menjelang pilihanraya semua tenaga KEMAS digunakan untuk kempen pilihanraya Barisan Nasional, UMNO, MCA dan MIC, teruk (*Disampuk*).

Tuan Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat ini ada masalah sedikit, di mana masalah saya tak tak tahu, tetapi saya pasti KEMAS bukan dipunyai oleh parti PAS. (*Ketawa*).

**PELUPUSAN SAMPAH —
PENGURUSAN MENGIKUT
KAEDAH MODEN**

15. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilakah negara akan mempunyai sistem pelupusan sampah yang moden dan sistematik bagi menggantikan sistem menimbus bekas lombong yang dianggap telah ketinggalan zaman;
- (b) berapakah jumlah syarikat yang telah mengemukakan cadangan untuk memperkenalkan sistem pelupusan sampah yang canggih dan tidak membebankan; dan
- (c) adakah kerajaan telah meminta pihak-pihak penyelidik umpamanya universiti-universiti tempatan untuk mencari kaedah atau teknik terbaik untuk melupuskan sampah-sampah berkenaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan,

- (a) kerajaan bercadang untuk menswastakan pelupusan-pelupusan sampah, antara lain supaya menggunakan kaedah pelupusan secara 'sanitary

landfill' atau 'incinerator'. Buat sementara waktu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang membantu pihak berkuasa tempatan untuk membangunkan tapak pelupusan sampah menggunakan kaedah "sanitary landfill" untuk kegunaan selama 15 tahun. Bagi kawasan yang tidak mempunyai tanah yang mencukupi untuk dijadikan tapak pelupusan seperti pulau-pulau peranginan, kerajaan akan membekalkan 'incinerator' sebagai sistem bagi melupuskan sampah sarap di kawasan berkenaan.

- (b) Sebanyak 28 buah syarikat telah mengemukakan cadangan menswastakan pengurusan sisa pepejal di seluruh negara, di mana aspek pelupusan turut diambil kira.
- (c) kerajaan sememangnya menggalakkan pihak universiti dan persatuan-persatuan bukan kerajaan menjalankan penyelidikan berhubung dengan kaedah dan teknik terbaik bagi melupuskan sampah. Pihak Universiti Pertanian Malaysia seumpamanya telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Majlis Perbandaran Petaling Jaya bagi menjalankan kerja-kerja penyelidikan di tapak pelupusan sampah.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini sampah-sampah yang dibuang tidak dimusnahkan, tetapi dicycle atau recycle, diguna semula atau "recycle".

Apakah kementerian bercadang untuk membina pelupusan yang mempunyai sistem guna semula ini. Sekarang ini, di manakah yang telah dicadangkan ataupun diluluskan pembinaan sistem pemusnahan sampah seperti ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Sebenarnya cadangan-cadangan yang kita minta daripada 28 buah syarikat yang mengemukakan cadangan penswastaan itu meliputi kaedah pensetoran, kaedah pengangkutan, kaedah rawatan. Ini termasuk guna semula dan kaedah pelupusan. Oleh sebab itu, maka semua aspek untuk pelupusan sampah itu telah diambil kira dalam cadangan yang kita minta daripada syarikat-syarikat yang hendak menswastakan usaha ini.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian sedar di bandar-bandar utama seluruh negara kita, contoh di Sibu tidak semua penduduk mempunyai tong sampah. Kerana itu mereka buang sampah di samping jalan, dan ini menyebabkan kotor. Apakah langkah akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah itu?

Soalan kedua, bolehkah kerajaan kaji untuk memberi masa setiap bulan kepada kontraktor angkat sampah, iaitu 'solid waste', dengan izin, contohnya furniture dan lain-lainnya atau kaca, kerana saya nampak sampah solid, dengan izin, tidak diangkat oleh kontraktor, hanya simpan di samping jalan raya, macam di England.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Yang Berhormat dari Sibu. Sebenarnya perkara-perkara tentang urusan macam mana setiap pihak berkuasa tempatan untuk menguruskan sampah di kawasan masing-masing, memang adalah usaha dan

tanggungjawab mereka. Kementerian ini hanya memberi padangan kepada mereka untuk cara yang baik guna sistem yang boleh dikatakan selamat dan sebagainya supaya sampah sarap itu boleh diuruskan dengan cara yang baik dan tidak akan menimbulkan masalah kotoran dan masalah kesihatan dan sebagainya. Oleh sebab itu, maka dengan adanya cadangan-cadangan daripada penswastaan perkara ini, maka kita akan dapat kita menyelaraskan cara-cara pelupusan sampah di setiap pihak berkuasa tempatan.

PERKHIDMATAN KESIHATAN DI SABAH — RANCANGAN MENANGANI MASALAH

16. Tuan Paul Noutin minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada kementerian ada membuat tinjauan khas mengenai masalah perkhidmatan perubatan yang amat kritikal di seluruh negeri Sabah terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar dan adakah kementerian telah membuat perancangan-perancangan yang berkesan untuk menangani masalah tersebut termasuklah 'time frame' masalah ini dapat diselesaikan terutama sekali masalah kekurangan doktor/pakar dan kelengkapan kemudahan perubahan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perkembangan sosial dan bilangan penduduk setempat, Kementerian Kesihatan telah membuat tinjauan menyeluruh secara teliti mengenai keperluan perkhidmatan perubatan di negeri Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 81, berbagai-bagai projek perkhidmatan

perubatan dan kemudahan kesihatan telah diluluskan untuk seluruh negeri Sabah, di mana jumlah ini sebanyak 54 projek telah siap. Ini termasuk pembinaan sebuah lagi hospital yang sedang dibina di Kinabatangan. Lain-lain projek termasuklah pusat-pusat perkhidmatan pergigian, klinik-klinik desa, bekalan air luar bandar dan lain-lain. Cadangan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh di Sabah lebih meliputi dan sedang dipertimbangkan kerajaan.

Kementerian Kesihatan Malaysia memang menitikberatkan kesihatan penduduk Malaysia termasuk di Sabah. Kerajaan sedang mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan di Sabah yang merangkumi aktiviti perubatan, kesihatan dan pergigian, termasuk perkhidmatan udara. Tindakan Kementerian Kesihatan menangani masalah kekurangan doktor adalah melalui penghantaran lebih ramai doktor ke Sabah dari April 1994 hingga kini lebih daripada 100 orang doktor telah dihantar ke Sabah.

KUARTERS KERAJAAN DI JALAN COCHRANE DAN JALAN PEEL— CADANGAN PEMBINAAN SEMULA

17. **Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa terdapat satu cadangan yang dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk membangunkan semula kuarters kerajaan dalam kawasan sepanjang Jalan Peel, Jalan Cochrane, Jalan Kampung Pandan ke Jalan Imbi. Jika benar, sila berikan butir lanjut mengenai cadangan dan pihak-pihak yang terlibat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat telah menerima 12 cadangan bagi membangunkan semula kawasan kuarters kerajaan yang terletak di Jalan Cochrane dan Jalan Peel. Kesemua cadangan tersebut berhasrat untuk membangunkan kawasan berkenaan dengan pembangunan bercampur dengan komponen kediaman, perdagangan, ruang pejabat dan rekreasi. Buat masa sekarang kerajaan sedang mengkaji cadangan tersebut, terutama mengenai kesesuaian pembangunan yang dicadangkan sebelum membuat apa-apa keputusan.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang bersetuju kuarters kerajaan di kawasan yang saya sebutkan itu memang telah lama uzur dan ada perlunya untuk dibangunkan semula. Tetapi sungguhpun ada 12 cadangan telah pun dikemukakan untuk membangunkan semula kawasan itu dan memandangkan kawasan itu merupakan kawasan yang amat bernilai dari segi ekonomi kerana lokasinya paling berhampiran 'golden triangle' Kuala Lumpur, maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan kekurangan kawasan hijau dan kemudahan perumahan awam di Kuala Lumpur setakat ini dan pada masa-masa yang akan datang, bolehkah kerajaan menolak semua cadangan tetapi kerajaan sendiri membangunkan semula kawasan itu supaya tumpuan bukan sahaja kepada kompleks-kompleks komersial, sungguhpun ada bangunan kediaman yang dicadangkan tetapi bangunan kediaman ini memang

akan dijadikan kondominium, bukan perumahan kos rendah atau kos sederhana. Bolehkah kerajaan menimbangkan bahawa kerajaan sendiri membangunkan semula supaya semua rakyat khususnya mereka daripada golongan yang berpendapatan rendah juga ada peluang untuk menikmati projek pembangunan semula di kawasan-kawasan tersebut.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi kerajaan untuk mengendalikan projek ini sendiri, ianya akan menelan belanja yang begitu besar, yang mungkin tidak boleh dikendalikan oleh kerajaan sendiri. Walau bagaimanapun, untuk meyakinkan kepada Ahli yang Berhormat tentang kebimbangan yang telah disebutkan sebentar tadi, walaupun memberi kepada pihak swasta untuk membangunkan kawasan ini, tetapi kerejaan masih lagi boleh menentukan syarat-syarat seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

LEBUH RAYA PAN BORNEO DARI SEBANGOI KE BETONG — MENGRTARKAN

18. Tuan Chiew Chiu Sing minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kementeriannya bercadang untuk mengrtarkan sebahagian Lebuh Raya Pan Borneo dari Sebangoi ke Betong semula. Jika ya, berapakah peruntukannya dan bilakah projek ini akan siap. Jika tidak, mengapa, memandangkan jalan ini tidak pernah ditarkan semula sejak siap dibina 10 tahun dahulu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya memang mempunyai rancangan

untuk mengrtar sebahagian Lebuh Raya Pan Borneo dari Sebangoi ke Betong dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Jumlah peruntukan yang telah dipohon ialah sejumlah RM80 juta.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1,5,6,9,11 dan 19 hingga 94 akan dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995) 1995

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL. 2) 1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1995 dalam jawatankuasa sebuah-buah Majlis".
(Hari Kedua)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 34 (Jadual)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena diminta sambung.

3.35 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Pokok Sena): Tuan Pengerusi, semalam saya membangkitkan berhubung dengan peruntukan yang telah diberi kepada IJN berhubung dengan pesakit miskin. Jadi, pada hari ini, saya ingin tahu dari Kementerian Kesihatan tentang bagaimana kriteria pesakit-pesakit miskin ini? Saya juga hendak tahu tentang perbelanjaan yang perlu dibayar kepada IJN, berapa banyak? Kalau RM20,000 bukan sahaja pesakit miskin yang tidak mampu, bekas-bekas Wakil Rakyat macam saya pun barangkali tidak akan mampu.

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Daklah, tidak lama lagilah – ialah 'bekas' itu (*ketawa*)

Saya ingat kalau tidak lama ini, saya tidak mampu kalau RM20,000 sebab yang saya tahu IJN ini adalah satu institut yang terkenal sebagai satu institut pesakit jantung yang terkenal terutama sekali di rantau ASEAN ini dan banyak pesakit daripada negara ASEAN ini lebih suka datang ke institut ini oleh sebab murah dan baik. Oleh sebab itu, maka 'queue' untuk pembedahan ini bertambah.

Saya juga ingin tahu di sini, diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang 'come lote' ini menjawab, berapa ramai yang mati dalam 'queue' ini – 'queue' hendak membuat pembedahan? Institut Jantung Negara ini memang 'belah' sahaja; kalau hanya beri ubat, di hospital lain pun boleh juga. Institut Jantung Negara ini memang untuk pembedahan jantung dan saya dapati bahawa 'queue' ini kadang-kadang sampai enam bulan.

Boleh tahankah sampai enam bulan dok 'queue' untuk buat pembedahan mesti ada yang mati dalam 'queue' ini. Jadi, saya ingin tahu berapa banyak yang dibedah setiap hari dan setiap bulan?

Satu lagi tentang pegawai-pegawai kerajaan ini, saya dapat tahu bahawa pegawai-pegawai kerajaan ini diberi subsidi 50% pada pembayaran. Jadi, saya dapat tahu bahawa Institut Jantung Negara ini bagi orang-orang yang dapat subsidi – pegawai-pegawai kerajaan ini, mereka selalau dipotong 'queue' oleh orang-orang yang membayar 'cash' – orang-orang yang kaya ini. Orang-orang miskin ini dia mendapat giliran yang kebelakanglah 'queue' mereka. Pegawai kerajaan dok di tengah, jadi orang-orang yang ada duit yang duduk di hadapan. Perkara ini saya ingin tahu, sebab ini adalah 'talk of the town'. (*Ketawa*)

Jadi, perkara-perkara yang saya bangkitkan ini adalah 'talk of the town' – orang bercakap, sebab saya sebagai Wakil Rakyat hendak membangkitkan kepada Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawainya, sebab kita tidak mahu perkara-perkara ini terutama sekali pegawai-pegawai kerajaan kita yang berjasa terpaksa masuk dalam 'queue' sungguhpun dapat subsidi daripada kerajaan. Inilah perkara-perkara yang ingin saya utarakan, yang pertama tentang berapa banyak pembayaran yang perlu dibayar, kriteria orang miskin, tentang 'queue' dan yang mati dalam 'queue' ini. Perkara-perkara ini yang saya perlukan jawapan. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Mertajam.

3.39 ptg.

Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya.

Merujuk kepada Maksud B. 34 Kementerian Kesihatan, saya ingin membangkitkan beberapa perkara di sini. Pada masa sekarang, didapati penyakit jantung adalah salah satu penyakit pembunuh yang utama di Malaysia. Ada orang berkata penyakit jantung itu adalah penyakit orang kaya dalam negara yang mewah. Itupun adalah betul dari satu aspek, iaitu orang kaya dianggapkan oleh orang ramai sebagai orang-orang yang selalu makan makanan yang terlalu berkhasiat dan juga berkolestrol tinggi, lemak tinggi dan sebagainya. Lagi pun orang-orang kaya itu barangkali kurang latihan jasmani dan tidak ada cara yang berkesan untuk menghilangkan lemak dan kolestrol dalam badan mereka masing-masing. Tetapi jikalau pengetahuan sains pemakanan kurang ditegaskan kepada orang ramai oleh Kementerian Kesihatan, orang-orang yang miskin pun mendapat penyakit jantung itu kerana makanan yang mengandungi kolestrol dan lemak yang terlalu tinggi diambil oleh mereka, mereka tidak tahu.

Jadi, memang orang-orang yang kaya itu berkemampuan membayar bayaran perubatan, rawatan dan pembedahan yang tinggi di hospital-hospital swasta tempatan ataupun di seberang laut berdasarkan kepada tahap serius penyakit jantung masing-masing. Pesakit-pesakit yang miskin itu tidak dapat membuat bayaran seperti demikian. Mereka terpaksa merayu kepada penderma-penderma daripada

pertubuhan-pertubuhan amal atau dermawan individu supaya mereka dapat mengumpulkan duit ringgit yang mencukupi untuk menjalankan rawatan dan pembedahan.

Kadang-kadang oleh kerana menunggu kutipan wang derma itu diberi kepada pesakit dan juga untuk menunggu giliran rawatan oleh Institut Jantung Negara (IJN), pesakit itu sudah tidak boleh tunggu dan terus mati, seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi – dia tunggu dalam queue (dibunuhlah). Saya ingin merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya memulakan satu pendaftaran pesakit-pesakit jantung di seluruh negara melalui hospital-hospital besar di setiap negeri. Maklumat pesakit-pesakit itu akan dianalisis dan pesakit-pesakit itu akan dijadualkan untuk rawatan perubatan dan pembedahan di hospital-hospital besar setiap negeri, di Institut Jantung Negara atau hospital-hospital swasta dalam negeri berdasarkan kepada kemampuan pesakit membayar bayaran perubatan dan juga kepada tahap serius penyakitnya.

Tentunya semua hospital besar negeri mesti dilengkapi dengan alat kemudahan (operation theatre) yang sesuai serta ditetapkan doktor-doktor pakar untuk menjalankan rawatan dan pembedahan jantung. Dengan itu barulah hospital besar dapat memberi rawatan dan pembedahan yang berkesan. Barulah bilangan pesakit jantung yang ramai itu dapat diagih-agihkan antara hospital besar, hospital swasta dan Institut Jantung dengan lebih seimbang dan dengan tujuan untuk mempercepatkan giliran mendapat rawatan dan pembedahan bagi semua penyakit jantung. Jadi, haraplah dapat cepatkan proses atau giliran itu.

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Kesihatan melalui daftar pesakit jantung di seluruh negara ini, kita pun boleh memberi satu ujian kemampuan pesakit atau pun saya memanggilnya UKP - Ujian Kemampuan Pesakit. Dengan UKP itu pesakit-pesakit itu boleh dikelaskan kepada kumpulan-kumpulan yang akan menerima rawatan pembedahan di hospital besar, negeri, Institut Jantung atau pun di hospital swasta. Juga dengan subsidi-subsidi yang berpatutan daripada Tabung Jantung Negara untuk kes-kes yang didapati perlu.

Tuan Pengerusi, jikalau hospital besar tidak mempunyai kepakaran pembedahan yang cukup, maka kerajaan mesti melatih lagi doktor-doktor perubatan untuk mengisi kekosongan-kekosongan itu dengan seberapa cepat mungkin. Jangan katakan tidak ada doktor kerana pesakit ramai. Prevention is better than cure, dengan izin. Saya rasa Kementerian Kesihatan seharusnya melancarkan program pendidikan sains pemakanan kepada murid-murid sekolah dan juga kepada orang-orang dewasa, terutama sekali yang berumur antara 30 - 50 tahun, adalah peringkat umur yang mudah terkena penyakit jantung.

Jikalau pengetahuan yang cukup dapat disebarkan kepada semua orang, maka kita akan mengelakkan orang ramai itu mengambil makanan yang berkolestrol tinggi dan sebagainya. Saya ingin merayu kepada kementerian supaya memberi ketegasan atas pemakanan yang lebih sihat kepada orang ramai dan saya cadangkan perbelanjaan tambahan boleh digunakan untuk kempen-kempen anti sakit jantung dan juga untuk pemakanan yang sihat.

Saya juga ingin membangkitkan satu perkara berkenaan dengan 'operation theatre' yang baru dilengkapkan di hospital Daerah Bukit Mertajam, tetapi doktor-doktor pakar telah ditarik ke hospital-hospital nuklear di Seberang Jaya yang berdekatan. Saya merasa tindakan seperti ini adalah sangat membazirkan peruntukan dan kemudahan hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Operation theatre yang berjuta ringgit itu tidak akan digunakan lagi kerana Kementerian Kesihatan membangunkan satu hospital nukleas di Seberang Jaya dan pada masa yang sama hospital Daerah Bukit Mertajam akan diturunkan tarafnya. Hospital Daerah Bukit Mertajam telah banyak menyumbang dalam perkhidmatan perubatan kepada pesakit-pesakit di kawasan Seberang Perai Tengah. Banyak kemudahan-kemudahan telah disediakan di sini seperti wad-wad pesakit, wad-wad bersalin, kemudahan x-ray, kemudahan bank darah, makmal farmasi, wad ICU (Intensive Care Unit), bilik mesin-mesin dialysis dan operation theatre yang baru sahaja dilengkapkan dalam tahun 1994. Hospital ini mendapat perkhidmatan beberapa orang doktor pakar perunding sepenuh masa, malangnya, semua kemudahan ini akan disia-siakan sahaja, jika hospital ini diturunkan taraf dan hanya perkhidmatan pesakit luar akan dijalankan tanpa doktor-doktor pakar perunding dan segala kes yang serius akan dihantar ke hospital nukleas di Seberang Jaya pula.

Tuan Pengerusi, lokasi Hospital Daerah Bukit Mertajam di Jalan Kulim, Bukit Mertajam pun menjadi satu pertimbangan yang penting untuk pesakit-pesakit serta keluarga mereka. Ramai pesakit datang jauh dari Kulim, Kedah ke hospital ini untuk

mendapatkan rawatan. Sebaliknya jika mereka perlu pergi ke hospital nukleas di Seberang Jaya, mereka terpaksa ambil dua bas, sekurang-kurangnya sebelum sampai ke hospital itu. Ini adalah sangat-sangat menyusahkan orang-orang miskin yang tidak mempunyai kenderaan sendiri.

Tuan Pengerusi, orang ramai ingin merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya mengutamakan pesakit-pesakit miskin. Saya telah menerima banyak aduan dari orang ramai berkaitan dengan isu ini dan satu surat memorandum pun telah dihantar oleh Lembaga Pelawat Hospital Daerah Bukit Mertajam kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk pertimbangan. Saya berharap Kementerian Kesihatan dapat kekalkan taraf Hospital Daerah Bukit Mertajam dan teruskan dengan perkhidmatan doktor-doktor pakar dan perkhidmatan operation theatre serta ICU dan segala yang lain demi kebajikan pesakit-pesakit di kawasan ini.

Saya membangkitkan perkara ini di sini semasa menyokong tambahan perbelanjaan sebanyak RM40 juta kerana saya ingin menyeru kepada Kementerian Kesihatan supaya jangan sia-siakan kemudahan yang sedia ada dan jangan biarkan kelengkapan yang canggih seperti operation theatre di Hospital Bukit Mertajam itu dijadikan white elephant, dengan izin, yang menelan belanja yang besar tetapi tidak akan digunakan. Selepas itu wang tambahan pula dikehendaki untuk melengkapkan operation theatre di hospital nukleas di Seberang Jaya pula. Bukakah tindakan Kementerian Kesihatan ini merupakan satu langkah pembaziran yang serius?

Berkaitan dengan perkara ini juga saya ingin menyarankan satu pendirian saya terhadap pembangunan kemudahan-kemudahan kesihatan di seluruh negara iaitu:

- (a) Apa juga kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada di mana-mana hospital kerajaan mesti dipertingkatkan atas sebab bilangan pesakit yang diberikan perkhidmatan di setiap hospital semakin bertambah kerana penduduk sentiasa bertambah.
- (b) Di kawasan-kawasan pertumbuhan yang baru kementerian seharusnya membina hospital daerah atau hospital besar yang baru tetapi bukan dengan cara merampas kakitangan seperti doktor pakar dari hospital daerah yang lain. Iaitu diminta jangan bangunkan sebuah hospital yang baru dan pada masa yang sama turunkan taraf sebuah hospital yang lain pula.

Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit.

3.50 ptg.

Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas (Parit): Tuan Pengerusi, mengenai Maksud B. 34 ini, saya ingin mengutarakan dua cadangan.

Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana menubuhkan Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. yang bukan sahaja menyediakan kemudahan rawatan kepada pesakit-pesakit koronari tetapi juga memberi peluang untuk membuat kajian dan

penyelidikan kepada doktor-doktor dalam bidang berkenaan. Penyediaan kemudahan yang bermutu tinggi dengan kelengkapan yang menyelesaikan terutama bilik-bilik rawatan jenis 'suite' yang disediakan cukup mengagumkan.

Namun begitu, Tuan Pengerusi, saya rasa pada masa kini terdapat kekurangan bilik-bilik rawatan di Institut Jantung Negara. Bilik-bilik rawatan yang saya sebut ini sebagai contoh ialah bilik rawatan Kelas Satu (Berseorangan) yang rata-rata layak diduduki oleh kakitangan-kakitangan kerajaan. Pada masa ini, ada kakitangan kerajaan yang terpaksa ditempatkan ke kelas-kelas di bawah taraf kelayakan mereka oleh kerana kekurangan bilik-bilik yang mengikut taraf.

Tuan Pengerusi, pesakit-pesakit yang mengidap sakit jantung dan sebagainya merupakan pesakit yang amat sensitif. Mereka ini perlukan ketenangan fikiran dan keharmonian jiwa. Oleh sebab itu, kalaulah pesakit-pesakit yang misalnya layak menduduki Kelas Tiga, dapat tempat di Kelas Tiga, mereka akan merasa begitu seronok dan selesa sekali. Tetapi sekiranya pesakit-pesakit yang layak mendapat atau menduduki bilik di Kelas Satu misalnya tetapi terpaksa menduduki bilik yang di bawah kelas kelayakannya, ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati, rasa sedih dan rasa terharu di kalangan pesakit-pesakit ini.

Saya dapati, di Institut Jantung Negara ada bilik-bilik 'suite' yang sungguh istimewa dan sungguh cantik tetapi bayaran yang dikenakan oleh bilik ini amat tinggi sekali iaitu sebanyak RM600.00 sehari tidak termasuk caj-caj perubatan yang lain. Bilik-bilik seperti ini rata-rata saya rasa,

hanya mampu diduduki oleh ahli-ahli korporat dan orang-orang yang betul mempunyai pendapatan-pendapatan tinggi.

Oleh sebab itu, saya ingin menyarankan di sini bahawa sekiranya pesakit-pesakit terutamanya mereka yang bersara, yang telah memberi khidmat bakti kepada kerajaan lebih separuh daripada umur mereka itu dan kemudiannya mengalami sakit dan memerlukan rawatan supaya orang-orang ini sekiranya tidak ada tempat Kelas Satu untuk mereka, mereka ini boleh ditempatkan di 'suite-suite' yang sedia ada sekiranya 'suite-suite' itu tidak diduduki oleh pesakit-pesakit lain. Kerana yang saya difahamkan, bahawa 'suite-suite' ini sentiasa kosong berbanding dengan bilik-bilik Kelas Satu yang mempunyai senarai menunggu yang agak panjang.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan Perkhidmatan Pesakit Luar. Saya rasa, mengikut pengamatan saya, terdapat kekurangan doktor pakar di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Pesakit Luar di Institut Jantung Negara ini sendiri. Ini kerana, saya dapati dua kes yang yang saya amati di mana pesakit-pesakit telah diberi tarikh temu janji cukup dengan waktunya sekali tetapi apabila pesakit-pesakit ini datang tepat pada waktu temu janjinya, mereka terpaksa menunggu 3 hingga 4 jam sebelum mendapat rawatan. Saya tidak menyalahkan pihak hospital ataupun pihak pakar perubatan, sebab saya dapati dan saya amat simpati dengan doktor-doktor ini kerana mereka terpaksa berkejar-kejar menjalankan tugas yang amat banyak dan amat mendesak.

Tetapi dalam hal ini, kita perlu juga prihatin terhadap kebajikan pesakit-

pesakit yang datang dan menunggu untuk rawatan. Sebagaimana yang saya kata tadi, pesakit-pesakit yang datang ini biasanya merupakan pesakit-pesakit jenis koronari ini dan selain dari itu, mereka juga kadang-kadang mengidap sakit lain seperti penyakit kencing manis, darah tinggi dan sebagainya. Oleh kerana mereka terpaksa menunggu lama, ini akan menaikkan lagi tekanan darah dan memudaratkan keadaan kesihatan pesakit.

Jadi, saya harap pihak kementerian nanti bila mendapat peruntukan tambahan ini dan sekiranya ada perancangan untuk memperluaskan lagi perkhidmatan dan kemudahan di Institut Jantung Negara ini, perlulah dipertimbangkan dua perkara yang saya sebut tadi iaitu memperbanyakkan lagi bilik-bilik Kelas Satu terutamanya bilik Kelas Satu (Berseorangan) dan juga untuk menambahkan khidmat pakar-pakar perubatan di Institut Jantung Negara tersebut.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tuanan.

3.56 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan untuk membahaskan Maksud B. 34 ini dan saya memang menyokong supaya peruntukan ini diberikan kepada Kementerian Kesihatan memandangkan keperluan yang amat mendesak.

Saya juga bersetuju dengan pendapat-pendapat yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain iaitu di dalam menangani masalah kesihatan ini, kita perlu prihatin kepada keperluan rakyat miskin dan juga

kakitangan kerajaan yang kurang mampu bukan sebab tidak ada keupayaan untuk mencari wang membiayai perbelanjaan kesihatan mereka tetapi terpaksa berkhidmat kepada negara dan justeru itu, gaji terhad mengikut gaji bulanan. Oleh yang demikian, mereka layak untuk diberi perhatian dan saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana prihatin terhadap keperluan kakitangan kerajaan dan juga rakyat miskin.

Saya ingin membuat saranan juga, Tuan Pengerusi, iaitu supaya Institut Jantung Negara ini tidak menumpukan perkhidmatannya di Kuala Lumpur sahaja ataupun di Semenanjung bahkan perlu juga mengadakan cawangan untuk kegunaan pesakit-pesakit jantung di Sabah dan Sarawak.

Saya membuat saranan ini, Tuan Pengerusi, oleh kerana bagi pesakit-pesakit jantung di Sarawak dan Sabah, bukan sahaja mereka menghadapi masalah kewangan untuk membayar penginapan sementara menunggu dibedah, tetapi juga menghadapi masalah untuk tambang datang ke Kuala Lumpur.

Di samping itu pula, ada pesakit tidak juga terus terkesan bahawa mereka mempunyai penyakit jantung. Maka pesakit seperti itu memerlukan perbelanjaan yang banyak hanya untuk meminta perkhidmatan pengesanan sahaja.

Saya juga ingin membuat saranan supaya pengawalan penyakit jantung ini tidak dibebankan hanya kepada kerajaan sahaja, tetapi kerajaan harus menubuhkan satu tabung pesakit jantung ataupun heart foundation, dengan izin, dan syarikat-syarikat korporat yang mendapat keuntungan

daripada khidmat-khidmat rakyat sendiri, terutama kakitangan kerajaan digalakkan untuk menyumbangkan sebahagian daripada keuntungan mereka itu ke Tabung Jantung Negara dan kerajaan pula haruslah bertimbang rasa kepada syarikat-syarikat korporat yang memberi sumbangan dengan tidak mengenakan cukai ke atas jumlah wang yang disumbangkan kepada tabung pesakit jantung kelak.

Saya percaya bahawa jika ini dilakukan, banyak ahli korporat ataupun pertubuhan seperti yayasan-yayasan negeri yang mempunyai pendapatan kewangan yang lumayan akan tergerak pula untuk membuat sumbangan.

Di samping itu, pihak Kementerian Kesihatan haruslah juga memberi bimbingan tentang pengawalan. Saya bersetuju bahawa pengawalan itu adalah lebih baik daripada pemulihan dan langkah-langkah awal haruslah diambil untuk memberi pendidikan kepada rakyat supaya menjaga kesihatan dan yang paling baik untuk memulakannya ialah di bangku sekolah. Saya kluatir kalau tidak ada tindakan diambil oleh Kementerian Kesihatan mengenai perkara ini, kanak-kanak kita akan terus menjadi mangsa oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana di kantin-kantin sekolah, dijual pula berbagai-bagai jenis makanan yang kita tidak tahu nilai makanannya.

Jadi, apabila sampai di rumah pula, kanak-kanak yang kecil tidak lagi merasa lapar kerana mungkin sudah terlalu banyak memakan makanan yang tidak bernilai atau tidak berkhasiat langsung di kantin-kantin sekolah. Namun demikian, tidak lapar bukan bererti mereka itu telah memakan makanan yang ada nilai dari segi keseimbangan makanan.

Jadi, saya sarankan supaya pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan bekerjasama mengawal jenis-jenis makanan yang dijual kepada kanak-kanak di sekolah supaya tidak menjadi mangsa ataupun mengakibatkan kesihatan anak-anak yang kita harapkan untuk mengambil alih kepimpinan ataupun perkhidmatan negara kelak.

Di samping itu juga, saya mohon agar Kementerian Kesihatan akan memperluaskan perkhidmatan di luar-luar bandar, terutama dari segi penyediaan tandas-tandas di kampung-kampung dan juga bekalan air-air bersih. Di Sabah banyak rakyat yang terpaksa bergantung kepada air hujan ataupun tidak ada bekalan air langsung waktu kemarau. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan di dalam penyelidikan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tadi di Sabah, iaitu telah membuat kajian keperluan kesihatan menyeluruh dan saya ucapkan syabas kepada kementerian di dalam hal ini juga dan kita harap supaya bukan sahaja keperluan klinik-klinik kesihatan di kampung, tetapi juga bekalan-bekalan air yang bersih akan diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini, iaitu tentang bantuan peralatan perubatan ke Albania. Banyak Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang keadaan serba kekurangan di negara kita ini juga, terutama kepakaran dan juga peralatan. Jadi, saya kurang faham kenapa kita mesti menyalurkan bantuan kepada negara asing sedangkan keperluan kita pun masih banyak.

Saya fikir, walaupun kita mahu bersahabat dengan beberapa negara

asing, tetapi persahabatan itu bukan semestinya dengan menghulurkan bantuan kewangan sahaja. Mungkin ada lagi cara lain kita boleh memupuk persahabatan dengan negara-negara lain. Jangan pula hanya kerana kita mahukan persahabatan, kita terpaksa membazirkan wang negara, sedangkan keperluan di negara kita sendiri, kita tidak dapat menunaikan apa yang kita kehendaki.

Jadi saya fikir, kerajaan ataupun kementerian tidak seharusnya terburu-buru di dalam memberi bantuan peralatan kepada negara lain, terutama sekali kalau jumlah wang itu begitu besar. Adalah lebih baik kalau peruntukan kewangan itu disalurkan kepada rakyat kita sendiri dahulu ataupun kita menggunakan wang itu untuk memenuhi keperluan-keperluan keperluan di negara kita sendiri.

Ini adalah satu perbuatan ataupun perkara yang tidak seimbang oleh kerana kementerian sendiri mengetahui bahawa senarai para pesakit jantung yang belum mendapat rawatan masih panjang, tetapi kita membelanjakan wang pula untuk didermakan kepada rakyat asing, seolah-olah kita ini menyusukan monyet di hutan, tetapi anak di pangkuan sendiri menangis.

Saya rasa ini tidak begitu bijak dalam menangani masalah kesihatan kita. Saya harap supaya peruntukan kewangan yang besar ini, iaitu bantuan ke Albania, kalau boleh ditangguhkan, tangguhkanlah dahulu dan wang yang diperuntukkan bagi maksud ini disalurkan kepada luar-luar bandar oleh kerana baru dua hari yang lalu rakan saya, Yang Berhormat dari Kinabalu telah menyatakan bahawa ambulans pun tak ada minyak untuk menjalankan tugas sehingga pemandu ambulans itu sendiri terpaksa membeli minyak untuk menggerakkan ambulans.

Jadi, kenapa pula ada wang untuk dikeluarkan sebagai bantuan kepada negara asing, tetapi tidak ada wang untuk membeli minyak untuk ambulans di negara sendiri. Saya fikir, banyak lagi – kalau kita sebut satu persatu yang perlu diutamakan.

Di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu, seperti yang saya telah katakan dahulu, lifnya tidak berfungsi dan kita tidak faham kenapa begitu oleh kerana kita mempunyai wang. Kalau betul-betul mempunyai wang, kenapa tidak dibaiki lif itu?

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat Libaran bangun hendak minta jalan. Hendak beri dia atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, saya fikir nanti dia berucap sendirilah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila teruskan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya percaya, Tuan Pengerusi, memang kerajaan ataupun Kementerian Kesihatan berniat baik di dalam memberi bantuan kepada rakyat asing tetapi memandangkan kita mempunyai keperluan sendiri, kita perlu juga menyusun keutamaan kita di dalam membelanjakan wang rakyat. Saya buat saranan di sini supaya peruntukan yang diminta untuk membeli peralatan perubatan sebagai bantuan kepada Albania ini dibelanjakan untuk pembedahan jantung mereka yang sedang menunggu, supaya rakyat sendiri tidak akan terus menderita dan sebahagiannya juga perlu untuk menyediakan klinik-klinik desa.

Jadi, ini sahaja sumbangan saya di dalam Maksud B. 34 ini, Tuan Pengerusi, dan saya harap Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian saranan-saranan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa masa kita pada hari ini suntuk dan memandangkan di bawah kementerian ini sudah ada lima orang mengambil bahagian, saya hanya dapat membenarkan seorang lagi. Libaran, selepas itu kementerian akan menjawab.

4.13 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran): Terima kasih Tuan Pengerusi, yang memberikan saya peluang untuk membahas B. 34 Kementerian Kesihatan.

Saya cuma ingin menyentuh sedikit – sebanyak tentang masalah yang dihadapi oleh pesakit di negeri Sabah, pesakit miskin yang mana kita memang sedia maklum bahawa ramai rakyat miskin di Sabah yang telah memberi mandat kepada Barisan Nasional untuk menerajui kerajaan dan pastinya agar Kementerian Kesihatan memberi tumpuan yang berat dan perhatian yang tinggi kepada masyarakat ini.

Di negeri Sabah ramai pesakit miskin yang menghadapi sakit jantung yang memerlukan rawatan di Institut Jantung Negara. Mereka ini memerlukan rawatan yang segera, kalau tidak, besar kemungkinan penyakit mereka akan menjadi serius dan membawa maut. Saya berpendapat proses diamalkan dewasa ini untuk melayakkan seseorang pesakit jantung yang miskin dari Sabah ke Institut Jantung Negara adalah terlalu panjang

dan berbelit-belit. Saya menyarankan proses tersebut hendaklah dipendekkan. Umpamanya kalau didapati pesakit itu menghadapi sakit jantung yang serius, silalah hantar mereka terus ke Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan. Kerana maklumlah Sabah ini terlalu mundur dalam soal kesihatan walaupun memang kita sedia maklum bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang baru memerintah negeri Sabah ini mengambil berat disebabkan oleh politik perkauman yang dipermainkan oleh sahabat-sahabat saya dari PBS.

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tuan bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Sudah berucap, duduklah "brother".

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tersindir, dia bangun. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Maka saya memohonlah jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri agar menimbangkan perkara ini seserius mungkin supaya rakyat miskin yang telah memberi jasa kepada negara ini. Memang kita sedia maklum bahawa tunggak Barisan Nasional adalah rakyat luar bandar yang terdiri daripada masyarakat yang kurang mampu untuk menikmati rawatan-rawatan istimewa yang ada di hospital-hospital mewah yang telah dipelopori oleh kerajaan.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan bertanya kepada Menteri Kesihatan, sehingga hari ini berapa

ramaikah pesakit-pesakit miskin dari Sabah yang masih menunggu untuk mendapat peluang rawatan di Institut Jantung Negara dan semenjak Institut Jantung Negara tersebut ditubuhkan, berapa ramaikah pesakit-pesakit miskin dari negeri Sabah telah mendapat perkhidmatan darinya? Saya berharap Menteri Kesihatan hendaklah mengutamakan nyawa pesakit-pesakit ini dan mengurangkan red tape yang terdapat di dalam kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kerana kalau perkara ini tidak dapat diselesaikan pastinya ramai lagi akan kehilangan nyawa dan perkara ini akan terus menjadi bebanan kepada Wakil-wakil Rakyat dari Sabah.

Oleh yang demikian, saya merayu dan memohon agar tumpuan, satu master plan atau satu task force ditubuhkan di Sabah untuk mengemaskinikan masalah-masalah yang dihadapi di dalam soal kesihatan ini.

Tadi sahabat saya dari Tuaran marah pasal bantuan ke Albania. Tahukah dia berapa banyak kita beri kepada Albania? Albania ini yang adalah sebuah negara miskin yang serba kekurangan terutama dalam bidang perubatan. Teman saya dari Tuaran juga ada membangkitkan perkara berkenaan lif. Barangkali beliau ini tidak mengikuti perkembangan semasa. Saya harap kalau beliau balik ke Sabah, lawatlah ke Hospital Kota Kinabalu. Lif itu telah pun diperbaiki. Syabas dan tahniah kepada.....

Tuan Yunof Edward Maringking:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:.....syabas dan tahniah kepada kementerian yang telah mengambil berat. Yang Berhormat Menteri telah datang ke Sabah dan selepas beliau datang.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tuaran bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalankah tidak?

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Duduklah!.....beliau telah memberi peruntukan dan kerja pembaikan telah pun dilakukan.

Selain daripada itu saya juga ingin menekankan bahawa masalah kesihatan luar bandar ini juga harus diberi perhatian yang serius di negeri Sabah terutama sekali kawasan Libaran. Saya mencadangkan agar klinik desa ini ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar secepat mungkin supaya ia akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat luar bandar. Kerana saya faham bahawa Menteri yang dipertanggungjawabkan dan Timbalan Menteri ini adalah pemimpin yang berjiwa rakyat, yang memahami konsep Barisan Nasional dan juga yang memahami perjuangan masyarakat miskin di kawasan luar bandar ini.

Saya mohon menyokong.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Satu minit.

4.09 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, mengenai Institut Jantung Negara, saya mahu sebut mengenai insiden kematian Ahli Parlimen Bagan, saudara P. Patto. Saya rasa sangat

mustahak dan mendesak bahawa kemudahan-kemudahan rawatan sakit jantung di semua hospital dipertingkatkan sungguhpun kita ada Institut Jantung Negara, oleh kerana Institut Jantung Negara tidak boleh memenuhi kesemua kehendak-kehendak di seluruh negara.

Dalam kes mendiang P. Patto, beliau ada di dalam CCU untuk tiga hari dan selepas itu oleh kerana pihak yang berkenaan di Hospital Besar Ipoh kata bahawa beliau tidak ada masalah dan memindahkan beliau kepada wad umum.

Oleh kerana pihak hospital mahu memindahkan beliau keluar daripada CCU beliau meminta supaya mengadakan satu bilik seorang sahaja. Jadi, beliau sendiri meminta mahu keluar daripada CCU tetapi oleh kerana dia akan dikeluarkan daripada CCU dia ada membuat permintaan itu.

Tetapi dalam wad-wad kelas pertama sama ada dalam bilik seorang atau bilik untuk dua orang, tidak ada apa-apa alat-alat, mekanisme-mekanime untuk monitor pesakit-pesakit. Atas sebab itu, mendiang P. Patto meninggal dunia. Kalau kemudahan-kemudahan dalam hospital-hospital besar kita termasuk Hospital Besar Ipoh, khasnya wad-wad kelas pertama dan lain-lain adalah kemudahan-kemudahan yang pokok untuk monitor keadaan pesakit-pesakit, saya percaya kemungkinan besar bahawa P. Patto masih dengan kita.

Kematian P. Patto satu kehilangan kepada negara, satu kehilangan besar kepada rakyat oleh kerana beliau diiktiraf, diakui sebagai seorang pejuang untuk rakyat yang berani, bersuara lantang menentang segala ketidakadilan, segala penyelewengan dan sekarang seorang yang muda. Oleh

kerana kemudahan-kemudahan hospital-hospital kita tidak sempurna, hilang satu nyawa yang begitu 'pending'.

Saya haraplah sungguhpun kementerian kesihatan kata ada siasatan yang menunjukkan bahawa pihak kementerian berpuas hati mengenai kes ini, saya rasa ini tidak boleh, tidak ada sebab mengapa kementerian kesihatan merasa puas hati. Oleh kerana kekurangan alat-alat. Kita tidak boleh menerima bahawa kekurangan alat-alat boleh menyelamatkan nyawa-nyawa ialah satu perkara yang biasa dan kita puas hati bahawa oleh kerana inilah satu kelaziman dalam sistem kesihatan kita. Orang yang meninggal dunia, kita menganggap ialah sebagai patut berlaku.

Saya haraplah bahawa satu kajian menyeluruh boleh diadakan supaya di semua hospital tidak bergantung kepada Institut Jantung Negara sahaja, tetapi pesakit-pesakit jantung, sungguhpun keluar dari CCU kalau ditempatkan dalam wad umum hendaklah keadaan mereka masih dimonitorkan melalui alat-alat yang pokok supaya apa yang berlaku dalam kes P. Patto tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri diminta jawab.

4.24 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa.

Berkenaan dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Tambun yang bertanya tentang prosedur rawatan percuma bagi pesakit-pesakit di IJN, Kementerian Kesihatan memang sedar dan prihatin terhadap golongan yang tidak berkemampuan yang perlu mendapat rawatan sama ada di hospital kerajaan ataupun di IJN. Oleh itu kerajaan akan membiayai pesakit yang tidak mampu di IJN dan prosedur yang harus dilalui ialah:

Pertama, pesakit mestilah diperiksa dan ditemuduga terlebih dahulu oleh doktor di hospital kerajaan sebelum dirujuk ke IJN untuk rawatan lanjut. Jika pesakit memohon subsidi atau dikelaskan sebagai dalam kategori golongan yang susah, mereka mestilah disahkan oleh Pegawai Kesihatan Sosial hospital atau Pegawai Kebajikan Sosial yang diakui pengesahan itu oleh pihak Kementerian Kewangan. Ini adalah untuk membolehkan supaya pihak Unit Kebajikan Masyarakat mengemukakan laporan penilaian sosio-ekonomi pesakit keluarga dan prosedur ini adalah untuk memastikan bahawa mereka yang layak menerima subsidi adalah benar-benar dalam golongan yang berpendapatan rendah.

Mengenai pertanyaan bahawa pesakit yang menerima rawatan di Hospital Ipoh dirujuk ke Hospital Universiti dan kemudiannya di Subang Jaya, mengikut prosedur Kementerian Kesihatan semua pesakit jantung akan dirujuk ke IJN jika rawatan lanjut diperlukan. Walau bagaimanapun, pesakit mempunyai pilihan untuk merujuk kepada hospital-hospital selain daripada IJN.

Menjawab berkenaan dengan takrif ataupun kriteria yang dikatakan miskin, tadi saya telah memberi jawapan

kepada persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Pokok Sena bahawa kriteria ini mestilah seperti yang telah diselaraskan mengikut prosedur IJN iaitu dengan usaha dan rujukan yang dibuat oleh pihak kebajikan masyarakat walaupun kelonggaran kita buat dengan mendapat rujukan atau referral dengan izin, daripada pihak-pihak berkuasa tempatan seperti daripada Pejabat Daerah, Ketua Kampung, Penghulu ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak ADUN atau pihak Ahli Parlimen yang di mana pihak pegawai IJN menggunakan budi bicara untuk menerima takrif bagi kalangan mereka yang susah.

Mengenai soalan sama ada mereka dari kalangan pendatang haram mendapat rawatan di IJN mereka di kalangan ini tidaklah menerima subsidi untuk mendapat rawatan di IJNSB.

Berkenaan dengan queue yang dikatakan ataupun cara mana charges dengan izin, dikenakan bayaran, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sebenarnya biayaan yang dikenakan bagi mereka di kalangan yang menerima subsidi adalah ditentukan oleh pihak Kabinet iaitu pembiayaan itu di peringkat yang kos, at cost dengan izin, yang bermakna apa juga perkara atau barangan yang digunakan akan dikenakan bayaran itu di peringkat yang asas, yang basic dan tidak ada peningkatan atau mark-up dengan izin, digunakan bagi mereka dalam kalangan yang menerima subsidi ini ataupun di kalangan yang dikatakan susah, yang biasanya ditempatkan di peringkat kelas ketiga. Bagi peringkat kelas ketiga. Bagi peringkat kelas kedua dan sebagainya, mark-upnya daripada kos yang asas ialah sebanyak 5% dan kelas pertama sebanyak 10%.

Dari segi jumlah berapa banyakkah bayarannya kalau dibuat perbandingan, pada asasnya walaupun ini terpulang kepada keadaan penyakitnya dan juga pengesanan penyakit itu dan bagaimanakah serius penyakit itu, pada asasnya ialah di tahap antara RM14,000 dan RM16,000 yang harus dibiayai. Itu pun bagi yang paling basic. Tetapi kalau dibandingkan dengan pihak swasta adalah menjangkau RM25,000 hingga RM30,000 atau lebih terpulang kepada kedudukan keadaan pesakit yang teruklah, berapa banyak dia punya lubang by-pass, yang kena buat gantian. Jadi, menunjukkan betapa bebanan dan tanggungan yang ditanggung oleh kerajaan. Adalah tidak adil kalau dikatakan bahawa pihak kerajaan tidak peka kerana kalau kita melihatkan sejak terwujudnya IJN pada tahun 1992, pada bulan September telah menjalankan sebanyak sejumlah besar pesakit luar dan dalam sebanyak 2,028 orang. Maknanya, sejak bermula sahaja IJN pada tahun 1992, inilah jumlah pesakit luar dan dalam, out-patient dan in-patient, bermakna yang melalui pembedahan.

Seterusnya pada tahun 1993 ada sebanyak 6,208 orang pesakit. Ini adalah dalam kategori pesakit yang tidak mampu, kerana ada pecahan. Di antara kategori pesakit yang tidak mampu dengan mereka yang layak di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan. Kalau Yang Berhormat dari Pokok Sena mengatakan bahawa mereka ini tidak diberi keutamaan, sebagai satu dasar kerajaan IJN melaksanakan atau menjalankan pembedahan dan memberi perkhidmatan sebanyak 80% kepada mereka di kalangan yang tidak mampu dan juga kepada pesakit atau kakitangan kerajaan, bermakna hanya 20% sahaja yang tinggal bagi yang

tergolong dari kalangan yang mampu bayar. Jadi, tidak timbul soal.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Pada tahun yang lepas Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada mengumumkan bahawa 52% pesakit di IJN yang menerima bantuan – 52% sahaja. Sekarang nampaknya dalam beberapa bulan ini telah meningkat pada 80%, adakah ini benar?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, disekalikan jumlah itu, 80% diberi tumpuan perkhidmatan itu kepada kalangan kumpulan yang tidak mampu dan juga kakitangan kerajaan, saya gulungkan sekali – saya sekalikan jumlahnya.

Saya akan beri statistik kepada Yang Berhormat untuk menunjukkan berapa banyak jumlah yang menerima perkhidmatan bagi tahun 1993. Bagi kumpulan pesakit yang dianggap tidak mampu berjumlah sebanyak 6,208 bagi pesakit luar dan dalam. Bagi tahun 1994 ialah 4,936, jadi jumlah besar pada keseluruhan bermulanya IJN pada bulan September 1992 sampailah ke akhir tahun 1994 adalah sejumlah 13,172 orang, yang mana menerima pembedahan adalah sebanyak 4,144 orang.

Bagi pesakit kakitangan kerajaan jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 54,141 orang iaitu pesakit luar dan dalam bagi keseluruhan tahun 1992, 1993 dan 1994, tetapi yang menerima pembedahan adalah sebanyak 7,926 orang. Ini menunjukkan betapa sudah dimaksimumkan

kemudahan yang terdapat di IJN dengan mempunyai empat theatre pembedahan dan pembedahan dijalankan sebanyak 10 hingga 12 setiap hari. Kalau kita hendak mengikutkan queue sebenarnya jumlah yang tertunggak daripada pengambilan jumlah yang menunggu di peringkat hospital besar pun telah diberi perhatian dan tumpuan oleh pihak IJN. Sebanyak 100 hingga 150 kes baru setiap bulan diterima dan sekarang ini sentiasa bertambah yang menjadikan secara purata 200 kes sebulan. Jadi, tidaklah timbul satu persoalan yang diragukan bahawa IJN telah tidak melakukan tugas atau melaksanakan tugasnya, malahan dia telah dapat.....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Tuan Pengerusi, adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan seperti ini? Nampaknya, walaupun ada usaha untuk menampung keperluan sekarang, tetapi IJN di satu tempat sahaja memang tidak boleh menyelesaikan masalah di seluruh negara. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan unit-unit jantung di seluruh negara untuk memenuhi keperluan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat, sebenarnya memang telah ada satu rancangan untuk membina satu lagi Unit Cardio Thoracic di Hospital Besar Pulau Pinang yang telah pun bermula operasinya dan telah pun memberikan perkhidmatannya kepada pesakit-pesakit. Jadi, ini sedikit-sebanyak telah berjaya meringankan bebanan IJN

yang selama ini memanglah mempunyai satu bebanan yang berat. Malah dalam jangka masa akan datang pun, pada tahun 1996 di Hospital Besar Johor Bahru akan diwujudkan satu unit lagi. Begitu juga pada tahun 1997, Hospital Besar Kuching, Sarawak akan mewujudkan unit yang sama.

Bagi menyambung penjelasan berkenaan perkara-perkara yang dibangkitkan seterusnya, kalau mengikutkan statistik ataupun yang diterangkan tadi, jelas menunjukkan kerajaan bukan hanya turut cuba meringankan bebanan yang ditanggung dalam masalah pesakit jantung ini, tetapi pihak IJN sendiri mempunyai rancangan juga untuk meluaskan program-programnya.

Berkenaan dengan giliran untuk melalui pembedahan, ini adalah tertakluk kepada assessment yang dijalankan oleh pakar-pakar pembedahan yang akan menetapkan tarikh-tarikh pembedahan tanpa mengira status pesakit-pesakit. Jadi, kalaulah dikatakan pesakit itu mungkin kehilangan nyawa, silalah beri maklumat yang detail, kerana kita mengikut prosedur IJN bahawa mereka adalah dalam kategori yang tenat akan serta-merta dilakukan pembedahan segera tanpa menunggu dokumentasi. Tetapi bagi mereka yang dalam kategori emergency masih lagi dibuat assessment oleh pakar bedah dalam jangka masa satu minggu dan selainnya mestilah berasaskan kepada assessment yang dibuat oleh pakar bedah, di samping itu diberi pemeriksaan berkala berasaskan juga kepada mereka yang terlibat dan terpaksa menunggu giliran masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Kajang yang menceritakan tentang keperluan

untuk membuat senarai registry, dengan izin pesakit-pesakit ini, sebenarnya itu satu cadangan yang baik, tetapi buat masa ini, seperti yang saya maklumkan tadi bahawa pihak IJN sendiri mengambil alih sebanyak 2,600 pesakit dalam senarai waiting list semenjak dipindahkan semua pesakit daripada Hospital Besar Kuala Lumpur. Jadi buat masa sekarang ini dalam senarai yang aktif adalah sebanyak 1,300 pesakit dan bagi mereka yang masih lagi disemak iaitu sebanyak 1,008 pesakit. Di samping menerima kes-kes baru satu soal-selidik sedang dijalankan untuk mengenal pasti sama ada mereka ini akan terus menunggu giliran dan masih lagi akur kepada keperluan untuk menemui temujanji yang telah ditetapkan oleh pakar-pakar bedah atau mereka telah pun mendapat khidmat yang lain ataupun tidak mahu mengikuti susulan kepada rawatan-rawatan yang telah dicadangkan. Jadi, cadangan untuk mengemaskinikan registry itu di peringkat nasional adalah satu cadangan yang baik dan saya pasti akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Berkenaan dengan kempen pemakanan yang ada kaitan dengan penyakit ini, sebenarnya Kementerian Kesihatan mempunyai satu rancangan untuk mencegah daripada penyakit-penyakit ini melalui satu kempen nasional yang dipanggil 'Kempen Cara Hidup Sihat' yang telah pun dimulakan oleh Kementerian Kesihatan, tumpuannya adalah bertemakan pemakanan iaitu pada tahun 1993, kempen ini telah pun dijalankan. Sebenarnya kempen sudah pun dimulakan dengan pelbagai pendekatan dan sebaran maklumat-maklumat sama ada media cetak atau media elektronik. Namun demikian, untuk mengukuhkan lagi tindakan

kementerian, kementerian sedang dalam proses membuat pindaan kepada Akta Peraturan Pemakanan yang boleh memberi lebih kuasa kepada kementerian untuk bertindak, kerana buat masa ini kuasa adalah tertakluk kepada tindakan kementerian dan Kerajaan Tempatan. Insya-Allah, kementerian akan terus meningkatkan usaha dalam semua aspek dan dalam soal ini juga semua pihak harus bersama-sama memainkan peranan kerana soal kesihatan adalah soal kita semua.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga menceritakan tentang Hospital Nicholas, Seberang Jaya yang telah sedikit-sebanyak menjejaskan status Hospital Bukit Mertajam. Sebenarnya Hospital Seberang Jaya akan menyediakan perkhidmatan pakar tetapi di samping itu Hospital Bukit Mertajam akan terus memberikan perkhidmatan rawatan pesakit luar dan pesakit dalam. Ini memandangkan bahawa Hospital Nicholas ini agak jauh maka Hospital Bukit Mertajam akan terus kita gunakan. Kementerian akan memberi perhatian kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang dirasakan adalah baik bagi kepentingan kita bersama.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran dan juga Parit yang mengatakan bahawa kita perlu mendapatkan lebih lagi kemudahan bilik-bilik yang selesa. Pesakit-pesakit kerajaan adalah layak untuk sekurang-kurangnya kemudahan kelas dua. Walau bagaimanapun, oleh kerana kekurangan katil kadang-kala mereka mungkin diletakkan dalam kelas yang tidak setara atau tidak sesuai dengan keperluan mereka. Jadi, terdapat cadangan untuk meningkatkan

kemudahan di IJN khususnya dari segi kemudahan rawatan dan kemudahan-kemudahan peralatan.

Berkenaan dengan temuan yang tidak diikuti oleh pesakit luar, perkara ini akan disusuli oleh pihak IJN seperti yang telah diterangkan tadi dan kita menyokong satu usaha oleh badan korporat yang bekerjasama dengan pihak IJN untuk membuat pengambilan mengenai perkara yang bersabit dengan usaha bagi mewujudkan tabung bagi memberi bantuan kepada mereka yang mengidap penyakit jantung ini.

Ada cadangan daripada Yang Berhormat dari Tuaran yang mengatakan oleh kerana kesusahan daripada pesakit-pesakit di luar daripada Semenanjung untuk membuat satu usaha mewujudkan satu unit yang dekat dengan negeri yang di luar dari Semenanjung. Cadangan untuk menubuhkan satu unit kardiologi dan kardiotrasik di Hospital Umum Kuching, seperti yang telah saya maklumkan tadi akan dilaksanakan pada tahun 1997.

Berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan saranan supaya bekalan air bersih selain daripada kemudahan-kemudahan peralatan hospital tetapi perlulah disediakan juga kemudahan-kemudahan asas, sebenarnya sedang dilaksanakan melalui satu program Bekalan Air Kesihatan Alam Sekeliling (BAKAS) di negeri Sabah khususnya dan dalam Rancangan Malaysia Keenam, daripada 81 projek yang telah diluluskan, 43 projek adalah berkaitan dengan soal-soal memberi kemudahan bagi meningkatkan kesihatan di luar-luar bandar.

Berkenaan dengan bantuan peralatan yang diberikan kepada

negara Albania, ini adalah diberikan oleh kerajaan berdasarkan kepada satu kajian yang dibuat mengenai keperluan negara tersebut dan ini merupakan satu sumbangan sebagai persahabatan. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak pernah mengabaikan keperluan rakyat kita sendiri seperti yang kita lihat dengan adanya pertambahan RM36 juta yang dipohon untuk rawatan pesakit-pesakit jantung khususnya di kalangan orang-orang yang kurang mampu.

Bagi persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Beluran berkenaan dengan soal prosedur, seperti yang telah saya katakan tadi adalah berasaskan kepada rujukan yang perlu dibuat daripada hospital kerajaan yang merupakan satu perkara yang mandatori kerana tanpa rujukan ini tidak mungkin IJN dapat mengendalikan hampir semua kalau tidak melalui satu proses 'screening', dengan izin, yang dapat dikenal pasti dalam keadaan keperluan pesakit-pesakit sekarang yang semakin meningkat.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Libaran mengenai orang-orang yang memerlukan rawatan segera dan bagi mereka di kalangan yang susah dan tidak perlu menunggu lama, ini tidaklah dapat kita elakkan walaupun kita telah menurunkan cara-cara dan prosedur seperti yang telah diterangkan tadi. Saya yakin, walaupun saya tidak mempunyai statistik bagi mereka yang kehilangan nyawa dalam proses menunggu mengikut giliran berasaskan kepada assessment pakar bedah tetapi saya yakin bahawa pihak IJN mempunyai pakar-pakar yang arif di dalam apa yang telah mereka laksanakan. Seperti apa yang telah kita lihat daripada prestasi yang telah

mereka jalankan, mereka sentiasa akur kepada matlamat kerajaan untuk memberi tumpuan kepada mereka di kalangan yang susah.

Bagi soalan selanjutnya yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai keadaan kedudukan kemudahan-kemudahan di hospital, adalah tidak benar beliau mengatakan bahawa kedudukan kemudahan hospital itu tidak dalam keadaan yang sempurna kerana laporan yang telah kita terima itu jelas menunjukkan kemudahan hospital itu adalah sempurna dan tidak ada kena-mengena langsung dengan kepergian atau kematian Yang Berhormat P. Patto. Saya harap dapatlah menerima satu hakikat 'yang pergi itu tetap pergi' kerana itu mungkin sudah ajal tetapi ia tidak ada kena-mengena dengan soal kemudahan dan keperluan kita kerana semakan dan siasatan kita telah menunjukkan bahawa keadaan beliau adalah dalam keadaan yang sempurna apabila beliau telah dilepaskan keluar daripada ICU. Saya harap kenyataan ini dapat diterima oleh Ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya.

Jadi, dengan itu sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM40,000.000 untuk Maksud B. 34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM40,000,000 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B. 39 (Jadual) -

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 39 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Tambun.

4.49 ptg.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah (Tambun): Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara mengenai dengan Maksud B. 39.

Pertama, saya ingin bertanya beberapa soalan iaitu berapa ramai mereka yang mendaftar pembaharuan kad pengenalan dalam masa seminggu dan sebulan di seluruh negara? Berdasarkan analisa trend ke atas kedudukan tersebut, adakah pendaftaran kad pengenalan baru akan mencapai 100% pada penghujung tahun 1996?

Perkara kedua, saya ingin menyentuh tentang rasa kebimbangan saya mengenai pendaftaran kad pengenalan baru terutama di kalangan penduduk Melayu. Dari perbincangan saya dengan Pejabat Pendaftaran Negeri Perak ternyata bahawa di kalangan masyarakat bukan Melayu sebanyak 70% telah pun membuat pendaftaran kad pengenalan baru, manakala di kalangan masyarakat Melayu di antara 40% hingga 50%. Tidakkah kementerian bercadang untuk mengadakan satu kempen atau program khas supaya lebih ramai lagi masyarakat Melayu akan membuat kad pengenalan baru?

Perkara ketiga tentang pendaftaran bergerak. Pada masa ini di negeri Perak ada dijalankan pendaftaran bergerak di kampung-kampung, baik di tempat orang Melayu mahupun di tempat orang bukan Melayu. Satu perkara

yang saya ingin sentuh mengenai dengan pendaftaran bergerak ini adalah mengenai dengan elaun kakitangan Jabatan Pendaftaran, kerana bagi pendaftaran pada hari-hari minggu, mereka tidak langsung dibayar elaun lebih masa. Saya ingin mengesyorkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara agar elaun lebih masa diberikan kepada kakitangan yang bekerja dalam program pendaftaran bergerak pada hari minggu supaya lebih banyak lagi pendaftaran jenis bergerak ini dapat dijalankan. Terima kasih.

4.52 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai Maksud B. 39. Di sini, kita difahamkan sebanyak RM1,745,300 telah dibelanjakan untuk menampung pembelian bahan mentah kad pengenalan bermutu tinggi dan juga bayaran emolumen dan elaun lebih masa bagi Pembantu Pendaftaran sementara dan Kerani sambilan. Yang saya ingin tanyakan pada kementerian, iaitu daripada jumlah yang telah dibelanjakan, berapakah yang dibelanjakan membeli kad pengenalan bermutu tinggi dan juga berapakah yang dibelanjakan untuk elaun lebih masa dan juga untuk pendaftaran sementara, iaitu Kerani sambilan.

- Saya juga ingin bertanya oleh kerana di Sarawak pada masa ini pendaftaran bergerak, dengan izin, mobile registration telah berjalan begitu memuaskan. Walaupun kementerian ini dalam beberapa tahun kita berada di Dewan yang mulia ini ada tuduhan yang tidak memuaskan, tetapi saya merasa dengan keadaan yang ada sekarang ini, iaitu banyak mereka yang belum mendaftarkan dan menukarkan

juga kad pengenalan lama kepada kad pengenalan baru. Di Sarawak memang sukar untuk pendaftaran bergerak ini pergi ke satu tempat dengan tempat lain, misalnya seperti di kawasan saya di Bukit Mas, saya berterima kasih kepada kementerian, oleh kerana sebelum pilihanraya Parlimen, saya telah meminta bantuan supaya pendaftaran bergerak ini dapat datang ke kawasan saya, dan mereka datang dengan sepasukan, tinggal di kawasan saya selama lebih satu minggu.

Tuan Pengerusi, kalau kita banding dengan keadaan yang dahulu dan sekarang, memang penduduk di kawasan luar bandar begitu megah, dengan izin, they are very proud, oleh kerana kementerian ini dapat bergerak mengikut keadaan dan suasana. Saya berterima kasih oleh kerana dalam masa seminggu itu, di kawasan yang mereka telah bertugas, kalau mengikut keadaan yang dahulu, seperti kawasan yang mereka telah melawat Long Semadoh, Ba' Kelalan, kita berjalan kaki enam hari baru sampai ke kawasan itu. Tetapi walaupun keadaan begitu menyusahkan, mereka ini senang sahaja, dengan semangat mereka, khususnya pegawai-pegawai dari kementerian. Saya berharap dengan adanya perbelanjaan yang lebih tadi itu, kita teruskan pendaftaran bergerak ini, oleh kerana di Sarawak sekarang ini kalau kita ikut ataupun bandingkan dengan Semenanjung Malaysia, memang sukar untuk mereka berjalan ke sana sini, oleh kerana dari segi perhubungan tidak begitu memuaskan.

Oleh kerana itu, saya berharap kalau ada perbelanjaan yang dipakaikan itu daripada pendaftaran sementara dan Kerani sambilan, tahniahlah kepada kementerian. Kalau boleh, tingkatkan lagi atau teruskan lagi pendaftaran bergerak ini. Saya juga difahamkan daripada saudara saya Ahli dari Sib

pada minggu yang lepas, pendaftaran bergerak ini berada di kawasan beliau di rumah-rumah panjang. Ini adalah satu perkara yang penting atau baik harus kementerian ini juga berasa gembira, oleh kerana walaupun ada masalah di dalam pendaftaran kad pengenalan baru, oleh banyak orang yang belum mengerti, khususnya dari kawasan luar bandar, tetapi saya rasa kementerian ini juga dapat menjalankan tugas mereka dengan memuaskan.

Saya juga ingin bertanya bagaimana sekiranya masa yang diberikan untuk menukarkan kad pengenalan yang lama kepada yang baru ini, khususnya bagi Sarawak ataupun Sabah, oleh kerana memandangkan keadaan dari segi perhubungan memang susah sekali, adakah kementerian dapat memberi kelonggaran dari segi memberi lebih masa untuk mereka menukarkan kad pengenalan daripada yang lama kepada yang baru?

Selain daripada ini, saya ingin penjelasan tadi, iaitu pecahan perbelanjaan ini, adakah kementerian khususnya untuk negeri Sarawak dan Sabah misalnya, senantiasa mengadakan satu sistem di mana pendaftaran bergerak ini dapat berjalan secara berterusan, dengan izin, continuously supaya janganlah kita dipandang dari segi pandangan politik, mereka mengatakan, oh! sebelum pilihanraya ataupun musim pilihanraya baru kita tiba? Walaupun begitu, itu menjadi satu kebanggaan untuk kita juga, oleh kerana kita menyokong Barisan Nasional, itulah sebab kerajaan membantu kita di dalam kesulitan. Yang saya ingin cadangkan untuk Sarawak kalau boleh, kita tingkatkan pendaftaran bergerak ini dan kalau boleh juga kita boleh menjadikan ini sebagai satu sistem,

continuous system, dengan izin. Bolehkah kementerian menjelaskan? Dan kalau ia memang memerlukan perbelanjaan ataupun tambahan, kita rela menyokong di sini. Itulah sebab kita berada di sini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi. Tahniah kepada kementerian sekali lagi, oleh kerana dapat bergerak mengikut keadaan suasana yang ada sekarang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Bandau.

4.59 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau): Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya, untuk memberi sumbangan dalam perbahasan untuk Maksud B. 39.

Tuan Pengerusi, memanglah peruntukan yang dipohon itu sejumlah RM7.7 juta mengikut pecahan adalah seperti mana yang diperlukan. Saya ingin memberi tumpuan kepada perkara yang pertama, iaitu pembelian bahan mentah kad pengenalan bermutu tinggi. Kerana dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, banyak sungutan-sungutan mengenai kualiti kad itu sendiri yang dikatakan kad pengenalan bermutu tinggi, tetapi daripada laporan-laporan yang kita terima kalau dibandingkan dengan pengenalan lama, mutunya kurang daripada kualiti kad dahulu, walaupun ia lebih kemas macam kredit kad. Untuk sebagai bukti saya punya kad sendiri saya boleh gunakan di sini, kerana ini baru satu tahun usianya dan bukan palsu punya. Siring-siringnya terbuka, saya belum gam lagi. Tetapi ini sebagai tanda bahawa kualitinya tidak baik dan harus pihak kementerian cari jalan untuk memperbaiki

kualitinya. Kad baru juga senang untuk disalahgunakan, nanti "hantu-hantu" pun boleh pakai, kerana senang untuk dibuka dan tampal sahaja di dalam. Termasuk juga wajah pemilik pun macam photocopy sahaja, dan susah hendak melihat sama ada asli atau tidak. Kadang-kadang gambarnya macam photocopy, jadi lebih tua dari yang sebenar. (*Ketawa*) Ini satu maklumat yang betul kerana ini juga seperti yang kita tahu. Jadi harapan kepada pihak kementerian dalam hal membeli bahan mentah yang baru, perkara-perkara dari segi mutu dan keselamatan kad pengenalan ini diambil kira supaya dipertingkatkan daripada mutu yang ada pada masa sekarang ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang seterusnya iaitu mengenai bayaran emolumen dan elaun-elaun lebih khususnya bagi pembantu pendaftaran sementara dan kerani-kerani sambilan dan pasti inipun ada kaitan untuk digunakan ataupun telah digunakan bagi pejabat-pejabat yang kurang tenaga pekerja dan juga sepertimana yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu bagi gerakan pendaftaran bergerak.

Tuan Pengerusi, di dalam perkara ini, saya ingin tahu jika Menteri yang berkenaan mempunyai maklumat bagi pembantu-pembantu pendaftaran sementara ini dan kerani-kerani sambilan, di manakah dari segi pecahan negeri mereka ini ditempatkan kerana kita ingin tahu khususnya bagi negeri-negeri yang menghadapi banyak masalah dari segi jumlah penduduk yang belum mempunyai kad pengenalan kerana lewat mendaftar, kerana tidak ada surat beranak, misalnya, ataupun belum lagi menukar kad pengenalan yang lama kepada yang baru, maka tumpuan harus diberi

kepada negeri-negeri yang masih lagi kebelakangan dalam menghadapi masalah yang besar dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, juga dari segi pengambilan pembantu pendaftaran sementara ini dan kerani-kerani sambilan, kita inginlah pihak kementerian yang berkenaan supaya memberi tumpuan seperti yang saya katakan tadi bagi kawasan-kawasan ataupun daerah-daerah di mana masalah itu mesti besar dan bukan pula ditumpukan kepada kawasan bandar kerana perhatian saya 'at least', dengan izin, di negeri Sabah pendaftaran bergerak ini lebih luas dijalankan di kawasan bandar, di kawasan-kawasan perumahan dan ada dibuka kaunternya khususnya oleh parti-parti Barisan Nasional dengan bantuan mereka. Tetapi di kawasan luar bandar pula begitu sedikit sekali. Jadi, diharaplah pihak Pendaftaran Negara mengambil tindakan khusus untuk pendaftaran bergerak ini dilakukan lebih banyak di luar bandar kerana penduduk-penduduk kita begitu susah sekali untuk berjalan dan bergerak ke kawasan-kawasan pekan kerana masalah pengangkutan dan tempat yang begitu jauh sekali daripada kawasan pekan.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama juga, kita ingin supaya pembantu-pembantu pendaftaran sementara dan kerani sambilan ini dilatih dengan baik supaya dapat menjalankan tugas dengan baik. Sebab ada juga laporan-laporan yang kita terima bahawa banyak pemohon kad pengenalan apabila memohon dan selepas satu tahun datang kembali untuk bertanya adakah kad mereka sudah sampai atau tidak dan pegawai mengatakan, 'belum lagi' dan dua tiga tahun sudah berlalu, balik lagi, dia bilang - pohon balik kerana ada kesilapan, ada masalah.

Jadi, semuanya ini tidak meyakinkan rakyat kita untuk memberi kepercayaan kepada sistem pentadbiran kerana banyak perkara yang seperti ini berlaku, khususnya orang-orang yang jauh, yang tidak pandai membaca dan apabila datang tiga tahun kemudian – pohon balik – beli setem lagi, balik, dan ini bukan kes-kes, dengan izin, isolated sahaja. Jadi, saya tidak tahu sama ada ini terlibat daripada pegawai-pegawai pendaftaran yang tidak terlatih, saya percaya ini bukan disengajakan oleh pihak pegawai-pegawai kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya dalam perkara pengeluaran kad pengenalan ini sekali lagi kita merayu kepada pihak jabatan supaya yuran kad pendaftaran lewat ini dikaji semula. Pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab pada hari kelmarin bahawa khususnya bagi negeri Sabah tidak ada cadangan pada saat ini untuk memberi pengurangan atau tidak membayar denda tetapi keinginan kita supaya kerajaan terus bertindak dengan secara positif di dalam perkara ini dan janganlah kait-kaitkan dengan masalah keadaan politik yang mengatakan sejarah-sejarah yang lampau. Kalau negeri Sabah disebut-sebut, Sabah baru, bila lagi hendak memulakan era yang baru tetapi inilah masanya. Jadi, kita harap pihak Pendaftaran Negara dan kementerian yang berkenaan mengambil tindakan yang lebih khusus kerana masalah ini cukup besar sekali, masalah tiada kad pengenalan, masalah tiada surat beranak dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, itu sahaja sumbangan saya dalam perbahasan ini, terima kasih.

Tuan Chang See Ten: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari kawasan mana?

Tuan Chang See Ten: Gelang Patah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila.

5.06 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menyentuh perbahasan peruntukan tambahan sebanyak lebih RM7 juta untuk menampung pembelian bahan-bahan mentah kad pengenalan bermutu tinggi bayaran emolumen serta elaun lebih masa bagi pembantu pendaftaran sementara dan kerani sambilan.

Di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Pendaftaran Negara yang telah dapat mengemaskinikan proses pembaharuan kad pengenalan baru kerana saya sebagai Wakil Rakyat, saya dapati pada masa yang lalu, memang kita sering menerima aduan daripada penduduk-penduduk kerana mereka menghadapi masalah untuk menukar kad pengenalan baru, tetapi bila proses baru yang dilaksanakan dengan borang yang baru, kita telah kurang menerima aduan. Apa yang kita terima pada masa sekarang, cuma aduan tentang kelambatan menerima kad pengenalan baru yang mereka ingin tukarkan. Ada yang mengadu mengambil masa sehingga lebih dari satu tahun daripada tarikh mereka memohon, menukarkan kad pengenalan mereka hingga lebih satu tahun masih belum dapat terima. Saya berharap pihak Timbalan Menteri Dalam Negeri dapat meneliti tentang kes kelambatan ini.

Yang kedua, di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk mengesyorkan supaya pihak Pejabat Pendaftaran Negara agar dapat

memperbanyakkan tempat-tempat 'service' bergerak di seluruh negara. Untuk kawasan saya di Gelang Patah, saya sangat berharap satu pusat perkhidmatan dapat diadakan di kawasan Skudai, yang mana Skudai terletaknya lebih 10 batu, iaitu 16 kilometer daripada Pejabat Pendaftaran di Wisma Persekutuan di Johor Bahru. Memandangkan di jalan itu sering menghadapi masalah kesesakan jalan dan kawasan di Skudai yang mana terdapat banyak projek-projek perumahan yang mempunyai ramai penduduk dan mereka sering meminta bantuan saya supaya berharap Jabatan Pendaftaran Negara mengadakan perkhidmatan untuk menukarkan kad pengenalan baru sama ada di Pejabat Majlis Daerah Johor Bahru Tengah yang terletak di Skudai atau di Dewan Raya, Taman Engku Tun Aminah yang dimiliki oleh Majlis Daerah Johor Bahru Tengah.

Selain daripada itu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengesyorkan supaya pihak Pejabat Pendaftaran pada masa sekarang perlu meninjau sama ada dalam tempoh satu setengah tahun lagi kerana tarikh akhir untuk menukar kad pengenalan baru adalah pada tahun 1996 dan dikira dari masa sekarang adalah kurang daripada satu setengah tahun – sama ada benar-benar boleh menyelesaikan proses penukaran kad pengenalan baru ini pada akhir tahun 1996. Ini adalah cadangan saya supaya pihak Jabatan Pendaftaran Negara, melalui Kementerian Dalam Negeri dapat memberikan jawapan yang baik kepada apa yang saya sebutkan tadi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelebu.

5.13 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat untuk menyokong peruntukan Maksud B. 39 yang melibatkan lebih daripada RM7.7 juta.

Tuan Pengerusi, mengenai perancangan Jabatan Pendaftaran Negara melalui pejabat-pejabat di daerah-daerah, saya berterima kasihlah, setakat hari ini memang kita tahu bahawa Jabatan ini memainkan peranan yang baik dan berkesan dan apa yang saya harapkan, umpamanya di kawasan saya sendiri di Jelebu, kalangan penduduk-penduduk di sana juga terdapat kumpulan Orang Asli dan juga peneroka-peneroka Felda. Jadi, setakat hari ini saya difahamkan bahawa Pejabat Pendaftaran belum lagi turun ke padang iaitu ke kawasan-kawasan Felda dan juga ke kawasan-kawasan perkampungan Orang Asli. Jadi, sekiranya langkah ini dibuat, saya percaya bahawa saranan pihak kerajaan untuk menggalakkan jabatan-jabatan kerajaan membuat kutipan-kutipan hasil akan dapat tercapai, selain daripada kita menunggu mereka datang ke pejabat, saya yakin dan percaya sekiranya *modus operandi* yang sedemikian digunakan, akan dapat menggalakkan lagi masyarakat-masyarakat orang asli dan juga masyarakat-masyarakat di kawasan-kawasan Felda akan dapat bertindak dengan cepat bagi membuat kad pengenalan baru, kerana sebagaimana yang kita maklum, masyarakat atau penduduk di sesuatu skim Felda terdiri daripada lebih daripada 300 keluarga, memang ramai dan kalau boleh Pejabat Pendaftaran di peringkat daerah

merancang dan mengenal pasti melalui JKKR ataupun JKK di kampung-kampung tradisional untuk mendapat feedback, sejauh manakah dan seramai manakah penduduk-penduduk berkenaan yang masih belum berurusan dengan pihak Pejabat Pendaftaran untuk melakukan urusan tersebut.

Melalui ketua-ketua masyarakat Orang Asli juga dan juga pegawai-pegawai Orang Asli di peringkat daerah, maklumat yang sedemikian boleh diperolehi dan kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan sama ada kad pengenalan baru ini boleh atau pun tidak digunakan gambar warna yang instant, dengan izin. Sekiranya boleh benda ini dibuat, saya rasa lebih baik dan lebih cepat, kerana gambar black and white, dengan izin, memakan masa yang begitu lama dan inilah faktor-faktor yang menyebabkan mengapa masyarakat di kampung-kampung susah hendak melakukan urusan itu dengan cepat. Di samping masa menunggu yang begitu lama lebih kurang 9 ke 11 bulan, perkara yang sedemikian menjadi faktor mengapa mereka agak lambat untuk bertindak kepada saranan kerajaan ini. Jadi, saya mencadangkan supaya kalau boleh unit pendaftaran Pejabat Pendaftaran tersebut juga membawa kru (jurukameranya). Sekiranya perkara-perkara ini dapat dibuat, saya yakin dan percaya lebih ramai orang-orang yang berkenaan akan dapat memberikan response.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya mencadangkan supaya semua kementerian-kementerian mengeluarkan arahan kepada pejabat-pejabat di peringkat daerah dan juga negeri

supaya ketua-ketua jabatan mereka juga berurusan dengan pihak Pejabat Daerah dan Negeri supaya memberikan kelonggaran untuk kakitangan Pejabat Pendaftaran tersebut datang ke pejabat-pejabat kerajaan di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri untuk membuat dan berurusan secara berkelompok. Kita tahu bahawa 8 jam ke 10 jam kakitangan kerajaan duduk di pejabat dan menjalankan kerja-kerja dan saya jangka kalau satu urusan yang telah diaturkan antara Pejabat Pendaftaran Negeri/Daerah dan juga ketua-ketua jabatan di peringkat negeri dan daerah – saya yakin dan percaya ramai kakitangan kerajaan yang masih belum melakukan urusan tersebut akan dapat membuat mengikut masa-masa yang telah ditentukan.

Tuan Pengerusi, itu sahaja cadangan saya dan saya mengucapkan tahniah kerana setakat hari ini Pejabat Pendaftaran telah melakukan kerja-kerja yang begitu baik dan membantu masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mersing.

5.17 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini atas maksud B. 39 – peruntukan tambahan untuk Jabatan Pendaftaran sebanyak RM7.7 juta.

Tuan Pengerusi, walaupun pihak kerajaan telah meminta orang ramai supaya menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan bermutu tinggi, namun saya percaya masih ramai lagi

yang belum berbuat demikian terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar seperti di sesetengah tempat di kawasan saya – Mersing. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara menghantar pegawai-pegawainya ke kawasan luar bandar pada hari-hari tertentu bagi memberi kemudahan kepada mereka untuk berurusan dengan Jabatan Pendaftaran.

Di samping itu, bilangan urusan yang boleh diterima oleh Jabatan Pendaftaran hendaklah ditambah. Misalnya dari 20 kepada 30 urusan. Selain daripada itu, tempoh penyiapan kad pengenalan bermutu tinggi ini hendaklah dipendekkan seberapa yang boleh. Pada masa ini, masa yang diambil lebih kurang satu tahun dan ini menyukarkan orang ramai untuk melaksanakan urusan mereka yang memerlukan kad pengenalan.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Libaran

5.18 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bersama-sama dengan rakan-rakan ingin membahaskan Maksud B. 36 Jabatan Pendaftaran Negara yang berjumlah RM7.75 juta. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pendaftaran Negara yang telah turun ke kawasan saya yang mana kakitangannya telah begitu komited untuk membantu masyarakat luar bandar untuk menukarkan kad pengenalan lama kepada kad bermutu

tinggi; dalam tempoh 4 hari, mereka telah bekerja bertungkus-lumus dan telah dapat menyelesaikan masalah 3,000 penduduk kawasan saya – syabas dan tahniah!

Perkara yang saya ingin bangkitkan di sini, walaupun dalam ketegasan kerajaan untuk mengatasi masalah kad pengenalan palsu yang mana Sabah pernah dikaitkan sebagai pusat pengeluaran kad pengenalan palsu itu, melalui Dewan yang mulia ini, saya harap Kementerian Dalam Negeri dapat memberi penekanan bagi memastikan imej ini dihapuskan. Syabas juga saya ucapkan kepada Kementerian Dalam Negeri yang mana baru-baru ini beberapa orang termasuk beberapa orang kakitangan Jabatan Pendaftaran dan dua, tiga orang businessman telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam kegiatan mengeluarkan kad-kad pengenalan palsu terutama kepada pendatang haram dari Filipina, Indonesia dan sedikitnya dari India, Bangladesh dan Pakistan.

Saya menyarankan Menteri Dalam Negeri mengambil tindakan sekeras mungkin terhadap mereka yang terlibat ini kerana perbuatan mereka ini bukan sahaja terkutuk, bahkan merupakan perbuatan pengkhianat, menjual maruah negara Malaysia kepada negara-negara asing dan membelot kepada rakyat Malaysia sendiri khususnya rakyat Malaysia di Sabah.

Malah, antara yang tertuduh mengeluarkan kad-kad pengenalan palsu tersebut dikaitkan telah bergiat begitu lama, bertahun-tahun lamanya dan telah hidup mewah atas penjualan beribu-ribu kad pengenalan palsu. Ini adalah pendapatan haram.

Saya berharap agar Timbalan Menteri yang hadir pada hari ini dapat menumpukan dan menjalankan tugas

dengan penuh komitmen untuk sama-sama mengatasi masalah ini supaya satu penubuhan konsul Filipina yang mana telah dilakukan sebagaimana yang dilakukan oleh Indonesia dan juga kawalan di perairan kita perlu diperketatkan lagi.

Kita perlu melaksanakan program ini walaupun ia membabitkan kos yang tinggi kerana ia adalah untuk memelihara kedaulatan negara ini dan tidak mahu Sabah dijadikan.....

Tuan Yunof Edward Marinking: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Tuan bangun hendak minta jalan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:kita tidak mahu Sabah dijadikan longgokan pendatang asing. Sila.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Libaran tadi berkata ada beberapa rakyat yang telah ditangkap, yang hidup mewah kerana hasil penjualan kad pengenalan palsu. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat beritahu Dewan yang mulia ini nama mereka yang didapati hidup mewah kerana menjual kad pengenalan palsu? Terima kasih.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Ini bukan bidang kuasa saya. Saya akan bincangkan di luar nanti.

Imej pusat pengeluaran pasport dan longgokan pendatang asing yang sudah lama wujud di Sabah ini hendaklah dihapuskan. Kementerian harus bertindak untuk memastikan bahawa

generasi muda di Sabah ini terpelihara dan akan terus dapat mendaulatkan negara ini.

Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya hanya dapat benarkan seorang sahaja. Sudah 7 orang yang mengambil bahagian, beri seorang daripada pembangkang. Kepong, selepas ini, kementerian menjawab.

5.25 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, permintaan untuk menambahkan peruntukan hampir RM8 juta untuk pembelian bahan mentah Kad Pengenalan Tinggi (KPT).

Saya nampak, Tuan Pengerusi, ada usaha daripada Kementerian Dalam Negeri untuk memperbaiki keadaan dan baru-baru ini diumumkan oleh Timbalan Menteri mengenai borang permohonan yang telah pun disingkatkan. Sekarang hanya nama, nombor kad pengenalan lama dan alamat serta tiga keping gambar foto dan setem. Lima perkara sahaja yang diperlukan.

Saya diberitahu perkara ini baru dilaksanakan pada bulan April, tahun 1995. Ini satu perkara yang baik juga tetapi saya pun hairan mengapa pihak kementerian mengambil lima tahun baru sedar. Tidak payah kita ada butiran yang begitu lengkap. Lima tahun! Pada satu ketika, apabila saya memohon untuk mendapat kad pengenalan saya, dua tahun lepas. Ini kad tulen, bukan palsu. (*Sambil menunjukkan kad pengenalannya*) (*Ketawa*). Kalau palsu, tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, macam mana boleh palsu.

Apabila saya membuat permohonan, ada sedikit salah sahaja

mengenai tarikh di dalam Sijil Lahir. Sedikit salah sahaja. Wah! Mereka hendak dokumen demi dokumen dan akhirnya saya pun pening kepala. Saya tidak endahkan. Saya buat acuh tak acuh, kemudian ada kebaikan sedikitlah. Ia pun hantar surat kepada saya selepas enam bulan, boleh mengambil kad pengenalan kerana saya pun tidak endahkan, kerana dia hendak dokumen itu lengkap. Saya pun tidak tahu. Kalau dua, tiga tahun yang lepas, lima tahun yang lepas, ia hendak semua dokumen. Sekarang lima tahun kemudian, tidak payah. Lima perkara yang telah saya sebutkan itu, cukup. Saya pun tidak begitu faham.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan mengapa kita perlu lima tahun untuk mempertimbangkan, seimbang-seimbang semua, kemudian kita dapat satu kesimpulan. Lima perkara sudah cukup. Ini menunjukkan pihak berkenaan, walaupun ada berusaha, tetapi usaha itu tidak begitu sempurna. Itu mengenai butiran yang diperlukan. Ini pun baik juga kerana sekarang kita boleh menambahkan permohonan.

Saya percaya ini salah satu faktor yang menyebabkan masih ada lima atau enam juta orang yang tidak memohon lagi. Ada dua belas juta orang yang memegang kad pengenalan (KP) dan hanya lebih lapan juta yang buat permohonan dan ada lebih lima juta lagi entah tidak.

Kalau semua ini dibuang pada awal lagi, butiran yang diperlukan diringkaskan dan dibuat dengan simple, saya percaya, bukan sahaja 8 juta orang memohon, bilangan juga akan bertambah. Ini salah satu masalah.

Tuan Pengerusi, mengenai cara-cara untuk mempertingkatkan prestasi, saya mendapat tahu bahawa kelewatan untuk memproses hampir 1.5 juta

permohonan sekarang dan sebahagiannya mungkin 500,000 ataupun 400,000 permohonan itu dibuat lebih 2 tahun yang lepas, tetapi 2 tahun kemudian tak dapat diproses.

Ada di antara 1 juta itu dibuat dalam lingkungan 1 tahun. Itu pun tak dapat diproses dengan cepat. Apakah masalahnya? Besar kemungkinan bilangan anggota di Bahagian Kad Pengenalan tak cukup ataupun ada segelintir kecekapan itu kurang sedikit - mungkin.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan mengapa masih ada kelewatan? Ini bukan main - bukan main! Kalau 1.5 juta permohonan tak dapat diselesaikan, bagaimana, ada cadangan hendak diswastakan?

Walau bagaimanapun, bagaimana kita dapat memproses masih ada lebih 5 juta orang yang belum memohon lagi kalau yang sedia ada pun tak dapat diproses dengan cepat? Mungkin kita hendak tambahkan anggota untuk seksyen IC dan juga menambahkan kaunter sebab dari semasa ke semasa saya ada pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara dan cawangan-cawangan JPN dan saya menyaksikan dengan sendiri sekarang ada kesesakan kerana pihak kementerian tetap memberi tempoh sampai 31hb Disember tahun hadapan untuk semua lebih 5 juta orang membuat permohonan.

Saya diberitahu bahawa sekiranya ada yang tidak membuat permohonan selepas tahun 1996, menurut undang-undang, mereka yang gagal mendapat KPT boleh didenda RM3,000 atau dipenjara 2 tahun ataupun kedua-duanya sekali. Sebab itulah ada lebih 5 juta orang, sebahagiannya sekarang sangat takut akan didenda atau dipenjara. Sebeab itu mereka pergi ke JPN untuk membuat permohonan.

Kerana kesesakan di situ, berbaris pun kadang-kadang tak dapat borang kerana hendak sampai ke kaunter itu, tiba masa makan – berhenti. Sampai petang, pukul 4.00, sudah tak boleh. Dengan keadaan sedemikian, mudah timbul masalah penyelewengan kerana ada segelintir manusia, mereka tidak boleh tengok orang sesak; bila sesak mereka menanggung di air keruh. Ada jualan borang permohonan secara haram pula. Ini masalah. Bukan masalah kerana rakyat tak begitu faham dan tak hendak membuat permohonan dengan awal sahaja, bahkan masalah ini timbul kerana prestasi JPN tak dapat menampung keperluan.

Saya mencadangkan supaya lebih banyak kaunter diadakan untuk menyelesaikan masalah. Kalau kita hendak lebih banyak kaunter, kita mesti ada lebih banyak anggota untuk membuat pemerosesan ini.

Saya juga mencadangkan supaya Unit Bergerak ditambahkan juga. Setakat ini, ada beberapa Unit Bergerak, terutamanya di bangunan pusat membeli-belah dan sebagainya. Ini nampaknya satu langkah yang betul yang perlu ditambahkan. Ini memberi peluang kepada lebih banyak orang untuk menukar KP kepada KPT.

Saya juga minta – ini bukan kali yang pertama, tetapi sudah kali yang ketiga, adakan unit-unit bergerak di kawasan Kepong, misalnya di Kepong Baru. Di Tumpat pun boleh dan di lain-lain tempat pun boleh! Di semua tempat, kalau boleh kita tambahkan Unit Bergerak. Saya berharap bulan hadapan kita boleh nampak Unit Bergerak di Kepong Baru ataupun di kawasan-kawasan lain di Kepong. Walaupun ada cawangan JPN di Jinjang Utara di kawasan Kepong,

tetapi ini tidak cukup untuk menampung keperluan.

Satu perkara lagi ialah mengenai wargatua. Ada usaha daripada kementerian untuk menolong warga-wargatua seperti menetapkan masa yang khusus untuk warga-wargatua. Itu betul juga.

Tetapi saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri mempertimbangkan cara yang lain untuk warga-wargatua yang lebih 70 tahun ataupun 80 tahun ataupun 90 tahun. Misalnya saya ada satu contoh, seorang nenek yang tinggal di No. 860, Jalan Jambu Merah Dua, Jinjang Selatan. Dia berumur 90 tahun. Bolehkah dikecualikan daripada pergi ke Jabatan? Mungkin satu kaedah boleh diadakan untuk membantu warga-warga yang begitu tua ini atau pun yang cacat dan tak boleh langsung naik di atas kerusi beroda. Walau bagaimanapun, inilah satu cara untuk memperbaiki lagi kaedah untuk memudahkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tempoh yang diperlukan untuk sesuatu permohonan, bolehkah ini dipendekkan lagi kepada mungkin, dalam tempoh satu tahun ataupun dua minggu ataupun satu bulan, semua dibereskan dalam tempoh itu? Sekarang, bolehkah Yang Berhormat menerangkan tempoh yang diperlukan untuk kerja ini?

Mengenai cadangan ataupun syor daripada JPN sendiri untuk mempertingkatkan kerja memproses permohonan KPT, adakah kakitangan di JPN diberi peluang untuk memberi cadangan bagi memperbaiki keadaan?

Ini satu perkara yang penting kerana mereka mesti bertungkus-lumus. Merekalah yang bertanggungjawab

untuk memproses tetapi adakah pihak kementerian memberi peluang kepada kakitangan ini untuk membuat cadangan bagaimana mereka boleh meningkatkan prestasi mereka? Ini satu perkara yang penting juga. Saya pun tidak tahu sama ada Kementerian Dalam Negeri pernah berbuat demikian dan saya berharap kalau boleh ini dilakukan supaya mereka boleh dengan sendiri meningkatkan prestasi mereka.

Tuan Pengerusi, tadi saya menyentuh beberapa perkara dan saya pun hendak menanya pihak Yang Berhormat, apakah yang terdiri dengan lebih 16,000 KPT yang tidak dituntut? Ada yang sampai dua tahun tidak dituntut lagi kerana faktor-faktor yang tertentu termasuk alamat yang ditukarkan dan ada amaran daripada kementerian bahawa menurut undang-undang selepas 18 bulan tidak dituntut, semua KPT ini boleh dimusnahkan. Tetapi saya fikir, susah payah hendak kita proses, kadangkala lebih dua tahun tidak boleh siap lagi; apabila kad ini disiapkan kerana tidak ada orang tuntutan disebabkan oleh pelbagai faktor, kad ini dimusnahkan. Ini memang tidak menasabah. Susah payah hendak disiapkan kemudian dimusnahkan. Saya hendak menanya Yang Berhormat, apakah faktor-faktor selain daripada pertukaran alamat yang menyebabkan tidak dituntut kad-kad ini? Saya percaya bilangan yang tidak dituntut akan bertambah. Jadi, apakah dasar sekarang? Adakah masih menjadi matlamat ataupun tujuan kementerian untuk memusnahkan semua ini?

Tuan Pengerusi, tadi saya ada membangkitkan mengenai kelewatan untuk memproses permohonan dan cadangan daripada JPN untuk mempertingkatkan prestasi serta keperluan untuk mengadakan kaedah

yang baru untuk warga tua dan tempoh permohonan mestilah ditingkatkan dan juga usaha perlulah diambil untuk mencegah segala penyelewengan termasuk jualan borang secara haram. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.43 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tentang hal-hal yang berkaitan tentang Jabatan Pendaftaran Negara terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan penukaran kad pengenalan.

Nampaknya kebanyakan Yang Berhormat yang telah berucap tadi membangkitkan perkara-perkara yang ada berkaitan ataupun mempunyai pandangan yang sama. Memang betul operasi penukaran kad pengenalan ini mempunyai beberapa masalah yang telah kita sama-sama kerajaan dengan rakyat menghadapi. Tetapi semua masalah ataupun kerumitan yang timbul itu bukan disengajakan. Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun ini terutamanya pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah pun berusaha untuk mengatasi masalah yang selama ini timbul dan langkah-langkah penyelesaian telah pun dilaksanakan dan setakat hari ini ada banyak improvement, dengan izin, sampai Wakil Rakyat dari Kepong pun sudah mulakan ucapannya dengan ada memberi penghargaan. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Kepong. (*Tepuk*) Mudah-mudahan ahli-ahli pembangkang yang lain bolehlah "adopt" sikap itu dalam hal-hal perbincangan.

Tuan Pengerusi, pada hari ini ataupun setakat hari ini jumlah bilangan permohonan kad pengenalan, penukaran kad pengenalan yang telah diterima, angka yang dapat saya beri setakat menjelang hujung bulan Julai – 9,326,923 permohonan. Ini bermakna masih tinggal lima juta lebih untuk kita sempurnakan operasi penukaran ini. Sebenarnya jumlah kad-kad plastik yang lama yang telah dikeluarkan adalah lebih kurang 12 juta dan kita ambil kira permohonan baru, maknanya mereka yang kali pertama hendak mohon kad pengenalan. Semuanya sekali anggarannya adalah kira-kira 15 juta dan daripada angka ini, rancangan telah pun dibuat dalam satu bulan ini kira-kira diterima 280,000 permohonan selepas banyak usaha telah diadakan, selepas banyak operasi unit bergerak dan juga kerja-kerja lebih masa, kita upgradakan komputer daripada 10,000 sehari sampai 15,000 sehari.

Pasukan-pasukan yang bekerja lebih masa di dalam ibu pejabat JPN telah bekerja siang dan malam. Semua ini telah dilaksanakan dan pihak Jabatan Pendaftaran Negara yakin kira-kira dalam setahun lima bulan ini, mudah-mudahan kita boleh sempurnakan kerja ini di mana kalau ikut kiraan dalam empat hingga lima bulan dalam tahun ini; kita jangkakan kalau kita kira dalam bulan-bulan yang akan datang ini-katalah 300 ribu dapat kita terima di seluruh negara dengan diperhebatkan lagi unit bergerak, maka menjelang hujung tahun ini kita akan dapat kira-kira hampir 11 juta angkanya. Dan untuk tahun depan, di mana banyak pengalaman sudah ada dan dengan dipermudahkan proses permohonan ini seperti mana yang telah diterangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, kami yakin

menjelang hujung Disember 1995, kami boleh terima kira-kira 15 juta permohonan. Maknanya JPN perlukan beberapa bulan lagi selepas 31 Disember untuk memproses di ibu pejabat. Tetapi apa yang penting ialah menjelang tarikh 31 Disember 1996 kalau setiap rakyat sudah memohon, maka selamatlah mereka. Tidak ada apa-apa tindakan akan dikenakan terhadap mereka kerana permohonan mereka telah kemukakan bagi JPN kita akan cuba bereskan semuanya dalam beberapa bulan pada peringkat awal dalam tahun 1997. Itulah satu anggaran dari segi perancangan.....

Tuan Robert Lau Hoi Chew:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Sibulah bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, di dalam jumlah lebih kurang 9 juta permohonan telah diterima, saya ingin tanya berapa juta atau berapa peratus telah siap diproses dan apakah sistem yang digunakan untuk memberitahu pemohon bahawa kad pengenalan baru mereka sudah siap dan boleh datang ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk terima kad pengenalan baru itu? Saya difahamkan ramai rakyat di luar bandar menghadapi masalah oleh kerana mereka tidak ada perkhidmatan telefon atau pos dan nombor poskod. Apakah sistem yang akan digunakan?

Bolehkah saya cadangkan di sini melalui wakil-wakil rakyat satu kawasan demi satu kawasan, bolehkah kementerian timbang beri tugas Wakil Rakyat untuk bantu menyerahkan kad yang telah siap?

Yang kedua,.....

Tuan Pengerusi: Cukup, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat berucap atau minta penjelasan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ini penjelasan. Saya mahu tanya ini bolehkah.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap itu.

Tuan Robert Lau Hoi Chew:..... kerana saya tidak ada peluang tadi. (Ketawa)

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, daripada 9.3 juta lebih tadi yang telah terima, sebanyak 7,925 kad telah siap dikeluarkan. Sebenarnya, saya belum sampai kepada kad-kad yang belum dikutip yang mana telah dibangkitkan itu. Saya akan beri penjelasan sekali gus apabila sampai ke tahap itu. Tetapi satu cadangan serah kepada Wakil Rakyat itu saya khuatir sedikit, kalau nanti pihak Pembangkang Wakil Rakyat Pembangkang dapat kad itu, penyokong Barisan Nasional marah. Nanti beri Wakil Rakyat Barisan Nasional, pembangkang pula marah. Jadi, JPN pada akhirnya dimarah oleh semua orang. Itu yang saya khuatirlah. Tetapi ada caranya. Unit-unit bergerak itu kalau dia boleh masuk ke kawasan pedalaman untuk menguruskan pertukaran kad pengenalan, maka unit-unit bergerak nanti pun mungkin boleh beri perkhidmatan di kawasan-kawasan pedalaman. Kita akan uruskan hal-hal ini kemudian.

Tuan Pengerusi, mengenai satu perkara lagi, selain daripada perancangan dari segi perkiraan tadi, adalah juga satu sistem telah JPN menggunakan iaitu sistem target oriented, dengan izin, semua Jabatan

Pendaftaran Negara peringkat negeri, peringkat daerah kecil telah ditetapkan target iaitu dalam setiap hari, dalam setiap bulan, dalam setiap minggu, mereka perlu adakan target kerjanya, maknanya berapa permohonan sepatutnya mereka terima supaya boleh dia menyempurnakan tugasnya dalam tempoh diizinkan. Maka ini bermakna kalau sekiranya Pejabat Pendaftaran yang mereka jaga itu dalam bulan itu tak dapat bilangan permohonan kad yang secukupnya, maka mereka terpaksa keluar untuk mendapatkan permohonan itu di luar daripada tempat-tempat pejabat JPN. Di samping unit-unit bergerak itu memang bertujuan adalah untuk membantu menambahkan lagi bilangan permohonan. Dengan itu saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat terutamanya dari Tambun, Bukit Mas, Bandau, Gelang Patah, Jelebu, Libaran dan Kepong semuanya jangan bimbang. Ini memang satu kerja JPN. Sebenarnya, kakitangan JPN lebih risau daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sebab ini tugas mereka.

Tuan Pengerusi, mengenai bagaimana banyak lagi kad itu kena tunggu lama dan sebagainya, ini juga satu perkara tadi saya telah terangkan bagaimana dapat mereka memohon, memastikan orang-orang dapat datang. Ini termasuk Orang Asli, termasuk orang FELDA, termasuk mana-mana pedalaman atau perkampungan, kerja JPN ialah pergi jumpa mereka, cari mereka termasuk warga tua menjelang tempoh yang ditetapkan. Itu dari segi penerimaan permohonan.

Sekarang datang pula masalah pengeluaran iaitu berada di dalam ibu pejabat JPN. Perkara ini pun ditimbulkan oleh beberapa Yang Berhormat. Ini ada kaitan dengan kelewatan. Apabila kita terima dengan

banyak, dengan cepat, berapa lama kena tunggu. Pada satu ketika apabila sistem komputer JPN itu tidak dapat stretch sampai banyak, ia hanya mampu untuk "data entries" supaya diproses hanya dapat urus antara 6,000 hingga 7,000 sehari. Tetapi hari ini sudah mampu untuk menguruskan sehingga 15,000 sehari pengeluaran kad di ibu pejabat JPN.

Dengan adanya usaha ini, maka kad-kad pengenalan pertamanya dalam tahun ini sudah jauh lebih cepat disiapkan berbanding dengan tahun-tahun dulu terutamanya tahun 1991, 1992 dan sebagainya. Adalah tidak tepat mengatakan 1.5 atau 1.4 juta yang masih tunggu lebih daripada 1 tahun. 1.3 juta sebenarnya permohonan masih dalam proses, baru terima dalam beberapa bulan ini. Yang betul-betul kata tunggakan atau backlog itu sudah lebih daripada 1 tahun, adalah kira-kira dalam lingkungan 400,000. Itu pun target telah ditetapkan oleh pihak kerajaan supaya dalam tahun ini juga, menjelang hujung tahun ini juga, apa-apa backlog yang sudah lebih daripada 1 tahun ini semuanya mesti siap, mesti kena keluarkan kepada orang ramai. Yang benar-benar jadi backlog itu pun, kita yakin boleh diatasi. Cuma ada beberapa dalam satu bilangan kecil yang tak ramai, mungkin pada satu ketika mereka telah hantar sama-sama dengan permohonan pindaan butiran. Ada permohonan macam ini, masa dia memohon menukar kad pengenalan, dia juga pohon untuk ubah ejaan nama atau ubah, dia punya butiran kelahiran atau ubah dia punya butiran Sijil Kewarganegaraan. Pada satu ketika mereka buat secara bersepadu, mungkin permohonan ini terpaksa tunggu lama, lebih lama daripada permohonan yang dengan izin, straightforward, yang hanya memohon

menukar kad pengenalan. Dari segi itu, tapi bilangan ini bukan bilangan yang sangat tinggi.

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Tuan bangun Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Satu sahaja, last.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyentuh mengenai backlog yang dikatakan banyak. Jadi, saya ingin bertanya adakah pengeluaran kad-kad pengenalan palsu itu menyulitkan lagi kerja pihak JPN dan adakah ini juga satu daripada sebab mengapa backlog itu banyak?

Tuan Pengerusi: Pengeluaran kad palsu tak bersangkutan dengan JPN, orang luar yang buat.

Tuan Ong Ka Ting: Ya, betul, Tuan Pengerusi, itulah jawapan yang saya hendak beri. Tugas JPN ialah mengeluarkan kad pengenalan yang sah. Sebaliknya tugas JPN juga hendak menangkap mereka yang mengeluarkan kad pengenalan palsu.

Sebenarnya operasi penukaran kad pengenalan daripada plastik kepada kad pengenalan berkomputer ini salah satu tujuannya ialah.....

Tuan Yunof Edward Maringking:
(Bangun)

Tuan Ong Ka Ting: Cukuplah, saya belum jawab lagi, saya belum jawab.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Duduklah. Salah satu tujuan kerajaan mengenakan kad

menggunakan borang asal iaitu JPN1/9 untuk mereka yang memohon kad pengenalan kali pertama. Sekarang ini kita gunakan borang ringkas satu helai untuk pertukaran kad pengenalan dan borang yang asal itu bukan kita sengaja gunakan untuk merumitkan rakyat.

Pada satu ketika memang hasrat JPN ialah untuk mengumpulkan satu data, mewujudkan satu sistem kependudukan negara supaya dalam satu komputer, semua data mengenai seseorang itu ada di dalamnya. Itu adalah hasrat dan tujuan asalnya, akan tetapi apabila kita sudah jalan untuk beberapa ketika atau untuk satu tempoh, kita dapati rakyat Malaysia ini masih ramai yang dokumennya tidak sempurna ataupun butirannya ada mempunyai banyak masalah. Sekarang kita baru nampak masalah ini dan kita tidak boleh buat dua-tiga kerja pada masa yang sama, jadi terpaksa kita jalankan kerja menukar kad pengenalan dahulu dan SPPN ini kita cari jalan yang lain. Ini bukan satu perkara yang kita tidak nampak dahulu, ada nampak, tetapi cuba dahulu dan apa yang penting kerajaan hendaklah ubah suai dengan cepat. Kalau sudah nampak ada masalah masih kita teruskan, maka itulah yang akan berlaku, tetapi pada keseluruhannya perkara ini telah berjalan dengan licin.

Dari segi prosedur ini, saya hendak memberi satu ulasan yang ringkas iaitu apabila prosedur ini diringkaskan, dimudahkan, Pembangkang daripada Sabah mengatakan "Apa fasal senang sangat dapat tukar kad pengenalan, nanti pendatang asing, orang yang hendak mendapatkan kad pengenalan palsu begitu senang dapat kad pengenalan". Saya pernah jawab soalan ini saya tahu, tetapi apabila kita ketatkan sedikit dia punya prosedur, Pembangkang di sini marah, macam mana pun Pembangkang marah. Jadi

kita biar sahajalah Pembangkang marah atau tidak marah, tetapi apa yang betul itu kerajaan fikir untuk faedah rakyat, kita buatlah. Itu pendirian masa kini. (*Tepuk*).

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang dapat saya ulaskan dan apa-apa jawapan secara terperinci atau spesifik yang tidak dapat saya jawab kerana masa tidak sempat, saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri memberi jaminan, kita telah mengambil perhatian. Pada masa-masa yang lain, kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh kemukakan soalan-soalan dalam sidang ini atau sesi yang lain, saya akan terus cuba memberi maklumat yang lebih. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,745, 300 untuk Maksud B. 39 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,745,300 untuk Maksud B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.11 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

susah kalau dibandingkan dengan dahulu kerana kad pengenalan lama masih dikekalkan, kecuali yang rosak. Saya tidak tahu sama ada itu akan menimbulkan masalah yang lain pula, tetapi kita mempunyai banyak peluang untuk berbincang.

Unit Bergerak adalah satu program yang telah diarahkan oleh ibu pejabat kepada semua JPN di seluruh negara di mana yang boleh mesti menggunakan Unit Bergerak. Kami sedar banyak pejabat JPN setempat tidak cukup kaunter. Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan perkara ini, tetapi sebenarnya ramai Ahli Yang Berhormat yang lain pun telah membangkitkan masalah dalam kawasan mereka. Oleh kerana ini adalah satu operasi untuk hanya 6 tahun dan ianya sudah dekat hendak tamat, kalau kita hendak tambah kaunter untuk 1 tahun 5 bulan lagi, kita gunakan banyak wang, bina lagi pejabat, kaunter banyak kita buat, dari segi pengurusan kewangan itu memang bukan satu cara yang baik, tetapi apa yang penting Unit Bergerak itu mesti keluar, gunakan dewan-dewan orang ramai, gunakan kompleks-kompleks beli-belah dan cuba seboleh-bolehnya kita adakan kerjasama dan sokongan dari orang luar terutamanya wakil rakyat ketua-ketua masyarakat dan sebagainya.

Ramai wakil-wakil rakyat terutamanya daripada Barisan Nasional sudah memberi sokongan yang banyak dan kakitangan Jabatan Negara telah memaklumkan balik kepada ibu pejabat. Kerjasama yang diberikan itu adalah memang sangat berfaedah dan dapat meningkatkan lagi prestasi mereka.

Selain daripada Unit Bergerak, JPN juga menggunakan strategi, dengan

izin, redeploy kakitangan. Kita gunakan kakitangan dari unit lain, selain dari menguruskan kad pengenalan, tidak payah kita hanya tambah-tambah sahaja, tetapi tambahan kakitangan sambilan memang telah dibuat. Kira-kira 1,000 orang lebih kakitangan sambilan memang telah kita wujudkan dan telah kita jalankan di semua tempat, pecahannya pun ada, tetapi masa sudah suntuk tidak payah saya beri satu persatu, tiap-tiap negeri ada, mengikut keperluan, mengikut bilangan penduduk dan sebagainya.

Secara ringkasnya telah saya terangkan mengenai masalah yang ditimbulkan dan bagi Unit-unit Bergerak ini tidak kira tempat mana sama ada Sabah, Sarawak dan Semenanjung tidak ada diskriminasi – tidak kira itu kawasan Pembangkang atau kawasan Barisan Nasional – tidak kira wilayah, sebab semua adalah rakyat Malaysia. Bagi JPN perkhidmatan adalah untuk semua rakyat, kalau seseorang wakil rakyat itu sengaja hendak mempolitikkan sesuatu eksesais itu dia pilih ini, saya tidak boleh buat apa-apa, tetapi jangan cuba mendakwa kerajaan seolah-olah kerajaan sudah ada double standard. Itu semua adalah dakwaan yang tidak berasas.

Tuan Pengerusi, mengenai permintaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menambahkan lagi perkhidmatan Unit Bergerak di tempat masing-masing itu semuanya telah diambil kira dan saya telah jawab secara umum.

Yang Berhormat dari Kepong selepas dia mengucapkan terima kasih, kemudian dia buat satu komen, mengapa 5 tahun baru kita hendak ubah borang ini. Hari ini kita masih

rasakan kedua-dua perbelanjaan ini adalah sangat penting untuk negara. Walau bagaimanapun, saya nampak perbelanjaan tambahan untuk Pusat Sains Negara adalah lebih daripada perbelanjaan untuk Program Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian, satunya RM23 juta lebih dan yang satu lagi RM18.5 juta. Saya harap angka jumlah sebenar perbelanjaan akan memihak kepada Program Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian daripada pembinaan Pusat Sains Negara.

Tuan Pengerusi, saya hanya akan bercakap kepada Program Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian. Sesungguhnya pelan ini adalah sangat baik kerana kalau kita kaitkan dengan Bil yang baru diluluskan pada mesyuarat ini yang bersangkutan dengan pembangunan industri kecil dan sederhana. Jika kita hendak mewujudkan suatu struktur ekonomi yang mana kita hendak membina industri ini, maka kita perlukan penemuan-penemuan yang baru yang hanya akan datang daripada usaha 'Research and Development' yang banyak. Tetapi saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan kepada Menteri yang berkenaan mengenai usaha ini.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa sebagai sebuah negara yang mempunyai kekangan-kekangan yang tersendiri dari segi tenaga manusia, kepadatan ilmiah yang ada pada negara, kita tidak bolehlah menjalankan penyelidikan secara yang tidak tersusun dan kita terpaksa mengakui bahawa kita tidak boleh menjadi pemimpin dalam semua bidang teknologi. Jadi, saya ingin bertanya apakah polisi dari segi pembangunan teknologi perindustrian ini dari segi penekanan yang hendak diberi?

Apakah bidang-bidang teknologi yang akan datang yang akan ditekankan dari segi 'Research and Development' ini? Ini adalah kerana kita rasakan kita hendaklah mewujudkan satu niche, dengan izin, dalam dunia ini.

Kita kena kenal pasti satu-satu bidang yang tertentu yang mana kita hendak mewujudkan kepakaran dalam bidang itu bukan sekadar di Malaysia atau di rantau ini sahaja tetapi pada peringkat antarabangsa. Maknanya, apakah jika kita anggapkan penemuan-penemuan yang bakal dihasilkan ini hendak dijadikan input kepada industri tempatan, apakah industri IKS yang hendak kita pergi ke dunia antarabangsa di mana kita hendak mewujudkan 'competitive advantage' kita, dengan izin, dalam bidang itu. Jadi, apakah polisi R&D negara dan apakah penyelarasan yang ada di antara kementerian ini dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dari segi usaha penyelidikan dalam usaha untuk mewujudkan industri-industri yang tertentu.

Perkara kedua yang ingin saya kemukakan ialah sokongan saya tentang program Memperdagangkan Teknologi, Program Post-Graduate dan Program Post-Doctorate yang dikemukakan di sini.

Saya ingin bertanya kalau dapat dijelaskan sedikit tentang program-program ini terutamanya Program Post-Doctorate dan Post-Graduate. Bagaimanakah ada penyelarasan di antara kementerian ini dengan Kementerian Pendidikan? Seterusnya, secara umum kita kena ada satu pelan induk, (master plan) dan satu rancangan yang rapi di antara kementerian ini, Kementerian Pendidikan, menerusi IPT, badan-badan penyelidikan yang lain dan

sektor industri. Apakah mekanisme penyelarasan yang ada untuk menentukan supaya duit yang kita belanjakan ini mendapat pulangan yang semaksimum mungkin? Itu atas dasar yang saya bangkitkan tadi bahawa walaupun kita hendak menjalankan penyelidikan dan mengeluarkan sebanyak mungkin penemuan tetapi kita kena mengakui hakikat bahawa kita tidak boleh menjadi leaders in all fields of technology, dengan izin. Jadi, kita kena maksimumkan duit yang kita belanja itu. Go for the biggest bang untuk tiap-tiap ringgit Malaysia yang kita belanjakan.

Dalam perkara yang sama juga, saya ingin bertanya dari segi usaha pembangunan teknologi ini, apakah konsep yang kita guna? apakah polisi yang kita ada dari segi usaha penyelidikan asas vis-a-vis usaha penyelidikan yang lebih 'applied', misalnya. Apakah kita hendak IPT buat basic research dan kita hendaklah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar misalnya lebih kepada applied research ataupun kita hendak adakan satu gabungan di mana kita masukkan sekali pihak swasta bekerjasama dengan IPT? Maksudnya pihak swasta membuat lebih banyak penyelidikan yang berunsur gunaan, manakala IPT atau badan-badan penyelidikan seperti SIRIM, IMR dan semuanya ini membuat penyelidikan yang lebih bersifat 'applied'.

Dalam konteks applied versus basic research ini pun, saya rasa kena ada satu penyelarasan bukan sahaja dari apakah pembahagian dari segi yang kita hendak buat, kita kena juga ada satu pelan tentang siapa yang hendak buat yang mana dan siapa yang hendak yang satu lagi. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan, sebab kadang-kadangnya orang meletak nilai

terutamanya dalam pembangunan teknologi perindustrian. Kadang-kadang kita rasakan orang meletakkan nilai yang tidak sewajarnya kepada basic research, mereka rasakan bahawa basic research ini nilai komersilnya tak berapa tinggi, sebab dia memang basic research. Tetapi saya ingin sarankan di sini kalaulah kita ingin hendak mewujudkan satu kepimpinan dalam satu-satu bidang teknologi, kerana teknologi memang sudah bersifat gunaan, kita jangan lupa bahawa kekuatan dalam applied research sebenarnya bergantung kepada kekuatan dalam basic research juga.

Jadi, saya berharap dalam keghairahan kita untuk pergi kepada commercialising technology ini, jangan kita abaikan penumpuan kepada basic research, kerana tanpa ada kepakaran pada tahap itu, tidak mungkin kita dapat menghasilkan teknologi pada peringkat gunaan. Maksudnya kita masih juga bergantung kepada penemuan penyelidikan asas yang dijalankan di negara lain. Jadi, bagaimanakah kita hendak menjadi leader dalam sesuatu teknologi gunaan kalau kita tidak juga kuat pada masa yang sama dalam asas teknologi itu.

Perkara yang terakhir yang saya hendak bangkitkan di sini ialah mengenai apa yang dikatakan untuk memohon duit ini untuk memperkukuhkan sistem perlindungan hak cipta intelektual, intellectual property rights dan paten. Saya juga mengucapkan tinggi tahniah kementerian kerana memberi penekanan kepada dua aspek ini. Sesungguhnya tanpa perlindungan intellectual property rights dan paten yang sempurna, ianya menjadi satu disincentive kepada mereka yang berkebolehan untuk menghasilkan teknologi kalau kita tak boleh lindungi

intellectual property rights pencipta-pencipta sains ini.

Saya ingin bertanya, apakah selain daripada akta-akta yang berkenaan dengan perlindungan intellectual property rights dan paten ini, apakah mekanisme lain yang ada? Saya ubah soalan, apakah yang ada di dalam undang-undang kita yang sekarang ini yang berhasrat untuk melindungi hak cipta pencipta; apakah ada dalam itu yang boleh memberi insentif kepada mereka yang berkemungkinan untuk menghasilkan satu-satu penemuan baru. Sekarang kalau kita jayakan IKS, maknanya kita mewujudkan satu pasaran teknologi. Kita tambahkan amaun yang kita belanjakan untuk research, kita melakukan sesuatu kepada peringkat input. Jadi, apakah pula dalam undang-undang negara yang ada sekarang, sudah kita ubahkan dua benda ini, apakah insentif yang ada yang boleh menonjolkan mereka yang berkemampuan untuk menghasilkan penemuan-penemuan yang berkenaan?

Saya ingin juga mengkhususkan dari segi soalan ini kepada aspek kejuruteraan perisian, software engineering, sebab perkara ini dibangkit sebagai sesuatu yang boleh dijadikan satu bidang di mana kita boleh cuba untuk menjadi satu players yang significant dalam arena perdagangan antarabangsa dunia. Kita faham, misalnya dalam menciptakan software ini adalah satu fenomena yang paling mudah dilakukan. Jadi, dari segi perlindungan intellectual property rights khususnya kepada perisian, apakah yang sedang dijalankan oleh kementerian ini, dan juga mungkin dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menguatkuasakan perlindungan ini? Saya sebagai seorang yang menggunakan komputer, saya

rasakan paling mudah hendak kita tirukan software ini. Saya rasalah meniru software adalah satu amalan yang sangat meluas di dalam negara kita ini. Jadi, kita perlukan satu kesedaran dan satu mekanisme untuk melindungi hakcipta intelektual. Kalau tidak, macam mana kita hendak beri galakan kepada rakyat kita sendiri untuk mencipta perisian-perisian baru kalau dia tidak dapat perlindungan yang sewajarnya, kalau hasil penemuannya tidak dapat balik dalam bentuk ekonomi. Yang ini mungkin saya tak sepatut tanya sebab saya tak sempat buat – Tuan Yang di-Pertua, saya tak sempat hendak pergi library.

Tuan Pengerusi: Jangan berucaplah jikalau tak sempat, tak payahlah.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Jadi, saya hendak tanya juga, fasal tak sempat hendak tanya tentang patent rights, apakah – saya langsung tidak tahu menahu tentang perlindungan paten ini dari segi tempoh perlindungan yang ada, apa jenis hukuman.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta jangan tanya macam itu, kerana Ahli-ahli Parlimen membuat undang-undang, kita bertanya pula apa yang Ahli-ahli Parlimen buat undang-undang.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Pengerusi, sebab saya baru dua hari berkesempatan melihat.....

Tuan Pengerusi: Boleh minta dan buku undang-undang ada di khutub khanah, sila ambil.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, mengenai paten ini saya kemukakan soalan yang saya kemukakan sama ada dari segi apakah insentif yang ada di dalam sistem perlindungan paten yang

boleh merangsangkan banyak penemuan seperti juga yang ada di dalam perlindungan intellectual property rights. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

6.27 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan tambahan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM8,550,000 untuk program Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian seperti program Memperdagangkan Teknologi, program Post-Grad. dan Post-Doc. serta program Kesedaran Sains dan Teknologi dalam sistem pendidikan dan memperkukuhkan sistem intellectual property rights dan pemeriksaan paten.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa program Perdagangan Teknologi dan program Kesedaran Intellectual Property dan Paten adalah langkah yang patut diambil oleh kerajaan jika Malaysia ingin mencapai matlamat Wawasan 2020, di mana Malaysia akan mencapai status sebagai satu negara yang maju, berindustri dan berteknologi tinggi. Saya berpendapat bahawa intellectual property rights, paten dan copyrights patutlah dihormati dan diterima oleh kita. Tetapi setakat ini, pada hemat saya pemindahan teknologi atau technology transfer dari Amerika Syarikat dan Jepun kurang memuaskan. Masalah ini telah pun ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Dalam industri berteknologi tinggi, isu technology rights dan paten adalah satu senjata atau weapon yang sentiasa digunakan oleh negara-negara maju supaya menindaskan negara yang sedang berindustri seperti Malaysia.

Jadi, sebelum pihak kerajaan mengambil tindakan sekeras-keras terhadap orang yang melanggar copyrights, khasnya komputer software, pihak kerajaan mesti mengkaji dengan teliti tentang amalan yang tidak adil, unfair practices yang dialami oleh syarikat dari negara maju, khasnya syarikat komputer software dari Amerika. Walaupun jangka masa untuk komputer baru atau software dilancarkan oleh Malaysia, adalah dalam time frame yang diperlukan oleh Akta Copyrights. Tetapi harga-harga untuk komputer software yang dijual di Malaysia adalah lebih mahal jika dibandingkan dengan harga-harga yang dijual di Amerika Syarikat.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak kerajaan sentiasa mengawal situasi tentang 'unfair practices' ini, dengan izin, dan mengambil tindakan supaya rakyat Malaysia dapat menikmati teknologi baru serta menghormati 'intellectual property rights dan copyrights' tetapi dengan bayaran yang seimbang dengan rakyat di Amerika Syarikat, jadi ini boleh menjadi satu 'bargaining power' untuk kerajaan sebelum pihak kerajaan mengambil tindakan ke atas pelanggaran 'copy rights' ini. Saya ingin menegaskan di sini bahawa saya menghormati 'intellectual property rights' dan 'copyrights' tetapi keadilan untuk rakyat kita mesti dan perlu dihormati. Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah? yang Berhormat berucap di atas dasar itu, Yang Berhormat bukan berucap di atas perbelanjaan yang hendak diminta.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Pengerusi, minta maaf. Ini adalah berkenaan dengan 'intellectual property rights dan copyrights'.

Tuan Pengerusi: Ya, saya tahu, tetapi Ahli Yang Berhormat berucap di atas dasar berkenaan dengan perkara-perkara 'copyrights' dan sebagainya. Tetapi apa yang diminta sekarang dalam Jawatankuasa ialah butir-butir perbelanjaan yang diminta. Perkara 67(9) Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Okay! Seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya pun hendak mengetahui berkenaan dengan program-program Post-Doc dan butir-butir berkenaan dengan kesedaran khasnya berkenaan dengan 'intellectual property rights'. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.32 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya akan memendekkan dan menurut, saya telah melihat dan bagi saya ada dua sahaja lagilah dan saya tidak akan mengambil masa yang panjang.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan permintaan wang yang telah pun digunakan untuk Pusat Sains Negara dan untuk program-program teknologi iaitu program memperdagangkan teknologi.

Tuan Pengerusi, saya di sini ada beberapa perkara kerana daya persaingan negara ini menumpukan kepada setakat mana kita dapat menjayakan memperolehi teknologi tinggi dan profesion dengan tahap yang tinggi. Setakat ini kita hanya daya saingan, competitiveness hanya di nombor tiga untuk negara-negara

membangun dan untuk berbanding dengan negara-negara yang maju kita hanya di tahap ke dua puluh empat sahaja, tahap daya saing, tahap competitiveness teknologi. Dengan negara China, Vietnam yang membuka peluang pelaburan bagi syarikat-syarikat multi national, maka peluang untuk pelaburan di negara ini adalah akan turut kurang dan kekurangan negara untuk melabur di Malaysia kerana kita sendiri memerlukan pekerja-pekerja dari negara jiran termasuk Bangladesh dan Myanmar, Pakistan dan syarikat-syarikat nasional sekarang mula menumpu perhatian di negara-negara lain, sebab itulah usaha-usaha, program-program, pelan tindakan pembangunan teknologi perindustrian dan pembangunan sains dan teknologi adalah perlu dan usaha-usaha perlulah dipertingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi, dalam usaha negara ini untuk menyusun semula industri Malaysia daripada teknologi rendah kepada teknologi tinggi supaya produk-produk Malaysia, nilainya dapat ditambahkan. Ini adalah arah aliran yang betul untuk menyelesaikan masalah.

Tuan Pengerusi, setakat ini bagi sayalah, kesedaran untuk sains dan teknologi adalah tidak begitu tinggi, walaupun kita boleh melihat di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina lebih tinggi sedikit berbanding dengan sekolah kebangsaan. Saya berharap keadaan ini boleh diperbaiki lagi dan setakat ini negara kita ada menumpukan banyak perhatian kepada industri elektronik dan kebanyakan industri elektronik daripada syarikat-syarikat asing.

Setakat ini kita pun ada 904 perjanjian untuk pemindahan teknologi dan bayaran royaltinya sampai RM7

bilion di dalam bidang elektronik, elektrik dan kimia dan juga bidang pengangkutan teknologi asing. Keadaan sedemikian tidak boleh kekal kerana kita mesti mengadakan kepakaran sendiri. Sebab itulah saya menyeru supaya usaha ataupun program dan projek untuk kesedaran sains dan teknologi ini hendaklah ditambahkan. Setakat mengadakan 'Bulan Sains dan Teknologi' sahaja tidak mencukupi dan saya nampak ada beberapa sekolah yang menyertai Bulan Sains dan Teknologi ini, itu baik juga, tetapi bagi saya tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah untuk masa hadapan kerana setahu saya kita hanya mempunyai 24,000 jurutera dan 240,000 subprofesional, 10 kali ganda berbanding dengan 24,000 jurutera dan dalam tempoh 15 ke-20 tahun ini, kita memerlukan satu kali ganda sekurang-kurangnya 50,000 jurutera. Itu jurutera sahaja, tidak kira saintis dan pakar-pakar yang lain. Kita tidak dapat bilangan yang begitu banyak kalau kesedaran tidak ditambahkan dan juga sains dan teknologi bukan begitu mudah hendak kita pupuk dan latihan pun panjang dan menelan belanja yang tinggi, kita perlu menarik saintis dan para technologist dan pakar-pakar daripada luar dan pakar-pakar ini keturunan Malaysia yang bekerja di negara-negara maju, kita tarik mereka balik. Saya pun ada berbahas dengan panjang lebar semasa Akta Akademi Sains diperbahaskan di Dewan yang mulia ini tahun lepas.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menumpukan perhatian untuk pemindahan teknologi daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, German dan Korea Selatan dan Jepun sahaja, tidak mencukupi dan kita mesti mengadakan kepakaran sendiri kerana bidang-bidang teknologi moden ini sangat luas di industri semi conductor

sahaja, di dunia sekarang industri semi conductor ini sampai RM245 bilion dan di dalam lima tahun yang akan datang iaitu pada tahun 2000 akan meningkat kepada RM6,000 bilion setahun. Industri semi conductor bernilai RM6,000 bilion sahaja, bukan kita tidak kira lagi industri seperti bioteknik, bahan-bahan komposit, aerospace dan alat-alat perubatan dan sains. Dan bidang-bidang yang luas setakat ini kita tidak dapat mengadakan industri-industri yang canggih ini. Saya berharap pada tahun 2000 kita dapat lebih banyak memperluas dan memperbagaikan teknologi di Malaysia.

Di sini saya hendak menyentuh sedikit-sebanyak mengenai Malaysian Institute of Micro Electronic System (MIMOS). Memang penubuhan institut ini adalah baik juga oleh pihak kerajaan untuk mikro elektronik, telekomunikasi dan teknologi-teknologi maklumat yang sangat penting untuk masa hadapan. Kalau kita di Malaysia hendak menuju kepada negara maju pada tahun 2020, kita perlukan lebih banyak, lebih canggih dan lebih sofistikated teknologi-teknologi maklumat. Di sini saya mencadangkan supaya peranan MIMOS dipertingkatkan lagi untuk memainkan peranannya yang lebih berkesan pada masa hadapan.

Satu lagi ialah syarikat-syarikat Kementerian Kewangan iaitu Khazanah Holdings Berhad yang mempunyai modal berpuluh bilion.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu tidak bersangkutan.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada bersangkutan, kerana itu teknologi.

Tuan Pengerusi: Tidak bersangkutan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bersangkutan. Tuan Pengerusi, ini bersangkutan kerana ini adalah Pusat Sains Negara – kemudahan-kemudahan dan juga untuk.....

Tuan Pengerusi: Tempat letak kereta, pembangunan lanskap.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, bukan begitu. Dengan program pelan tindakan pembangunan teknologi perindustrian – itu memang bersangkutan-paut. Untuk Khazanah Holding Berhad, saya mencadangkan supaya ia berkecimpung lebih banyak dalam teknologi baru dengan mengadakan kerjasama (joint-venture) dengan syarikat-syarikat transnasional untuk memprolehi teknologi baru. Itu cadangan saya, kerana dengan model yang berpuluh bilion ringgit, Khazanah memang mampu untuk mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat transnasional untuk memprolehi teknologi baru – itu maksud saya, Tuan Pengerusi. Sangat relevan untuk program Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian. Untuk melicinkan semua ini, kita memang memerlukan Akta Teknologi pula untuk menggalakkan inovasi penggunaan dan juga pembangunan teknologi, kita perlukan satu Akta Teknologi yang lengkap untuk maksud ini.

-Itulah sahaja, banyak lagi yang hendak saya bincang, tetapi oleh sebab masa yang singkat, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.45 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Pengerusi, saya

mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat dari Balik Pulau, Yang Berhormat dari Bukit Bendera dan akhirnya Yang Berhormat dari Kepong yang telah memberi pandangan-pandangannya, bercakap berkenaan dengan Bulan Sains dan Teknologi dan macam-macam lagilah.

Tuan Pengerusi, kita kena bermula dari awal dan permulaannya telah pun dibuat untuk bergerak kepada sebuah negara yang maju dan canggih dalam bidang perindustrian. Berdiri bersama-sama dengan negara-negara yang kita lihat hari ini menjadi 'leaders' dalam dunia perindustrian. Jadi, kita mula memberi kesedaran dengan mengajar pendidikan kepada anak-anak muda di bangku-bangku sekolah dan kepada mereka yang telah mendapat latihan-latihan dan ditambah dengan ilmu pengetahuannya untuk pergi membuat 'post-graduate', membuat 'doctorate' dan macam-macam lagi untuk mendapat ilmu ini. Kita bukan mahu menjadi 'leader' dalam bidang ini, tetapi setidak-tidaknya kita tidak tertinggal dalam bidang-bidang sains dan teknologi ini kerana bidang inilah pada hari ini kita dapat melihat begitu ketara sekali dalam dunia yang serba maju ini, dengan 'information technology'nya dan bermacam-macam lagi.

Apa yang berlaku di New York kita dapat melihat sahaja, apa yang berlaku di South Afrika sekarang – lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sampai kita dapat lihat. Inilah kemajuan-kemajuan yang ada. Tidak syak lagi bahawa penekanan kepada R&D (Research and Development) memang ditekankan. Ini pun telah menjadi dasar kerajaan dan ini pun diumumkan oleh pucuk pimpinan negara baru-baru ini di dalam melangkah satu zaman yang maju

dengan targetnya pada tahun 2020 menjadi sebuah negara yang maju. Banyak masalah-masalah dan rintangan-rintangan yang perlu kita lalui.

Pada hari ini kita membicarakan tentang dua perkara ini, iaitu penambahan peruntukan. Jadi, di atas dua perkara ini kita hendak melengkapkan perkara-perkara yang ketinggalan melalui perbelanjaan-perbelanjaan tambahan yang diperlukan. Inilah yang kita bawakan ke Dewan yang mulia ini untuk mendapat persetujuan Dewan yang mulia bagi membolehkan kerajaan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membelanjakan kewangan-kewangan itu bagi menyediakan infrastruktur-infrastruktur atau prasarana-prasarananya. Tuan Pengerusi, mengenai dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Balik Pulau, apakah polisi penekanan R&D (Research and Development) yang dirancangan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian. Bidang-bidang R&D yang diberi penekanan ialah 'information technology', 'biotechnology', 'advanced manufacturing technology', 'electronic advance material' dan inilah perkara-perkara yang diberi penekanan dan memanglah Research and Development ini, dengan izin, memakan kewangan yang begitu banyak.

Jika kita lihat, kalau negara Jerman hendak mengeluarkan satu model Mercedes baru maka ia membelanja bilion ringgit, sampai RM16 bilion untuk mengeluarkan satu model yang baru dalam jangka masa berbelas tahun - ini bukan kecil-kecil dan kita pada hari ini baru bergerak kepada bidang ini. Alhamdulillah, pada hari ini negara kita dalam mengeluarkan kereta

seperti kereta Proton Saga hasil dari ilham dan penekanan yang diberikan oleh pucuk pimpinan negara. Jadi, kita patut bersyukur. Kalau tidak, barangkali wakil dari Kepong atau orang-orangnya pun tidak boleh memakai kereta Proton Saga. Kita berbangga kerana kita dapat mengeluarkan kereta ini, yang belum kita fikir pada satu ketika dahulu bahawa kereta ini dapat dikeluarkan oleh rakyat Malaysia dengan pemindahan teknologi dari negara-negara maju seperti Jepun dan lain-lain, dengan mengadakan dan mewujudkan banyak lagi tempat-tempat untuk mengeluarkan alat-alat komponen-komponen ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, bagi meringkaskan masa, inilah peruntukan yang kita pohon dari Dewan yang mulia ini. Apa-apa yang tertinggal akan kita sampaikan nanti dan kita akan beri makluman kerana saya lihat dan perhatikan banyak daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan saya tadi adalah perkara-perkara dasar. Itulah sahaja yang dapat saya sampaikan dalam masa yang singkat ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM41,750,000 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM41,750,000 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1995.

Maksud P.47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1995)-

Tuan Pengerusi: Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Bukit Mas.

6.51 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit perkara mengenai Sistem Rel Transit Ringan Fasa II yang telah membelanjakan RM104,949,000.00 untuk membiayai kos pampasan pengambilan tanah projek untuk Sistem Rel Transit Ringan.

Secara ringkasnya, hanya ingin tahu daripada jumlah kos pampasan ini, berapa orang yang terlibat secara langsung dan adakah kementerian menghadapi sebarang masalah mengenai pengambilan tanah ini.

Tujuan saya ingin bertanya oleh kerana sekarang ini memang ada banyak projek yang berjalan di seluruh negara baik di Semenanjung dan di Sarawak ataupun di Sabah yang melibatkan pengambilan tanah. Dengan adanya penerangan daripada kementerian, mungkin menjadi satu maklumat yang tepat untuk kita.

Yang kedua, saya ingin bertanya, daripada kos pampasan yang diberi, apakah ukuran ataupun system of evaluation, dengan izin, yang dipakai? Adakah mengikut 'evaluation' daripada pihak swasta ataupun pihak kerajaan dan adakah ia sesuai ataupun munasabah mengikut apa yang ada pada masa sekarang ini?

Yang ketiga dan yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ada sedikit minat dengan Sistem Rel Transit Ringan ini iaitu bilakah ini boleh dipakai ataupun

dirasmikan di Kuala Lumpur? Oleh kerana saya sendiri, Tuan Pengerusi, dua kali tertinggal kapal terbang. Kalau mengikut perkataan orang Sarawak, 'kapal belon'lah. Daripada Hotel Hilton sampai ke Hotel Concorde, satu sejarah, memakan masa 37 minit. Itu sebab saya tertinggal dan saya menyokonglah. Ini adalah satu rencana kerajaan yang begitu wajar oleh kerana kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Kadang-kadang, mungkin untuk kita yang di Semenanjung menjadi satu amalanlah, kita sudah biasa. Tetapi untuk kita daripada Sarawak ataupun Sabah, kita datang sahaja ke Kuala Lumpur, kadang-kadang fikir dua kali.

Oleh kerana itu, saya menyokong perbelanjaan ini dan saya berharap kementerian kalau boleh, ada masalah-masalah mengenai pembinaan, tolong terangkan dan kita berharap bilakah ini dapat diselesaikan iaitu Sistem Rel Transit Ringan Fasa II.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Mersing, sila.

6.54 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Kepala P.47, peruntukan tambahan untuk Kementerian Pengangkutan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengambil langkah untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar raya Kuala Lumpur yang keadaannya semakin hari semakin tenat. Kesungguhan pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini dapat dibuktikan di mana dari RM586 juta peruntukan tambahan ini, sebanyak RM148 juta atau 25% diperuntukkan

bagi membiayai projek Sistem Rel Transit Ringan Fasa II.

Memandangkan kos keseluruhan projek ini adalah terlalu tinggi dan hasrat kerajaan ialah untuk mengatasi masalah kesesakan di bandar raya, pihak kerajaan perlulah mengambil langkah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan LRT apabila ianya beroperasi sepenuhnya nanti.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan supaya tambang perjalanan yang akan dikenakan tidaklah terlalu tinggi. Di samping itu, pihak kerajaan hendaklah menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi bagi mereka yang meletak kereta di stesen LRT dan kadar yang dikenakan tidak membebankan.

Jika jumlah kos tambang dan letak kereta melebihi kos dibandingkan sekiranya seseorang itu memandu keretanya untuk ke tempat kerja, sudah tentulah beliau tidak akan menggunakan perkhidmatan LRT yang memerlukan perbelanjaan yang lebih dan dengan itu, masalah ini tidak dapat diatasi.

Seperkara lagi yang ingin saya sentuh, Tuan Pengerusi, ialah bagi tempat-tempat di mana penumpang-penumpang perlukan perkhidmatan bas untuk pergi ke stesen LRT, pihak kerajaan hendaklah memastikan syarikat-syarikat bas menentukan perkhidmatan bas sentiasa kerap dan mengikut jadual. Ini bagi meyakinkan orang ramai akan keberkesanan pengangkutan awam.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong.

6.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, pendek sahaja mengenai LRT ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengenai bagaimana setingan-setingan di Taman Aman yang enggan berpindah? Sama ada masalah ini sudah pun diselesaikan sebelum Fasa II ini dilaksanakan dengan sempurna, sebab setahu saya dalam pertemuan di antara pihak Putra dengan Jawatankuasa Kampung Taman Aman itu tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya pun percayalah yang Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab. Tidak seperti Timbalan Menteri tadi yang menyebut mengenai dasar walaupun ini Jawatankuasa dan tidak langsung masalah spesifik kerana dia pernah menjadi Timbalan Menteri Besar ataupun Ketua Menteri, memang mempunyai banyak pengalaman dalam menangani masalah seperti ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Setahu saya, di MPPJ – kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, keluasan tanah yang diperlukan oleh Putra ialah sampai 13 hektar. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan, di dalam usaha untuk mengambil alih tanah ini, keseluruhan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, keluasan tanah yang diperlukan untuk LRT ini?

Tuan Pengerusi, LRT bagi sayalah, walaupun satu langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas tetapi tidak dapat berbuat demikian dengan begitu berkesan. Mungkin sedikit-sebanyak untuk lima, sepuluh tahun kemudian kesannya tidak banyak kerana bilangan kereta yang bertambah dengan begitu pesat.

Adakah pihak kementerian membuat kajian mengenai impak atau kesan kepada alam sekitar dan juga mengenai pencemaran bunyi bising atau noise pollution, kerana LRT ini berjalan di tepi-tepi rumah, dengan izin, invasion of privacy dan devaluation of the properties?

Kalau Tuan Pengerusi menyaksikan dengan sendiri, LRT ini berjalan di tepi-tepi bangunan, kedai dan bangunan-bangunan kediaman. Perlulah bagi pihak kementerian untuk membuat kajian yang teliti supaya kesan ke atas alam sekitar dan pencemaran bunyi bising dan sebagainya dapat dikurangkan dengan seboleh-bolehnya untuk kesejahteraan warga kota.

Banyak lagi, Tuan Pengerusi, lain kali. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.03 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Pengerusi, untuk menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, saya suka menyatakan bahawa tambahan peruntukan sebanyak RM104,949,000 – ini adalah peruntukan yang tidak disediakan pada tahun 1995 untuk membuat bayaran pampasan pengambilan tanah bagi projek LRT system yang kedua. Projek ini dilaksanakan oleh Syarikat Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. ataupun ringkasnya, PUTRA.

Proses pengambilan tanah perlu dilakukan ke atas lot-lot yang telah terlibat di kawasan Kuala Lumpur dan juga di kawasan negeri Selangor. Jumlah kos yang perlu dibayar

kesemuanya oleh kerajaan dianggarkan lebih kurang RM300 juta dan tambahan yang dipohon ini adalah sebahagian daripada kos yang terlibat.

Sistem kedua LRT ini dianggarkan mempunyai ukuran sepanjang 30 kilometer, bermula dari Gombak hingga ke Lembah Subang. Ia meliputi 25 buah stesen, 4 stesen transit dan 4 stesen park and ride dan sebuah depot. Stesen-stesen yang akan dibina termasuk Taman Melati, Wangsa Maju, Setapak Jaya, Setiawangsa, Datuk Keramat, Pasar Keramat, Damai, Ampang Park, Kampung Bharu, Jalan Sultan Ismail, Munsyi Abdullah, Jalan Tun Perak, Central Market, Stesen KTM Brickfields, Bangsar, Abdullah Hukum, Kerinci, Taman Jaya, Asia Jaya Paramount, Taman Bahagia, People's Park dan juga Taman Mayang.

Yang Berhormat Bukit Mas telah bertanya berapa orang yang terlibat bagi peruntukan RM104,949,000 ini, 50 nama terlibat di dalam pampasan yang akan dibayar. Manakala berapakah yang bermasalah, ini juga termasuk soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Sebelum itu, saya ucapkan terima kasih kerana beliau puji saya sebentar tadi.

Saya suka memaklumkan bahawa terdapat 5 masalah bagi pengambilan tanah ini, tetapi kesemuanya telah dapat dibincangkan dan diselesaikan. Walaupun Yang Berhormat dari Kepong ada menyebut tadi, ada masalah setingan yang belum beres, namun demikian, mengikut rekod kita, kesemua 5 yang bermasalah telah dapat dibincangkan dengan baiknya. Sekiranya terdapat lagi rintihan-rintihan, sudah tentu kementerian akan menyelesaikan secara yang terbaik.

Sistem penilaian juga ditanya oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas. Saya

suka memaklumkan, penilaian bagi semua pampasan diikuti cara pengiraan Jabatan Penilaian oleh agensi kerajaan. Bilakah sistem transit ini boleh digunakan? Saya suka memaklumkan, bagi LRT 1, boleh beroperasi secara komersil pada bulan Julai 1996, manakala LRT 2 boleh beroperasi secara komersil pada bulan Julai 1998.

Yang Berhormat dari Mersing juga telah bertanyakan bila boleh digunakan, saya telah jawab sebentar tadi. Yang Berhormat dari Mersing juga bertanya berkaitan dengan tambang. Kerajaan telah juga membincangkan tambang ini supaya ianya mampu dan tidak mahal dan telah ada beberapa cadangan, tetapi oleh kerana ia masih lagi awal, jadi saya tidaklah dapat umumkan kepada sidang ini. Tetapi saya suka memberi jaminan bahawa kerajaan akan memastikan supaya tambang yang dikenakan adalah yang berpatutan dan yang mampu digunakan oleh semua pihak.

Bagi tempat letak kereta yang diperlukan, kita telah mengenal pasti empat stesen park and ride – ertinya bila kita hendak keluar ke rumah, bawa kereta, pergi ke parking, kemudian naik LRT. Yang ini telah pun ada di dalam perancangan sistem LRT kita. Kerana itu, tidaklah perlu orang ramai bimbang bahawa kita akan menyediakan sistem parking yang mencukupi bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas di dalam bandar raya yang merupakan salah satu tujuan LRT ini bina.

Berkaitan dengan kemudahan pengangkutan bas, saya suka memaklumkan juga bahawa kementerian telah pun meminta Dewan Bandaraya supaya mencantumkan kesemua sepuluh syarikat-syarikat bas

yang ada dalam Bandaraya Kuala Lumpur supaya mengadakan feeder bus service kepada semua stesen LRT. Dengan ini, apabila beroperasi, masalah kemudahan pengangkutan bas yang efisien dan mencukupi sudah tentu akan diatasi dengan berkesan.

Yang Berhormat dari Kepong juga bertanya berkaitan dengan tanah di PJ – luas semuanya. Saya minta maaf, saya tak dapat jawab. Saya akan jawab secara bertulis, berapa luas sebenarnya tanah di Petaling Jaya sahaja.

Bagi impak bunyi ataupun alam sekitar, ianya semua telah diambil kira oleh pihak kerajaan, termasuk bunyi bising. Mungkin Yang Berhormat dari Kepong selalu buat bising, ini sahaja yang ditekankan.

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Itu sahaja jawapan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM104,949,000 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM104,949,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1995.

Maksud P.49 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1995)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Libaran.

7.08 mlm.

Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran): Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud P.49 berkenaan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan syabas kepada Barisan Nasional dengan keprihatinan dan sekali gus menunaikan janjinya sebagaimana yang dibuat sebelum ini dengan tepat memberikan ketutamaan dalam penyuluran pembangunan untuk rakyat.

Seperti mana tambahan sebanyak RM196 juta ini untuk menampung kos pelaksanaan projek janakuasa 45 megawatt barge-mounted di Telok Sepanggar dan projek stesen janakuasa sebanyak 20 megawatt di Sebentur, Sabah yang mana adalah dalam kawasan saya, jelas kelihatan betapa proaktifnya kerajaan Barisan Nasional untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan tersebut.

Baru lebih kurang 6 bulan masalah ini saya ketengahkan kepada pihak persekutuan, pada petang yang mulia ini, kita lihat sama-sama hasil daripada itu. 9 tahun parti pembangkang PBS memerintah, rayuan selepas rayuan kita buat, but there is no positive development, dengan izin. Inilah pintarnya pembangkang yang kadang-kadang dalam kebodohan.

Dengan penambahan ini, ia akan dapat meningkatkan keupayaan penjana elektrik yang mengalami reserved margin yang negatif. Terutamanya dengan penambahan ini dan siapnya projek ini nanti, ia akan dapat menampung keperluan bekalan

elektrik untuk rakyat di kawasan saya untuk menghadapi masalah bekalan elektrik yang melembabkan ekonomi mereka. Pasti dengan siap projek ini akan mencetuskan pembangunan yang lebih pesat dan rakyat di kawasan tersebut akan dapat bekalan elektrik ke rumah mereka.

Saya juga memohon kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos agar pembekalan elektrik ini dipanjangkan ke kawasan setinggan yang mana mereka ini adalah juga penyokong kuat Barisan Nasional yang telah bertungkus-lumus untuk memastikan kemenangan kita bersama dan untuk mengangkat martabat masyarakat luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang mana Timbalan Menteri yang begitu aktif, yang melawat Sabah kerap kali dan saya berharap segala masalah yang terdapat di negeri Sabah ini mengenai bekalan elektrik akan dapat diselesaikan secepat mungkin. Adalah juga harapan saya agar kontraktor yang telah diberikan tawaran ini dapat menyiapkan projek ini seperti yang dipersetujui.

Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sila jawab nanti, Sipitang.

7.13 mlm.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit mengenai dengan peruntukan tambahan P.49 iaitu sebanyak RM166 juta untuk pelaksanaan projek janakuasa 45 megawatt dan 20 megawatt di Sabah.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih

kepada Kerajaan Persekutuan yang begitu prihatin tentang masalah bekalan elektrik di Sabah yang mana masalah ini sering menjadi rungutan orang ramai dan juga pengilang-pengilang serta pelabur-pelabur yang ingin membuat pelaburan di Sabah. Dengan adanya kelulusan ini dapatlah membuktikan kepada rakyat Sabah dan Kerajaan Pusat tentang kesungguhan dan komitmen Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah bekalan elektrik di Sabah. Ini juga dapat meyakinkan kepada pengilang-pengilang dan pelabur-pelabur yang membuat pelaburan di Sabah.

Walau bagaimanapun, masih banyak lagi kawasan-kawasan di Sabah yang belum selesai tentang bekalan elektrik di mana ia selalu terganggu dan perkhidmatannya tidak begitu menentu. Untuk itu, saya mohon kerajaan ataupun kementerian supaya membuat kajian kepada keperluan jangka panjang di kawasan-kawasan ini ataupun di setiap daerah. Saya merasakan bahawa kita mesti ada bekalan tenaga reserve ataupun lebihan di tiap-tiap kawasan supaya keyakinan terhadap pelabur-pelabur untuk melabur di kawasan tersebut dapat diwujudkan. Ini bermakna bukanlah apabila kita perlu tenaga barulah kita memikirkan tentang untuk mewujudkan janakuasa baru ataupun bekalan elektrik tambahan.

Bagi kawasan-kawasan misalnya di kawasan saya, bekalan elektrik selalu terputus di mana gangguan sering berlaku, ini disebabkan oleh janakuasa yang tua. Kerajaan ataupun kementerian perlulah menimbang semula atau menilai kawasan-kawasan di mana janakuasa yang tua ini perlu digantikan supaya ia memberi perkhidmatan bekalan kuasa sebaik mungkin. Atau kalau perlu

kementerian membuat kajian di mana janakuasa hidro elektrik ataupun IPP perlu diluluskan, hendaklah juga dipertimbangkan.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, kementerian haruslah juga melihat keadaan di Sabah di mana pada masa ini tarif bekalan elektrik di Sabah adalah begitu tinggi dibanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Kita berharap kerajaan ataupun kementerian dapat menimbang agar tarif bekalan elektrik di Sabah ini dapat dikurangkan. Begitu juga mungkin tarif bekalan elektrik di Sarawak dapat dikurangkan.

Saya mohon menyokong atas peruntukan tambahan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Diminta jawab.

7.16 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat dari Libaran dan Sipitang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan Kedua) bagi kementerian saya untuk melaksanakan dua projek janakuasa di Sepanggar dan Sebentur di negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat dari Libaran telah memberikan penjelasan yang amat teliti mengenai projek yang akan dilaksanakan di kawasan beliau. Beliau juga menyentuh tentang kementerian saya memberikan pertimbangan untuk membekalkan bekalan kepada kawasan setinggan. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, oleh kerana permintaan ini adalah disuarakan oleh

Yang Berhormat wakil dari Barisan Nasional, maka permintaan ini akan diberikan perhatian yang cukup serius daripada Lembaga Letrik Sabah.

Yang Berhormat dari Sipitang menyentuh tentang masih ada banyak kawasan di negeri Sabah yang menghadapi kekurangan bekalan dan berharap bahawa kementerian akan menjalankan satu kajian panjang supaya masalah ini dapat dikurangkan ataupun diatasi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada dua projek janakuasa yang kementerian saya minta kelulusan peruntukan untuk melaksanakannya, ada empat projek IPP telah pun diluluskan di mana akan dilaksanakan mulai tahun ini sampai tahun 1997. Saya menjangka bila siapnya keempat-empat projek IPP ini dan juga beberapa projek yang dilaksanakan oleh pihak Lembaga Letrik Sabah sendiri, bekalan di seluruh Sabah akan mencapai satu tahap yang selesa. Maka saya harap dalam tempoh dua tahun akan datang ini masalah kekurangan bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah akan dapat diselesaikan.

Yang Berhormat dari Sipitang juga menyentuh tentang kemungkinan untuk mengadakan projek hidro elektrik di negeri Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu kajian 'feasibility study' dan 'engineering study', dengan izin, telah pun dijalankan di kawasan Liwago supaya satu projek hidro elektrik sama ada sesuai ataupun tidak, diadakan di kawasan ini. Kalau sekiranya kajiannya menunjukkan positif, kita harap satu projek hidro elektrik akan diadakan di kawasan Liwago dan kita harap ia akan siap pada tahun 2005.

Itu sahaja jawapan saya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM166,139,000 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM166,139,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1995.

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1995) –

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepada Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang di hadapan, Senai.

7.19 mlm.

Tuan Lim Si Cheng (Senai): Tuan Pengerusi, jalan kampung adalah suatu kemudahan asas yang amat penting bagi orang-orang kampung. Kekurangan jalan yang sesuai dan sempurna telah mengakibatkan pengangkutan hasil pertanian penduduk-pendudukan kawasan luar bandar untuk jualan terganggu. Kepada jalan yang berada di kawasan rendah sering ditakungi air apabila hujan lebat dan perhubungan terputus mengakibatkan pendidikan anak-anak orang kampung terjejas kerana segala kenderaan tidak dapat masuk ke kampung bagi membawa anak-anak kampung keluar ke sekolah.

Maka dengan ini, saya ingin mencadangkan sekiranya permohonan dari penduduk-penduduk luar bandar untuk pembinaan jalan ataupun membaiki jalan kampung dan jambatan bagi mengelakkan kehidupan orang

kampung dan pendidikan anak-anak kampung tidak akan terjejas, perlu diberi keutamaan oleh kerajaan. Ini adalah tanggungjawab kita.

Di sini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap masalah jalan dan jambatan kayu yang telah lama dihadapi oleh beberapa kampung di Mukim Pagoh, Daerah Segamat, Johor. Saya terpaksa membangkitkan perkara ini kerana perkara ini telah banyak kali dirujuk dan kawasan yang berkenaan telah dilawati oleh 3 orang bekas Menteri Besar Johor, seorang bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, seorang bekas Menteri dan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan juga dijemput membuat lawatan ke kawasan yang terlibat. Akan tetapi masalah masih belum diselesaikan kerana peruntukan yang diperlukan itu adalah satu peruntukan yang agak besar.

Tuan Pengerusi, keadaan kedudukan jalan yang saya bangkitkan ini ialah Jalan Pagoh ke Kampung Tekam, Pagoh, Segamat. Sebenarnya perkara ini amat menyedihkan. Jalan ini merupakan penghubung utama di antara Kampung Tekam, Kepong, tetapi Kepong ini bukan Kuala Lumpur, Kepong dekat daerah Muar dengan bandar Segamat. Panjangnya jalan raya ini berukuran 10km dan terdapat 5 batang jambatan kayu yang telah uzur dan perlu diganti. Hampir sebahagian besar jalan raya ini berada di kawasan rendah dan sering ditakungi air apabila hujan lebat dan perhubungan boleh putus selama 3 hingga 4 bulan ketika musim banjir. Oleh yang demikian, peruntukan tambahan amat penting sekali memandangkan keadaan jalan dan infrastruktur yang kian merosot di kawasan-kawasan luar bandar terutama di kampung-kampung.

Di samping itu jalan raya Pogor ini juga merupakan penghubung utama bagi 16 kampung serta 2 buah sekolah di sekitar kawasan ini. Keadaan jalan dan jambatan yang uzur ini telah menjadi tidak selamat untuk orang ramai menggunakannya.

Tuan Pengerusi, keadaan jalan yang teruk ini ketika musim tengkujuh juga mengancam kehidupan harian penduduk kampung kerana pengangkutan hasil pertanian mereka untuk jualan akan terganggu akibat jalan ditutup. Dengan penutupan jalan dan hasil pendapatan yang merosot, keadaan kebajikan dan kehidupan harian mereka dan keluarga akan terjejas. Keadaan ini melibatkan hampir 4,000 penduduk dari 396 buah isi keluarga.

Selain daripada itu, 2 buah sekolah yang terletak dalam kawasan ini iaitu Sekolah Kebangsaan Kampung Pagoh dan Sekolah Agama Tekam juga mendapati perjalanan fungsi sekolah juga terganggu kerana sekolah terpaksa ditutup apabila berlaku banjir. Murid-murid tidak dapat hadir ke sekolah dan guru-guru pula tidak dapat bertugas seperti yang ditentukan.

Jambatan kayu Sungai Chodan yang berukuran 60' dengan 16' telah dibina pada tahun 1964. Keadaan adalah amat uzur dan sering ditenggelami air selama 3 hingga 4 bulan dan sehingga hari ini, dalam tahun 1995 belum pernah diperbaiki dan memerlukan tindakan segera. 2 batang jambatan lain, jambatan kayu Sungai Genuang Paya Pulaui dan jambatan kayu Sungai Kenawar juga perlu tindakan segera.

Walau bagaimanapun, kedua-dua jambatan ini telah pun mendapat peruntukan dan telah dikeluarkan tender, akan tetapi jumlah peruntukan RM2 juta yang diperuntukkan itu

belum mencukupi dan memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta lagi untuk menyelesaikan masalah ini. Sehingga hari ini projek ini masih belum berjalan.

Oleh yang demikian, saya amat berharap pihak kerajaan dapat bertindak segera membantu penduduk-penduduk kampung yang terlibat agar keselamatan dan kebajikan mereka sentiasa dijaga. Tindakan segera pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini amat dihargai dan jelas menunjukkan kerajaan sentiasa mengambil berat rakyatnya.

Saya mohon menyokong peruntukan tambahan di bawah Maksud P.54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ledang.

7.28 mlm.

Tuan Hashim bin Ismail (Ledang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian di atas cadangan peruntukan sebanyak RM43 juta di bawah Maksud P.54 untuk membiayai pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan mutu kehidupan rakyat luar bandar.

Cuma saya ingin menyentuh tentang jalan-jalan luar bandar sekarang ini yang kurang mempunyai ketahanan. Selepas dua tiga bulan diturap dengan tar, jalan-jalan tersebut telah mulai rosak, berlubang di sana sini, lebih-lebih lagi di musim-musim hujan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya kualiti pembinaan dan penyelenggaraan jalan ini ditingkatkan

yang walaupun melibatkan peruntukan yang lebih sedikit, tetapi langkah ini lebih wajar dan menjimatkan daripada jika jalan ini sering rosak dan perlu sering diperbaiki setiap kali ianya rosak dan terpaksa pula menunggu masa yang lama untuk diperbaiki. Kerosakan yang amat teruk ini biasanya menyulitkan penduduk-penduduk kampung, sekaligus memeningkan kepala Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Rakyat. Oleh itu, saya harap cadangan untuk meningkatkan kualiti jalan-jalan ini perlu diberikan perhatian oleh pihak kementerian.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan Jawatankuasa Penilai di peringkat daerah-daerah terdiri daripada mereka yang mempunyai kemahiran dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan. Misalnya, wakil dari JKR, wakil Pejabat Kemajuan Negeri, wakil Pejabat Daerah dan lain-lain untuk menilai kualiti jalan-jalan ini sebelum jalan-jalan itu diluluskan dan sebelum pembayaran dijelaskan kepada kontraktor-kontraktor yang dapat tender membina jalan-jalan tersebut, supaya jalan-jalan kampung tersebut benar-benar memenuhi piawaian dan standard yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya harap moga-moga dapat Dewan ini dimaklumkan tentang pengagihan peruntukan ini mengikut keperluan negeri-negeri dan kriteria yang digunakan untuk determine, dengan izin, keutamaan pengagihan peruntukan ini bagi setiap negeri-negeri itu.

Dengan itu, saya mohon menyokong dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong Karang.

7.32 ptg.

Tuan Noh bin Omar (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, pertama kali saya ingin mengambil bahagian bagi Maksud B.54 dan seterusnya menyokong peruntukan tambahan sebanyak RM43 juta untuk membiayai pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan kampung di bawah Program Jalan-jalan Kampung.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan untuk membantu dan mempertingkatkan lagi keperluan asas kepada rakyat di luar bandar. Kita tahu di dalam kampung, salah satu alat perhubungan yang amat penting ialah jalan-jalan. Memandangkan kemajuan negara kita dan peningkatan ekonomi di negara kita, di mana rakyat di luar bandar juga telah mencapai kenikmatan ini, maka kita lihat pada hari ini ramai orang-orang kampung telah mempunyai kenderaan sendiri seperti kereta, van dan juga lori. Begitu juga hasil-hasil pertanian diangkut dengan menggunakan lori-lori yang besar dan lori-lori yang sederhana.

Di kawasan Parlimen saya yang terdiri dari sawah padi, padi-padi sekarang ini diangkut secara sistem pukal, di mana padi-padi ini diangkut dengan lori dan mesin-mesin padi telah masuk ke sawah-sawah. Memandangkan jentera-jentera berat telah digunakan oleh orang-orang kampung, maka kualiti jalan sepertimana telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Ledang mestilah dipertingkatkan, kerana banyak jalan-jalan PLB khasnya, apabila dibina bertahan hanya dalam tempoh tidak sampai satu tahun dan jalan itu telah rosak.

Di dalam membiayai penyelenggaraan jalan-jalan ini juga saya ingin mengambil perhatian kepada pihak kementerian, kalau boleh masukkan juga pembinaan dan penyelenggaraan jambatan-jambatan. Jambatan-jambatan kampung yang pada hari ini banyak dibuat daripada kayu-kayu sekarang ini kurang sesuai digunakan kerana sebab-sebab yang telah saya nyatakan di atas. Oleh itu, jambatan-jambatan kampung ini sepatutnya dibuat dengan lebih kukuh lagi khasnya daripada culvert, mudah-mudahan jambatan yang kukuh ini akan dapat digunakan dengan lebih lama lagi.

Yang ketiga, mengenai jalan di luar bandar di kawasan saya adalah dikendalikan oleh tiga jabatan, iaitu JKR, PLB dan juga JPS. Apa yang menjadi masalahnya ialah di antara jabatan-jabatan ini kadang-kadang tidak ada penyelarasan. Sebagai contoh, jalan Jabatan Parit dan Saliran (JPS), kalau kita lihat jalan hanya diturap dengan tanah-tanah merah dan jalan ini kemudiannya akan dinaikkan taraf kepada jalan PLB. Bila jalan ini dinaikkan taraf kepada PLB, yang menimbulkan masalah ialah jambatan, kerana apabila jalan daripada JPS dinaikkan taraf kepada PLB, jalan ini akan diturap dengan tar dan saiznya semakin besar, tetapi malangnya jambatan yang dahulunya dipunyai oleh JPS selalunya ditolak ataupun pihak PLB mengatakan jambatan ini masih lagi dipunyai oleh JPS.

Oleh itu, walaupun jalannya cantik, diturap dengan tar, tetapi oleh kerana jambatan yang lama, yang masih lagi disampaikan dipunyai oleh JPS masih kecil dan tidak sesuai digunakan oleh kenderaan-kenderaan, maka jalan yang cantik itu kadang-kadang tidak dapat digunakan dengan sempurna. Oleh itu,

saya ingin mencadangkan semoga di peringkat jabatan-jabatan di daerah-daerah dapat diselaraskan mengenai pengambilan, iaitu menaikkan taraf jalan-jalan ini mestilah diambil sekali dengan jambatan yang telah sedia ada.

Dengan itu, saya menyokong peruntukan sejumlah RM43 juta ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Gelang Patah.

7.37 mlm.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan peruntukan bagi Maksud B. 54 untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Program Jalan-jalan Kampung.

Memang kita sedia maklum bahawa selama ini penduduk-penduduk di kampung-kampung memberikan sokongan yang paling kuat kepada pihak Barisan Nasional. Oleh yang demikian, kepentingan mereka perlu dijaga dengan baik, terutama dari segi pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan kampung. Keadaan jalan-jalan kampung saya dapati sentiasa kurang dijaga dengan baik oleh pihak berkuasa, terutama pegawai dari Pejabat Daerah yang ditugaskan untuk mengawal keadaan kampung.

Saya dapati bahawa sebab pertama ialah semasa jalan-jalan kampung itu dibina oleh kontraktor, pembinaan tidak dijalankan dengan baik, ini disebabkan oleh kekurangan kawalan.

Saya dapati sebab yang kedua ialah kerana kekurangan perparitan yang baik, jalan-jalan kampung sentiasa menghadapi masalah banjir kilat

semasa hujan lebat. Oleh kerana jalan-jalan ditenggelami dengan air, jalan itu senang rosak. Oleh yang demikian, pihak kerajaan membelanjakan dengan begitu banyak peruntukan untuk memberikan kemudahan asas seperti jalan ini kepada penduduk-penduduk kampung. Walaupun banyak wang yang telah dibelanjakan, tetapi disebabkan kekurangan kawalan menyebabkan wang yang dibelanjakan itu membazir.

Memandangkan pembangunan ekonomi negara kita pesat membangun dan di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kampung ada projek-projek raksasa seperti di Kawasan Parlimen Gelang Patah yang mana Projek Laluan Kedua dan Bandar Baru Gelang Patah sedang dijalankan. Jalan-jalan kampung di kawasan itu di Mukim Tanjong Kupang dan di Mukim Pulau Jelutong boleh dikatakan semua dirosakkan kerana projek-projek itu dan ini adalah tanggungjawab kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal bahan-bahan binaan yang menggunakan lori-lori berat.

Saya fikir pihak berkuasa tempatan atau pihak JKR dan Pejabat Daerah, pegawai-pegawai kerajaan patut mengambil tindakan tegas kepada pembekal-pembekal bahan-bahan binaan serta kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam Projek laluan Kedua, supaya mereka memberikan sumbangan wang. Kumpulkan satu sumbangan wang untuk dibelanjakan bagi memperbaiki jalan-jalan kampung, bukan memperbaiki selepas projek itu diselesaikan, tetapi mesti dibuat semasa projek itu dijalankan.

Apabila mereka mendapati jalan-jalan kampung dirosakkan, pihak yang berkenaan mesti mengambil tindakan

secepat mungkin untuk membaiki jalan-jalan itu. Jika pihak pegawai kerajaan gagal untuk menjalankan tanggungjawab itu, perbelanjaan untuk membaiki jalan-jalan itu akan dijalankan oleh pihak kerajaan dan membazirkan wang kerajaan. Kita mesti memaksa pihak kontraktor serta pembekal bahan-bahan binaan supaya mereka mempunyai perasaan tanggungjawab sosial kepada apa yang dilakukan oleh mereka kerana mereka memang akan menikmati keuntungan dalam projek-projek yang diberikan oleh pihak UEM atau pihak Prolink Development Sdn. Bhd. Oleh yang demikian, saya berharap pihak yang berkenaan mengambil tindakan tegas supaya dapat menjimatkan wang kerajaan.

Selain daripada itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana memberikan peruntukan sebanyak RM1.2 juta untuk membina sebatang jalan menyambung Jalan Gelang Patah ke Kampung Tebing Runtuh sejauh 7 kilometer dan projek itu sedang dijalankan dengan membelanjakan peruntukan itu.

Selain daripada itu, ada peruntukan sebanyak RM150 ribu telah diterima pada awal tahun ini untuk membaiki jalan-jalan kampung di semua kampung dalam mukim Tanjung Kupang dan mukim Pulau Jelutong. Cuma satu perkara yang saya hendak tegaskan di sini ialah apabila peruntukan ini dikeluarkan pihak Pejabat Daerah sepatutnya melaksanakan projek membaiki jalan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang ini untuk

memberikan cadangan supaya apabila jalan-jalan kampung dibina, pihak Pejabat Daerah mesti memberikan perhatian yang sesungguhnya. Kerana kita dapati selepas jalan-jalan kampung disiapkan oleh kontraktor dan apabila jalan-jalan itu rosak ditimbulkan oleh pihak JKKK atau pihak Ketua Kampung, pihak Pejabat Daerah sentiasa tidak mengambil tindakan secepat mungkin untuk membaikinya. Ini sudah mengakibatkan jalan-jalan itu telah rosak sampai satu tahap yang mana kita perlu membelanjakan lebih banyak wang untuk membaikinya. Ini adalah satu cadangan saya supaya pihak kementerian dapat kerjasama pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah tentang keadaan jalan-jalan kampung yang perlu diawasi dari masa ke semasa. Dengan ini saya mohon menyokong peruntukan tambahan RM43 juta untuk Program Jalan Kampung ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

7.45 mlm.

Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said (Kuala Nerus): Tuan Pengerusi, langkah Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun lepas untuk menambah peruntukan sebanyak RM400 ribu bagi kawasan-kawasan di luar Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah adalah satu langkah yang baik dan saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya suka mengutarakan beberapa masalah, pertamanya, tentang kualiti jalan. Kualiti jalan di Pantai Timur Semenanjung sepatutnya tidak sama dengan Pantai Barat memandangkan

operasi kementerian ini haruslah mengambil perkara Projek Jalan Kampung (PJK) ini, suatu perkara yang begitu penting dan perlu. Kerana sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan-rakan yang lain tadi bahawa PJK ini adalah merupakan alat perhubungan yang begitu penting kepada masyarakat di kawasan luar bandar. Mutu pembangunan pembinaan jalan ini haruslah dipertingkatkan untuk tidak membelanjakan wang yang banyak. Kalau ukurannya 12 kaki, kenalah buat 12 kaki. Janganlah ada pula yang sudah siap 8 kaki ataupun 10 kaki, kerana ini melibatkan kepada mutu penggunaan.

Jadi, apa yang berlaku setakat hari ini melalui pemerhatian-pemerhatian kita bahawa terdapat di antara tugas dan penyeliaan yang dibuat oleh bahagian Pembangunan Luar Bandar di Pejabat-pejabat Daerah tidak begitu prihatin dengan kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang telah mendapat projek ini. Yang malangnya ialah suatu projek yang berada di dalam satu-satu kawasan Parlimen itu dibuat oleh kontraktor daripada luar kawasan Parlimen itu sendiri. Jadi, apalah salahnya kalau Pejabat Daerah, Bahagian Pembangunan dan juga Pegawai Kemajuan Negeri mengambil berat bahawa peluang yang sedemikian haruslah diberikan kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang berwibawa untuk mereka lebih bertanggungjawab. Jangan sampai ada di antara kontraktor-kontraktor yang membuat projek yang sedemikian mengambil mudah perkara-perkara yang melibatkan segi kualiti dan sebagainya.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyarankan supaya bahagian operasi kementerian

berkenaan haruslah mengambil kira permohonan-permohonan yang telah dimajukan kepada kementerian. Saya mendapat maklum macam di Jelebu sudah tiga empat kali minta, tak juga dapat. Jadi, baru-baru ini saya telah pun mengemukakan dan mengangkat satu permohonan yang melibatkan RM1.5 juta yang merupakan sebagai satu projek yang urgent yang harus dibuat melalui pemeriksaan-pemeriksaan yang dibuat oleh Technician, Pejabat Daerah. Kalau boleh, Kementerian Pembangunan Luar Bandar haruslah memikirkan bahawa perkara ini adalah merupakan perkara yang perlu diberikan keutamaan.

Kalau dinilai bahawa keperluan itu melebihi daripada RM1.5 juta atau lebih daripada RM5 juta yang diperlukan. Tetapi apa yang dimohon ialah keperluan yang begitu utama. Saya mohonlah supaya perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak kementerian. Di samping kita membaiki, kementerian juga haruslah memikirkan untuk membuat jalan-jalan baru, Tuan Pengerusi, kerana sebagaimana yang dinyatakan tadi jalan adalah merupakan keperluan asas kepada masyarakat di kawasan luar bandar, tak kira di kawasan orang Melayu, orang-orang Cina, mahupun Orang-orang Asli. Semuanya ini adalah merupakan pengundi kita yang setia. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jawab.

7.59 mlm.

Tuan Douglas Uggah Emabs: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan; Yang Berhormat dari

Senai, Yang Berhormat dari Ledang, Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Yang Berhormat dari Gelang Patah, Yang Berhormat dari Kuala Nerus, Yang Berhormat dari Parit Buntar dan Yang Berhormat dari Jelebu. Terima kasih atas pandangan, teguran dan cadangan yang dibuat.

Pada petang ini, saya tidak berhasrat untuk menjawab kesemuanya perkara yang telah ditimbulkan kerana ada beberapa perkara yang disentuh tadi adalah di luar tanggungjawab kementerian. Jadi, saya akan menumpukan jawapan kepada beberapa perkara yang saya rasa perlu dijawab pada petang ini.

Yang pertama, yang saya ingin tekankan di sini bahawa tujuan peruntukan tambahan ini yang berjumlah RM43 juta ini adalah untuk menampung keperluan pada tahun ini oleh kerana peruntukan asal bagi tahun 1995 adalah hanya RM4.7 juta dan peruntukan ini didapati tidak mencukupi. Maka oleh yang demikian, kerajaan menambahkan lagi peruntukan tambahan RM43 juta ini untuk memenuhi permintaan-permintaan yang kita dapat laksanakan pada tahun ini.

Mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan tadi, yang pertama adalah mengenai kualiti jalan. Memang kementerian telah menerima banyak aduan dan saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian pada petang ini kerana prihatin dan peka mengenai masalah ini bahawa beberapa jalan kampung yang telah dilaksanakan adalah mempunyai kualiti yang tidak baik. Ingin saya maklumkan di sini bahawa setelah menerima maklumat itu, kerajaan telah membuat kajian dan pada Rancangan Malaysia yang

Ketujuh, kita berharap pendekatan baru dapat digunakan untuk mengatasi masalah kualiti jalan ini.

Dalam cadangan kita, standard jalan PJK yang baru akan dibina adalah mengikut standard JKR iaitu kualiti jalan PJK ditingkatkan supaya ia lebih tahan dan dapat digunakan oleh kenderaan berat, tidak seperti yang dibuat sekarang.

Dari segi pelaksanaan, kementerian juga mencari jalan untuk mencadang bahawa agensi pelaksanaan adalah agensi yang mempunyai kepakaran, yang mempunyai kakitangan yang cukup untuk menyelia pembinaan-pembinaan jalan supaya apa-apa standard jalan yang kita kehendaki dilaksanakan dapat disempurnakan mengikut standard yang telah ditetapkan. Maka satu cadangan akan dibuat bahawa jabatan JKR akan membantu mengenai perkara ini.

Mengenai kriteria dan sebagainya, ianya akan dibuat oleh pejabat pembangunan daerah dengan cadangan dari pegawai daerah. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masing berbincang dengan pegawai daerah mengenai keperluan di kawasan masing-masing.

Akhirnya, saya ingin menekankan di sini bahawa kementerian dan juga Kerajaan Barisan Nasional memang berusaha seboleh-bolehnya untuk meneruskan pembangunan projek jalan kampung demi kepentingan penduduk luar bandar kerana Kerajaan Barisan Nasional sedar bahawa penduduk luar bandarlah menjadi tulang belakang Kerajaan Barisan Nasional yang telah memberikan sokongan yang kuat (*Tepuk*) kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana mereka cukup berkeyakinan bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan sentiasa membela nasib mereka.

Dengan itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan apa-apa perkara yang saya tidak sentuh dan tidak jawab di sini, akan diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM43,000,000 untuk Maksud P. 54 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM43,000,000 untuk Maksud P. 54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1995.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit - Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990)

bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan. Pembangunan Tambahan Kedua, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut.”

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.”

hendaklah disetujui.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-

ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul sepertimana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus lapan puluh lima juta, sembilan ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus sembilan puluh (RM585,954,990) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.”

UCAPAN PENANGGUHAN

Kegagalan Menepati Piagam Pelanggan

8.08 mlm.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

membawa dua kes kegagalan pihak Kementerian Dalam Negeri yang gagal menepati Piagam Pelanggan kementerian memberikan perkhidmatan berkesan, efisien dan cepat kepada rakyat.

Kes pertama, ialah Puan Chai Chew Jan yang menunggu lebih daripada tiga tahun tetapi masih belum mendapat gantian kad pengenalan baru K/P Nombor K 0294416. Permohonannya dibuat pada 21hb Ogos 1992 di Jabatan Pendaftaran Limbang, Sarawak. Puan Chai telah diberikan resit pengambilan kad pengenalan sementara Sarawak nombor 118366 yang tersangat mudah bentuknya. Kad pengenalan sementara ini tidak mempunyai alamat dan butir-butir lanjut peribadi si pemegang. Ia tidak boleh digunakan langsung oleh si pemohon sama ada untuk memperbaharui lesen memandu, umur.....

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ada Ahli Yang Berhormat yang bangun itu! Ahli Yang Berhormat bangunkah?

Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman: Ya! Tuan Yang diPertua, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini tidak cukup kuorum.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang dahulu, Setiausaha!

(Ahli-ahli dikira: 12 ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: 12 Ahli, tidak cukup kuorum, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak cukup kuorum, saya menangguhkan Majlis Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.12 malam.